



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam 16 November 2011 (Rabu)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)

**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim

PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)

**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali

DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Sri Muda)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datok)

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal, SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman  
**Bentara**

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof  
**Penolong Bentara**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )**

**TUAN SPEAKER :** Dewan bersidang semula

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat hari keenam 16 November 2011 bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Persidangan Dewan Negeri Selangor Kedua belas dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker soalan No. 61.

**TUAN SPEAKER :** Seri Andalas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : RUMAH BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN**

61. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan bantuan Rumah Kerajaan Prihatin yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri sejak 3 tahun yang lalu mengikut pecahan daerah dan nama penerima?
- b) Sila nyatakan apakah kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan negeri dalam konteks kelulusan bantuan Rumah Kerajaan Prihatin supaya tiada penerima yang mengambil kesempatan walaupun tidak layak?
- c) Sila huraikan apakah perancangan kerajaan negeri pada masa hadapan khususnya dalam memperkasakan bantuan terhadap golongan miskin dan para belia yang tidak mempunyai rumah?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Terima kasih Sekinchan untuk soalan sila senaraikan jumlah bilangan bantuan rumah prihatin yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri dan juga sila nyatakan apakah kriteria yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri dalam konteks kelulusan bantuan rumah kerajaan

prihatin. Bilangan bantuan rumah program kerajaan prihatin yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri sejak 3 tahun yang lalu adalah seperti berikut. Keseluruhannya dalam tahun 2009 binaan baru ialah 136, baik pulih ialah 49. Tahun 2010 bina baru ialah 82, baik pulih ialah 96. Sampai sekarang tahun 2011 bina baru ialah 88 dan baik pulih ialah 114 keseluruhannya berjumlah 650 dalam 3 tahun ini. Senarai nama-nama yang diminta oleh Sekinchan daerah dan nama penerima kita akan hantar melalui tulisan dan banyaknya nama. Bagi memastikan pemohon yang layak menerima sahaja akan diberikan bantuan kerajaan negeri telah menyediakan syarat-syarat kelayakan bagi setiap pemohon. Syarat-syarat kelayakan ini dinyatakan di dalam borang permohonan bantuan rumah kerajaan prihatin yang menjadikan rujukan oleh pemohon sendiri, Ketua-ketua Kampung, Penghulu dan Pejabat Daerah. Setiap pemohon yang terima akan dinilai oleh Pejabat Daerah untuk dikemukakan kepada UPEN bagi tindakan lawatan dan siasatan ke rumah pemohon. Hasil daripada lawatan dan siasatan yang dijalankan akan dibawa ke mesyuarat kuasa pemilihan penerimaan bantuan rumah kerajaan prihatin untuk diluluskan. Kerajaan negeri sedang merancang membina lebih banyak rumah kerajaan prihatin atas tanah kerajaan untuk dijadikan rumah kerajaan prihatin berkelompok. Perumahan ini adalah khusus bagi pemohon yang tidak mempunyai tapak untuk pembinaan rumah. Walau bagaimanapun rumah bantuan ini hanya akan diduduki oleh penghuni dalam satu tempoh yang akan ditetapkan. Selain daripada bantuan rumah kerajaan negeri turut memberi bantuan mesin dan peralatan untuk golongan miskin yang berminat untuk meningkat ekonomi di bawah Program *Blue Print* kerajaan negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Sila.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Soalan tambahan. Saya minta penjelasan daripada Y.B. Seri Andals berkenaan rumah prihatin ini berapakah seunit harga rumah prihatin pada masa kini dan bagaimanakah seseorang itu yang berpendapatan sekitar berapa yang boleh kita kategorikan layak untuk memohon termasuk ibu tunggal atau ibu tinggal dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Harganya sekarang ialah RM30,000 untuk membina 2 bilik dan RM33,000 untuk membina 3 bilik. Cadangan kita untuk naikkan harga masih ada bersama dengan zakat sebab zakat pun buat binaan PPRT di seluruh negeri Selangor. Harga zakat ialah RM45,000 untuk 3 bilik dan RM33.00 untuk 3 bilik zakat tidak buat 2 bilik dia bina 3 bilik sahaja. Atas soalan pemohon-pemohon ini ada 2 kriteria penting yang kita kena bandingkan ialah:

1. Pemohon ini yang layak mesti lebih daripada 45 tahun. Dia dari golongan pendapatan rendah itu ikut garis panduan oleh kerajaan negeri ialah RM1,500 pendapatan isi keluarganya. Tetapi ramai yang memohon ini hendak saya

memberi tahu dekat 85% yang memohon ini pendapatan mereka ialah kurang dari RM1,000 sebulan. Satu lagi kriteria dia ialah:

2. Tanah yang dia minta untuk dibina di atas tanah kita akan bina PPRT itu kerana mesti dimiliki oleh pemohon itu sendiri atau warisnya, ataupun dia mesti dapatkan surat kebenaran dari keluarga atau sebagainya untuk kita bina rumah di atas tanah itu. Kriteria lagi satu ialah:
3. Bila dia bersetuju dengan pembinaan rumah itu dia kena pun bersetuju merobohkan rumah yang masih ada sekarang. Rumah yang ada sekarang kena roboh dan lepas itu sahaja kita kena bina rumah di atas tanah yang sekarang.

Kriteria ini sama untuk semua yang memohon ada ke, dia ibu tunggal ke atau ibu tinggal ke, orang tua ke, siapa ke, semuanya pun sama juga. Kita tidak ada *spirit* lain-lain untuk kategori dan golongan lain tiada. Sekarang kita nampak ramai pemohon kita yang kita dapat sekarang ialah dari yang saya katakan dalam zakat ialah dipanggil asraf atau kita panggil dia golongan yang miskin tegar di dalam luar bandar ini banyak contohnya di Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjung Karang tempat-tempat begitu di mana mereka-mereka memohon itu tidak ada tanah dan sekarang masalah besarnya dia mereka pun tidak rumah. So sekarang saya minta semua Pejabat Tanah untuk buat satu kajian dalam satu kawasan di mana tiap-tiap daerah untuk memperuntukkan 5 ke 10 ekar ada di sana tanah kerajaan yang boleh kita gunakan untuk bina rumah PPRT orang-orang ini dalam kategori terendah pendapatan mereka di dalam negeri. Dan ini kita telah pun lanjutkan di beberapa tempat tetapi ada jugalah di kawasan-kawasan yang tertentu walaupun dia katakan rizab KTM macam Kuala Selangor sudah 45 tahun rizab KTM ini tiada landasan kereta api pun di sana tetapi kata itu rizab KTM pula tetapi di atas rizab itu orang-orang telah membina rumah-rumah banyak dan kita tidak boleh membuat apa-apa tapi kena gunakan rizab itu yang katakan untuk dibenarkan. So inilah kriteria-kriteria yang utama kita beri untuk orang-orang yang memohon untuk rumah PPRT.

**TUAN SPEAKER :** Balakong. Tidak ada. Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Y.B. Tuan Speaker soalan 63 dari Bangi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : HARGA RUMAH MELAMBUNG TINGGI**

63. Harga rumah seperti di Bangi berganda melambung tinggi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan bagi membantu rakyat biasa membeli rumah?
- b) Secara kasar, berapakah rumah yang diperlukan oleh rakyat Selangor, berapa pula yang dapat disediakan oleh kerajaan Selangor?
- c) Setakat ini, di manakah tumpuan kerajaan membina rumah?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD :** *Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bangi. Bagi membantu rakyat di negeri Selangor berpeluang memiliki rumah, kerajaan negeri telah menetapkan dasar khusus bagi pembangunan tanah. Pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Manakala kawasan di luar Lembah Klang pula dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 10% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Manakala bagi pembangunan yang kurang daripada 10 ekar ( 2 hingga kurang 10 ekar) pula ialah syarat penyediaan 30% Rumah Kos Sederhana dikenakan bagi kawasan dalam Lembah Klang. Ini adalah peraturan dinamakan sebagai 2020 atau 2010. Selain daripada penetapan komposisi pembangunan perumahan tersebut, harga jualan maksimum terhadap Rumah Mampu Milik turut ditetapkan. Harga jualan Rumah Mampu Milik tersebut pada harga seperti berikut iaitu pada di dalam kawasan Perbandaran iaitu dalam Lembah Klang 20% Rumah Kos Rendah itu harga maksimumnya adalah RM42,000. Sementara 20% Rumah Kos Sederhana Rendah adalah RM72,000 dan 10% Rumah Kos Sederhana adalah RM100,000. Lain-lain jenis bangunan kediaman ialah bebas atas daripada itu. Dalam kawasan Majlis Daerah pula 20% Rumah Kos Rendah harganya adalah maksimum adalah (*dengan izin*) ialah RM35,000. 20% Rumah Kos Sederhana Rendah harga maksimumnya adalah RM60,000. Sementara 10% Rumah Kos Sederhana harga maksimumnya adalah RM85,000. Dan luar kawasan Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran ialah 20% Rumah Kos Rendah maksimum kos harga rendah di luar kawasan Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran adalah RM30,000 kalau kos rendah. 10% kos Rumah Sederhana Rendah adalah RM50,000 dan 10% Rumah Kos Sederhana adalah RM70,000. Dan dari segi atau dari segi ketetapan keluasannya adalah bagi Rumah Kos Rendah adalah 250 kaki persegi dan Rumah Kos Sederhana Rendah 750 kaki persegi. Sementara Rumah Kos Sederhana adalah 850 kaki persegi. Di samping dasar sedia ada tersebut, kerajaan negeri juga telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Rumah Mampu Milik Selangor Konsep Baru yang boleh memberi lebih pilihan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah yang lebih selesa dan berkualiti. Untuk makluman atau sebagaimana sedia maklum bahawa Rumah Mampu Milik ini telah dilancarkan pada 3 Jun tahun ini. Secara keseluruhannya dari tahun 2005

sehingga tahun 2010, negeri Selangor telah diunjurkan memerlukan sebanyak kira-kira 435,775 unit rumah atau 435 ribu dan 745 unit rumah yang diperlukan iaitu 435,775 bagi menampung kira-kira 7,369,030 orang penduduk pada ketika itu. Perincian rekod keperluan perumahannya adalah kalau mengikut kawasan daerah, saya akan merangkumkan bagi semua permintaan. Jumlahnya kalau kita kira sebab kita rangkum bagi semua daerah jumlah permintaan seperti yang saya sebutkan tadi adalah 435,775 tetapi masalahnya penawarannya adalah 317,094 itu yang ada *in the market* lah atau pasaran (*dengan izin*).

Berdasarkan rekod ini keperluan pembinaan rumah di negeri Selangor akan terus dirancang dan dilaksanakan untuk disesuaikan dengan keperluan setempat. Sekarang ini kita telah mengadakan suatu kajian yang dilakukan atau kita telah melantik pihak, kerajaan negeri telah melantik unit perunding Universiti Malaya untuk kita merumuskan satu lagi kajian *beyond* ataupun selepas 2010 2011 ke atas, yang ini adalah 2005 hingga 2010 dan kita akan dapatlah sama ada dua perkara iaitu dari segi, yang penting sekali dua perkara yang penting sekali adalah permintaan dalam *time frame* atau dalam jangka waktu tersebut dan juga cara-cara macam mana kita hendak memenuhi akan permintaan-permintaan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri memberikan satu kelulusan pembangunan adalah berdasarkan kepada cadangan pembangunan yang dikemukakan oleh pemaju. Kebiasaannya pemaju pula akan membina satu projek perumahan setelah mengambil kira sesuatu kawasan berdasarkan kepada kajian *feasibility*. Walau bagaimanapun untuk skim Perumahan Mampu Milik Selangor konsep baru kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor telah mensasarkan membina 11 ribu unit rumah sehingga 2011 dan sebanyak 10,000 unit rumah sehingga 2022. Bagi tujuan tersebut PKNS telah mengenal pasti beberapa tapak untuk didirikan dengan perumahan mampu milik. Cadangan tersebut adalah seperti berikut, iaitu di Seksyen 3 Bandar Baru Bangi dalam daerah Hulu Langat, Seksyen U12 Shah Alam dalam daerah Petaling di Antara Gapi Hulu Selangor, Kota Puteri Kuala Selangor, Kampung Seri Temenggong, Gombak dan Taman Sains Selangor II iaitu di Sepang. Ini yang paling, *the most immediate* dengan izin yang akan dilancarkan paling lewat pada tahun 2012 tahun hadapan. Selain daripada itu kerajaan negeri juga membuka kepada pemaju-pemaju swasta yang ingin membina rumah mampu milik di mana terdapat di kawasan mereka di mana mereka disyaratkan membina rumah kos rendah tapi masalahnya di kawasan tersebut tidak ada permintaan rumah kos rendah, jadi kita benarkan tapi selepas melakukan kajian kita benarkan mereka bina rumah mampu milik. Kalau rumah kos rendah yang perlu mereka bina tidak ada permintaan di kawasan tersebut dan sekarang ini ada satu yang telah diluluskan ada satu pemaju iaitu di kawasan Sungai Long lebih kurang 139 unit dan juga di Shah Alam U10 juga dalam 500 unit bermakna setakat ini yang dibina oleh pemaju adalah lebih kurang lebih kurang 700 unit yang dibina oleh pemaju dan kita masih buka kepada pemaju-pemaju untuk membina rumah mampu milik sebab kalau

kita nak mengharapkan PKNS ataupun kerajaan secara tidak langsung membina rumah untuk rakyat ianya memang tidak mencukupi. Usaha ini adalah gandingan di antara kerajaan negeri dan juga swasta. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Yang dibicarakan adalah rumah mampu milik yang dibina oleh kerajaan, yang masalah kita ialah rumah yang tak mampu milik umpamanya rumah yang dibina oleh swasta dan juga kedai ya. Swasta ni kalau kita tengok Puncak Bangi ya, harga diletak RM800,000 kemudian melompat jadi RM1,200,000 kemudian dalam masa beberapa bulan RM1.5 juta, kedai pun begitu juga, dia letak harga RM800,000 tapi akhirnya jadi lebih daripada RM1 juta. Tidak adakah satu mekanisme yang boleh kita kawal yang swasta ini supaya siling ni tidak apa ni melampau tinggi yang dan tidak dia rugi juga supaya ertinya dengan ini rumah lain juga dapat dikawal. Bila yang swasta ini naik harga yang biasa pun turut naik sehingga di luar kemampuan. Kita memikirkan macam mana anak cucu kita nak beli rumah akan datang. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Ada dua tiga perkara la yang saya terangkan di sini. Yang pertama adalah dari segi harga rumah. Harga rumah kita ni berdasarkan kepada *free market economy* dengan izin bahawa ada perkara-perkara yang kita kawal tetapi ada perkara-perkara yang tidak boleh kita kawal. Tapi yang penting sekali kita ada dalam satu pemajuan bermakna kita telah meletakkan dalam pemajuan itu harga yang harga bebas ada yang harga kita kawal. Jadi bermakna walaupun pemaju boleh menaikkan harga katalah dalam 10 ekar separuh adalah harga yang dikawal oleh kerajaan sama ada RM42,000 ataupun RM72,000 ataupun RM100,000. Jadi yang 50% itu memang dikawal oleh kerajaan yang ini lah yang dikatakan mampu milik tetapi yang 50% ini adalah terbuka kepada pemaju untuk meletakkan harganya. Walau bagaimanapun ada mekanismenya di mana kerajaan dari segi harga perlu pergi kepada kerajaan negeri untuk mendapatkan kelulusan kadang-kadang kalau dia nak naik pun perlu pergi kepada kerajaan negeri. Yang perkara yang ketiga adalah dari segi kalau Yang Berhormat amati kepada ucapan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dari segi belanjawan kita pada 2012 ada disebut oleh Dato' Menteri Besar tentang spekulasi di mana kita akan memantau dan akan mengambil tindakan ke atas pemaju-pemaju yang memegang, memegang hartanah atau rumah-rumah yang nak dijual tak dijual masa *launching* tu tak dijual kata dah habis tetapi dia tunggu sampai naik baru dia jual. Yang ini kalau kita amati ada satu perenggan di dalam belanjawan tahun ini di mana Dato' Menteri Besar telah mengatakan bahawa kita akan mengkaji dan kita akan mengambil tindakan kepada apa yang dipanggil sebagai dengan izin *unscrupulous developer*. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pelabuhan Klang? Tidak hadir. Paya Jaras? Tidak hadir. Taman Templer? Tidak hadir. Bukit Antarabangsa? Tidak hadir. Teratai?

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Y.B. Tuan Speaker soalan nombor 68.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LEE YING HA**  
**(TERATAI)**

**TAJUK: BANJIR KILAT DAN TANAH RUNTUH**

68. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah banjir kilat dan tanah runtuh masih berlaku di Selangor? Sila sebutkan tempat dan cara penyelesaian.
- b) Sila nyatakan kos telah digunakan untuk mengatasi masalah banjir kilat dan tanah runtuh dalam tahun 2008, 2009 dan 2010.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : *Assalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Y.B. Tuan Speaker. Masalah banjir kilat tanah runtuh merupakan satu bentuk bencana alam yang serius jika tidak dikawal. Seperti di Majlis Bandaraya Shah Alam umpamanya antara tempat yang sering berlaku banjir ialah di Jalan Sungai Rasa, Batu 3 Lama, Kampung Melayu Subang dan Kampung Paya Jaras. Manakala kejadian tanah runtuh tiada sebarang insiden ketika yang berlaku. Pihak MBSA sering melakukan perbincangan dengan pihak JPS, JKR dan pemaju yang terlibat bagi mengawal masalah banjir. Bagi Majlis Perbandaran Ampang Jaya MPAJ, masalah banjir kilat sering berlaku di Jalan Wawasan dan Kampung Baru Cina Ampang. Manakala kawasan Ukay Perdana dan Bukit Sungai Seputeh sering dikaitkan dengan kawasan tanah runtuh. Pihak MPAJ telah melakukan kerja-kerja pembaikan dan menaiktarafkan longkang bagi mengatasi masalah banjir kilat dan pemasangan *turpulin* bagi mengawal kejadian tanah runtuh. Masalah banjir kilat dan kejadian tanah runtuh memerlukan perbelanjaan yang agak tinggi di PBT-PBT dan kalau nak *lay cut* dia punya *breakdown* ataupun bahagiannya, Majlis Bandaraya Shah Alam pada tahun 2008 membelanjakan RM30,000, 2009 juga RM30,000, 2010 RM40,000. Majlis Perbandaran Subang Jaya tahun 2008 RM3 juta tahun 2009 RM1.076 juta dan kemudian tahun 2010 RM426,000. Kemudian kita pergi kepada Majlis Perbandaran Selayang tahun 2008 RM204,000, tahun 2009 RM307,000 dan tahun 2010 RM317,676.00. Kemudian Majlis Perbandaran Ampang Jaya, tahun 2008 perbelanjaannya RM5.9 juta, 2009 RM3.5 juta, dan tahun 2010 ialah RM2.5 juta. Jadi ini adalah sebahagian daripada PBT-PBT yang telah diperuntukkan perbelanjaan bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 dan sebagaimana yang disebutkan di dalam jawapan saya mengenai banjir slot supaya sepantas lalu yang lalu kita dapatti bahawa banjir ini akan

terus berlaku walaupun tindakan-tindakan telah pun diambil tapi oleh kerana pembangunan yang berlaku di sekitar kawasan-kawasan yang disebutkan tadi terutama pembangunan-pembangunan yang berlaku di tanah tinggi kita dapat runtuhan-runtuhan tanah dan sebagainya melibatkan banjir berlaku. Selain daripada itu ialah *maintenance* atau penyelenggaraan longkang-longkang yang tersumbat dan sebagainya ini juga membantu kepada banjir-banjir kilat sebagaimana yang kita ketahui. Apa pun kerja sudah dijalankan seperti di Gombak misalnya banjir suatu masa dulu boleh dikatakan setiap waktu hujan banjir melanda kawasan Gombak tapi oleh kerana saliran-saliran telah dibaiki longkang-longkang telah dibaiki maka sekarang banjir-banjir termasuk banjir kilat tidak lagi berlaku di kawasan-kawasan tersebut Y.B. Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Y.B. Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Yang Berhormat EXCO, Seri Setia ingin bertanya, adakah nak bawa ingin bertanya tentang langkah-langkah jangka masa panjang yang hendak diambil di Taman Mesra Shah Alam yang terletak berhampiran TTDI Jaya dan Batu 3 yang terletak di bawah DUN Seri Setia. Untuk makluman Yang Berhormat EXCO sampai hari ini kawasan ini masih lagi terpaksa bergantung kepada pam kerana ia terletak di bawah paras *monsoon drain* kawasan perumahan ini yang dibina puluhan tahun lalu terletak di bawah paras air dan jika pam itu rosak, maka akan berlaku banjir kilat di kawasan ini. Saya ucapkan tahniah pada pihak MBSA yang menyelenggarakan pam ini dengan sepenuh masa dan saya ingat penyelenggaranya baik tetapi saya ingat ini bukan penyelesaian jangka masa panjang apabila mereka berharapkan kepada pam untuk tidur nyenyak di waktu malam. Saya minta jika pihak Yang Berhormat EXCO dan kerajaan negeri dapat cari jangka rancangan jangka masa panjang untuk menyelesaikan masalah ini seperti di kawasan-kawasan lain misalnya TTDI Jaya dan lain-lain lagi.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kita dapat bahawa ada 3 pendekatan yang diambil oleh JPS. Satu ialah pendekatan yang *immediate* dengan izin iaitu pendekatan yang timbul hasil daripada yang diluar jangka seperti hujan lebat di luar daripada kebiasaan yang menyebabkan kebanjiran itu pun langkah-langkah yang telah diambil oleh JPS. Sekarang ini kita dapat di TTDI Jaya dan kawasan-kawasan yang berdekatan yang dulunya dilanda banjir saya pun telah beberapa kali pergi ke sana waktu banjir berlaku dan melihat minggu ini berlaku dan minggu depan berlaku lagi banjir yang tidak dapat diramalkan. Kemudian ialah jangka pertengahan, jangka pertengahan JPS telah mengambil langkah-langkah seperti yang disebutkan tadi pam-pam itu digunakan untuk jangka pertengahan tetapi jangka panjangnya sudah tentulah *master plan* sedang dirangka oleh JPS sebagaimana juga JKR saya umumkan semalam memerlukan RM43 bilion

untuk kita membaiki sistem jalan raya kita yang dikendalikan oleh negeri yang diberitahu kepada saya di peringkat interim ini bahawa untuk membaiki masalah banjir termasuk di dalam kawasan Yang Berhormat yang memberikan soalan tambahan tadi kita merasakan itu pun akan dapat menerima faedah langsung daripada rancangan jangka panjang. Apa pun sebagaimana JKR saya akan membentangkan nanti kepada MTES atau EXCO kedudukan banjir paling tidak pun untuk masa yang *immediate* sebagaimana yang diketahui bulan November diramalkan 25 November ini air akan naik terutamanya di Pantai Timur di Malaysia ini dan di utara Malaysia ini dan kemungkinan besar alirannya pun akan sampai di negeri Selangor ini dan kita pun sedang mengambil tindakan-tindakan yang seharus sepatutnya bagi mengelakkan apa juga keadaan yang tidak kita mahu berlaku supaya tidak berlaku. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya berasaskan yang mungkin tempat yang sering dilanda banjir kilat tadi salah satu yang tidak disebutkan ialah di Taman Sri Muda. Masalah di Taman Sri Muda ini untuk pengetahuan Yang Berhormat EXCO ialah kedudukannya ia memang benar berada di bawah paras lebih rendah sedikit dari sungai apabila air pasang dan yang menjadi masalah di situ ialah kolam takungan sudah ada dibina tetapi pam yang sepatutnya berfungsi secara automatik sudah tidak berfungsi. Jadi aduan ini sudah dikemukakan sejak hampir 3 tahun yang lepas tetapi sehingga ke hari ini masih menggunakan tenaga manusia untuk pam air daripada kolam untuk masuk ke sungai. Jadi soalan saya, bila penduduk-penduduk di kawasan Taman Sri Muda ini boleh risau boleh kurangkan sedikit kerisauan mereka kerana hari ini setiap kali hujan lebat kalau lambat Juruteknik yang bertugas itu pergi pam air maka keseluruhan pekan Taman Sri Muda dibanjiri oleh air. Jadi saya mintak penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Terima kasih tentang apa yang dibangkitkan oleh Sri Muda tentang Taman Sri Muda. Selepas saja sesi soal jawab ini saya akan bertemu dengan JPS dan mengarahkan mereka supaya melihat supaya pam-pam itu dapat berjalan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Y.B. Tuan Speaker, soalan No. 70.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK: LESEN INDUSTRI BURUNG WALIT**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah hasil yang diperolehi mengikut PBT untuk lesen industri burung Walit bagi tahun 2009-2011?
- b) Badan manakah yang bertanggungjawab terhadap segala pemantauan dan juga aduan awam dalam pengurusan industri burung Walit?

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Y.B. Tuan Speaker, Rawang ingin bertanya mengenai lesen industri burung Walit. Rawang nak tahu senarai jumlah hasil yang diperolehi mengikut PBT untuk lesen industri burung Walit bagi tahun 2009 hingga 2011. Senarai jumlah hasil yang diperolehi mengikut PBT bagi lesen industri burung Walit adalah seperti berikut:

MBSA	-	Tidak ada
MBPJ	-	Tidak ada
MPK	-	Tidak ada
MPAJ	-	Tidak ada
MPSJ	-	Tidak ada
MPS	-	Tidak ada
MPKJ	-	RM200.00 sahaja
MP Sepang	-	Tidak ada
Majlis Daerah Kuala Selangor	-	RM61,205.00 sahaja
MDHS iaitu Hulu Selangor	-	RM1,500.00 sahaja
MDKL iaitu Kuala Langat	-	RM12,000.00 sahaja
MDSB, Sabak Bernam	-	RM361,450.00

Jadi jumlahnya hanya RM436,355.00 sahaja. Ini begitu rendah kerana sampai hari ini garis panduan untuk burung Walit belum dapat dikeluarkan kerana ada kerumitan. Garis panduan yang dikeluarkan oleh KPKT oleh pusat, tidak boleh digunakan dengan begitu sahaja kerana ada banyak perkara-perkara yang tidak tentu dan tidak jelas. Setakat ini kita masih berusaha garis panduan untuk negeri Selangor sudah masuk tahap yang akhir, mudah-mudahan garis panduan ini dapat dikeluarkan dan kutipan daripada ataupun hasil daripada burung Walit akan bertambah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, badan yang bertanggungjawab terhadap pemantauan dan juga aduan dalam pengurusan industri burung Walit adalah Pihak Berkuasa Tempatan bersama dengan Jabatan Veterinar Negeri Selangor. Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab untuk memantau perkara-perkara berhubung perlesenan dan juga aduan-aduan yang diterima berhubung aktiviti burung Walit di kawasan pentadbiran masing-masing. Jabatan Veterinar, minta maaf Jabatan Veterinar Negeri Selangor pula bertanggungjawab dari aspek pengurusan teknikal bagi aktiviti perladangan burung Walit. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Soalan tambahan. Berhubung dengan industri burung Walit, saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Pandamaran, memandangkan Sekinchan telah membangun pesat dengan industri burung Walit ini dan garis panduan oleh pihak PBT, kerajaan negeri khususnya dalam penternakan burung Walit ini masih dalam perancangan dan ramai lagi sebelum ini, ramai yang pengusaha telah buat burung Walit di kedai-kedai di pekan-pekan dan sekarang oleh kerana mereka takut akan dirobohkan dan sebagainya dan ramai telah berhijrah, berhijrah pergi ke kawasan luar, luar daripada zon majlis dan masalahnya ramai sudah pergi ke kawasan bendang, kawasan bendang di Sekinchan dengan 3 tingkat, empat 4 tingkat hotel bajet tiga 3 bintang tapi untuk burung Walit, untuk burung Walit tapi tidak lama yang lepas ada satu kenyataan daripada Yang Berhormat Pandamaran sendiri mengatakan kemungkinan akan melarang hotel bajet 3 tingkat untuk burung Walit ini didirikan di bendang dan ini telah menimbulkan banyak pengusaha datang ke pejabat saya bertanyakan sama ada ini benar atau tidak dan ini telah menimbulkan banyak tanda tanya dan sebagainya. Mereka khuatir daripada luar zon di kawasan pertanian pun akan dirobohkan dan sebagainya mereka cukup khuatir, jadi saya minta penjelasan yang sewajarnya daripada Yang Berhormat Pandamaran. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Y.B. Tuan Speaker saya ucapkan terima kasih daripada Sekinchan. Garis panduan yang dikeluarkan daripada KPKT kerajaan pusat, kita tidak boleh pakai kerana yang saya kata tadi tidak jelas. Saya bagi satu contoh dia kata pengurus pengusaha burung Walit boleh beroperasi di kawasan bandar tetapi

bukan di pusat bandar, jadi kawasan bandar dan pusat bandar ini susah untuk PBT masing-masing untuk menentukan di mananya pusat bandar, di mananya kawasan bandar, ini satu.

Yang kedua, Sekinchan merupakan satu tempat di mana padi *production* padi sangat penting untuk negeri Selangor jadi EXCO berpendapat kalau kita biarkan sawah padi jadi tempat burung Walit akhirnya *production* ataupun keluaran daripada padi itu akan jadi berkurangan. Itu satu perkara yang kita khuatir sebab itu kita tidak bercadanglah untuk dibiarkan sawah padi di jadi tempat burung Walit tetapi apa yang sudah ada itu kita rasa, kita masih berbincang, kita masih meneliti barangkali kita boleh bagi dengan izin *grease period* satu tempoh yang cukup panjang supaya mereka boleh membuat *adjustment* dengan izin dan banyak perkara yang kita kena teliti sebab itu, saya mintalah, saya minta semua pengusaha di dalam negeri Selangor bekerjasama dengan negeri Selangor. Kita tidak bercadang, kita memang mahu memberi bantuan kepada mereka supaya industri dapat dikembangkan dengan cara yang sihat tetapi pada masa yang sama kita kena menjaga kerana banyak aduan, masih banyak aduan diterima daripada orang yang bukan pengusaha, jadi kita haraplah kita dapat buat satu garis panduan yang semua boleh diterima, mudah diguna pakai supaya kita boleh memberi bantuan kepada industri ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Soalan tambahan daripada Kajang berkaitan dengan rumah burung Walit. Kita daripada jawapan EXCO, Yang Berhormat EXCO tadi kita nampak tidak ada sesuatu tindakan dalam masa, satu masa yang tertentu *time frame* dengan izin. Jadi kita minta pihak kerajaan dapat mengeluarkan satu garis panduan interim, sekurang-kurangnya supaya Pihak Berkuasa Tempatan dapat bertindak ataupun mana-mana jabatan dapat bertindak atas garis panduan itu. Kita tidak boleh menyeru keprihatinan pihak pengusaha dan sebagainya, sama juga dengan masalah bajet hotel, sama juga masalah rumah urut atau refleksologi di mana mereka tidak hirau, ini akan menimbulkan satu keadaan Kerajaan Pakatan Rakyat akan dipandang *loles* tak ada macam kerajaan, tidak ada undang-undang maka kita, ini imej kerajaan akan jatuh kerana itu. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Terima kasih, Kajang. Memang lebih baiklah kalau ada garis panduan yang baik, yang senang digunakan oleh semua pihak tetapi perkara ini sangat-sangat rumit dan oleh kerana itu kerajaan sekarang, apa yang kita boleh buat ialah mengikut undang-undang yang sedia ada kita mengeluarkan lesen sementara kepada pengusaha-pengusaha jadi tidak boleh katakan di negeri Selangor *law lest* lah, tak adalah memang ada *law* yang tertentu cuma sebelum garis panduan

yang *standard* dikeluarkan itu, PBT masing-masing mengadakan garis panduan sendiri jadi sekarang, keadaan sekarang ialah mereka keluarkan lesen sementara mengikut undang-undang, peraturan-peraturan yang sedia ada dekat PBT masing-masing. Memang, memang garis panduan yang *standard* amat diperlukan supaya semua pihak boleh mengikut dengan baik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Soalan tambahan Y.B. Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Berhubung dengan industri burung Walit ini di kawasan Permatang pun banyak ada wujud, cuma saya nak tanya kepada EXCO mengenai apakah PBT ataupun kerajaan akan membuat satu dasar *zoning* kawasan-kawasan tertentu kalau ada kawasan *zoning* industri dan sebagainya, adakah burung Walit ini akan dibuat secara *zoning*, itu yang pertama.

Yang kedua, apa juga tindakan kerajaan sekiranya ini ada berlaku dan saya ada lihat apabila ada pengusaha burung tinggal dengan pengusaha, ini pun berlaku juga Sekinchan, bawah rumah atas sarang burung. Ini burung tinggal dengan pengusaha. Jadi apa tindakan PBT mengenai perkara ini kerana ialah bila rumah, penduduk tinggal dengan burung sudah tentulah gangguan, jiran dan sebagainya jadi mesti ada satu dasar yang jelas, jadi sama ada *zoning* ini akan dibuat atau bagaimana, saya minta komen.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Terima kasih Permatang. Memang ialah betapa pentingnya garis panduan kerana apa yang disebut tadi memang berlaku sekarang. Cuma begini, dalam garis panduan yang sedia ada itu yang dikeluarkan oleh kerajaan pusat yang kita pun ingin mengikut sahaja iaitu mereka katakan industri boleh diadakan di kawasan industri di kawasan pertanian tetapi untuk kawasan komersil, kawasan bandar boleh pusat bandar tidak boleh, itu satu.

Jadi bagi negeri Selangor kita lebih cenderunglah dibiarkan kawasan pertanian dan juga kawasan industri yang tertentu boleh dibenarkan untuk industri ini. Jadi kita memang faham apabila *short houses* itu rumah kedai yang dikatakan atas itu untuk burung Walit di bawah untuk manusia itu, itu satu perkara yang sudah ada *in existent* dengan izin, sudah lama dan bukan senang untuk kerajaan sekarang, ini berlaku pada zaman dulu sampai sekarang, jadi apabila kita ambil alih, kita ambil alih juga masalah itulah, jadi bukan mudah untuk kerajaan sekarang untuk menghalau ataupun menyingkir mereka begitu sahaja, sebab itu kita kena prihatin, kita kena memahami apa masalahnya dan sebagainya jadi saya rasa kita akan memberi, kita akan prihatinlah

dalam perkara ini dan kita memintalah semua pengusaha burung Walit bekerjasama jadi kita tahu mereka gunakan satu mesin di mana bunyi burung pun dikeluarkan dan sebagainya dengan *deciper* kadang-kadang terlalu tinggi jadi sebab itu kita minta kalau boleh semua pengusaha boleh gunakan mesin itu dengan baik jangan tinggi sangat dan sebagainya supaya jirannya, tidak mengganggu jirannya dan sebagainya. Jadi ini perkara sangat-sangat rumit dan sebab itu walaupun kita sudah banyak kali ada *workshop* dan sebagainya dan masih perlu sedikit masa lagi tetapi saya katakan tadi garis panduan ini sudah masuk tahap yang akhir dan bila dia siapkan akan sekali lagi diberikan kepada EXCO dan mudah-mudahan garis panduan boleh dikeluarkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Bernam

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, soalan no. 69.

**TUAN SPEAKER :** Eh Hulu Bernam, bukan Hulu Kelang, Hulu Bernam. Hulu Kelang No. 69 sebab sudah dijawab oleh EXCO bersama dengan soalan no. 14.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Ya.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Bernam tidak ada, Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Y.B. Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** soalan ini juga sudah dijawab dengan soalan 34.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** sudah dijawab. soalan 34 ..ok.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Air Tawar.

**Y.B. DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD :** Y.B. Tuan Speaker, soalan yang ke 73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PERTANIAN**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar :

- a) Apakah hasil dan usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk memastikan Selangor *Fruit Valley* tidak terbiar dan menjadi sumber ekonomi negeri?

**Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan ini telah saya jawab Y.B. Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Bersama dengan soalan mana.

**Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan awal, PKPS. Soalan 2, 176 Dusun Tua.

**TUAN SPEAKER** : Soalan no....tidak ada rekod di sini.

**Y.B TUAN DR. HJ. YAAKOB B. SAPARI** : Tidak ada. Sebagai ulangan ye. Apakah hasil dan usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan negeri untuk memastikan Selangor *Fruit Valley* tidak terbiar dan menjadi sumber ekonomi negeri. Sungai Air Tawar, saya telah jelaskan jawapan yang lepas, Selangor *Fruit Valley* telah pun kita usahakan sepenuhnya dan Selangor *Fruit Valley* sudah menunjukkan keuntungan pada tahun ini iaitu sekitar RM480,000. Usaha terbaru ialah kita menggantikan kawasan yang kosong tanaman tembakai untuk tahun ini, jualan tembakai ialah sekitar RM1.5 juta dan ia menjadi penyumbang terbesar daripada pendapatan Selangor *Fruit Valley* dan terbaru kita usahakan untuk tanaman betik, 120 ekar, teknologi baru daripada Taiwan yang masuk ke kawasan *Fruit Valley* dan saya kira dalam akhir tahun ini usaha-usaha tersebut akan dijalankan. Kawasan-kawasan yang masih kosong, terbiar di seberang telah tanam balik dengan *rubber timber* dalam sekitar 30 ekar, telah pun dijalankan dan kawasan yang menjadi kawasan *show room* dahulu, kita kekal tanaman-tanaman kekal. tanam semula dengan durian, rambutan, supaya generasi akan datang boleh melihat pokok-pokok tersebut. Saya rasa keseluruhan kawasan Selangor *Fruit Valley* telah pun diusahakan.

**TUAN SPEAKER** : Lembah Jaya.

**Y.B TUAN KHASIM B. ABDUL AZIZ** : Y.B. Tuan Speaker, soalan 75.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: SLOGAN “AIR HAK RAKYAT”**

75. Dalam slogan “Air Hak Rakyat”;

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Setakat manakah perkembangan usaha kerajaan dalam pengambilalihan semula syarikat bekalan air daripada SYABAS?

- b) Nyatakan berapakah jumlah tuntutan yang dibuat oleh SYABAS dalam mempertahankan syarikat tersebut dari diambil alih oleh kerajaan negeri Selangor.
- c) Sejauh manakah kebenaran tuntutan tersebut?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Y.B. Tuan Speaker, Lembah Jaya mempersoalkan tentang slogan ‘Air Hak Rakyat’ yang mana setakat mana perkembangan usaha Kerajaan dalam pengambilan alih sumber syarikat bekalan air daripada SYABAS. Perkara ini memang kita telah bincangkan tetapi untuk maklumat kita telah membuat tawaran mengatakan tentang jumlah tawaran yang kita buat yang menunjukkan tawaran ini adalah harga-harga yang amat sanat munasabah dan yang telah diterima oleh ABAS dan SPLASH tetapi tidak diterima oleh PUNCAK dan SYABAS. Tawaran yang kita buat pada 25.6.2011 kita telah menawarkan pada ABAS RM946 juta dan kepada SPLASH RM2975 juta, kepada PUNCAK RM1936 juta. Maknanya RM1.9000 juta. Kita telah menawarkan kepada SYABAS untuk menolong menyelesaikan masalah SYABAS RM3361 juta iaitu RM9218. Nampaknya SYABAS tidak menerima dan kita membuat lagi satu tawaran pada 6.1.2011 iaitu pada bulan Januari tahun ini, ABAS kita kurangkan tawaran sebab ABAS sudah dapat kita selesaikan masalah bon. SPLASH RM2772 juta. PUNCAK dinaikkan daripada RM1.9 bilion jadi RM2 bilion. SYABAS dinaikkan pada RM3.3 bilion kepada RM4 bilion. Harga ini adalah harga yang tawaran yang sangat munasabah dan kita juga menawarkan kalau dia tidak setuju dengan harga ini, kita boleh pergi ke Mahkamah Antarabangsa untuk timbang tara. Itu sebab dan dia boleh tunjukkan bagaimana penswastaan di negara kita sama ada menolong atau pun mengkhianati rakyat. Jadi kita bersedia untuk berbincang supaya kita dapat belajar supaya penswastaan sebegini adalah penswastaan yang akan memberi keadilan kepada semua iaitu kepada rakyat, kerajaan negeri dan juga kepada apa yang kita katakan kepada pengusaha. Supaya pengusaha pun tidak rugi. Yang sebenarnya apa yang kita hendak selesaikan yang paling sukar sekali hendak kita selesaikan ialah hutang. Maknanya SYABAS berhutang kepada pasaran biasa iaitu pasaran kewangan sejumlah RM3 bilion. SYABAS diberi penswastaan. Tetapi dapat sahaja penswastaan itu, dia pergi pinjam di pasaran kewangan sejumlah RM3 bilion.

- 2) Kertas *bhitaman ajhil commercial paper* dan *bhitaman ajhil commercial medium per notes* yang sejumlah RM3000 juta. Itu pun bila kita minta ambil alih, kita akan ambil juga hutang tersebut untuk diselesaikan. Puncak Niaga terhutang RM1.2 bilion *bhitaman ajhil commercial paper* RM546 juta *junior notes* dan RM435 juta *reviewable unscorp board*. SPALSH terhutang sebanyak RM385 juta, *Mudharabah media term loan* RM50 juta. *Mudharabah comercial paper* dan Titisan Modal itu ABBAS RM738 juta.

Jadi ini juga pengajaran yang paling besar kita belajar daripada penswastaan. Konsesi-konsesi ini, bila dapat sahaja lesen konsesi ini, dia pergi meminjam di pasaran kewangan dan oleh sebab itu, dia ni meminjam untuk mengendalikan *business*. Akhirnya yang kita belajar juga iaitu untuk menolong mereka ini kerana dan pinjam tidak boleh bayar kerajaan persekutuan meminjamkan menolong menyelesaikan masalah hutang tersebut dan satu daripada programnya ialah SYABAS diberikan pinjaman lebih kurang RM300 juta untuk pinjaman tanpa faedah selama 7-8 tahun. Jadi maknanya duit cukai rakyat diserahkan kepada syarikat komersial untuk menjalankan *business* dan *business* itu mengenakan harga-harga tinggi kepada rakyat dan ditolong oleh kerajaan. Kalau ini berlaku sudah tentulah orang-orang yang mengkaji perkara ini, mengapa tidak Kerajaan pinjam sendiri sahaja dan dengan harga kadar faedah yang lebih murah.

Itulah yang dicadangkan dalam kertas kerja yang dibuat oleh kerajaan persekutuan supaya disusun semula supaya operasi air itu dipulangkan balik kepada negeri sebab didapati syarikat-syarikat konsesi ini, tidak dapat berjalan dengan betul sebab apa yang dilakukan ialah dipinjam duit di pasaran saham yang kemudiannya Kerajaan Persekutuan, ataupun pembayar-pembayar cukai yang terpaksa menanggung kos tersebut. Sebagai contoh kalau kerajaan meminjam boleh jadi 3 atau 4 %. Kalau syarikat-syarikat ini meminjam, tambah lagi 2%. 2% x RM10 bilion, ialah RM200 juta. Jadi beban itu bertambah. Itu sebab apabila Parlimen Malaysia meluluskan Akta Industri Air, ialah kerana mereka tahu keadaan ini dan Selangorlah negeri yang paling teruk sekali kena beban ini. Sebab negeri Selangor nilai harta yang Selangor kena jaga ataupun dikenakan lebih kurang hampir daripada RM10,000 juta. Jadi oleh sebab itu jugalah saya hendak menunjukkan kenapa kerajaan negeri sangat merasakan penyusunan semula ini perlu dilakukan demi menyelesaikan masalah kepincangan penswastaan dengan kedua untuk menyelesaikan masalah supaya jangan lagi rakyat negeri Selangor dikenakan kenaikan air disebabkan oleh kesalahan kita. Kesalahan kerajaan, kesalahan pemerintah melakukan penswastaan. Jadi oleh sebab itu air hak rakyat juga hak rakyat hendak balik beri kepada rakyat supaya jangan bagi kepada kroni ataupun orang-orang ada kepentingan dan tidak memikirkan tentang harga air yang sepatutnya diberikan pada rakyat.

Jadi saya tahu perkara ini sangat kompleks sebab sudah tentulah kalau saya beri ceramah di Permatang ataupun di Ijok *bhitaman ajhil commercial paper* tak ramai orang saya tahu kalau saya cakap mura rabab media *interim notes* pun orang tak tahu. Ini betullah adalah ayat-ayat betul tetapi yang kena ialah rakyat. Itu sebab saya slogan "Hak Air untuk Rakyat" ini dan merupakan perkara yang kita bincangkan sebab saya rasa generasi akan datang akan menyalahkan kita kerana kita tidak berani berdepan menyelesaikan perkara ini. Generasi akan datang mengatakan pemimpin-pemimpin tidak mahu menyelesaikan perkara ini. Jadi saya untuk rekod sebagai Menteri Besar,

saya hendak menyelesaikan masalah ini kerana kerajaan dahulu telah silap. Bukan Kerajaan dahulu telah silap untuk menginginkan penswastaan ini. Kesilapan tersebut, telah diakui oleh kerajaan persekutuan. Dengan adanya membentangkan Rang Undang-undang Pengurusan Air Negara diterima kesilapan tetapi apabila sampai ke negeri Selangor, oleh kerana politik dan kroni dia tak hendak nak selesaikan. Ini yang kita katakan rakyat negeri Selangor mesti bangkit mengenal mereka yang terlibat kerana mereka telah menipu rakyat dalam berusaha mencari penyelesaian dalam penswastaan itu.

**TUAN SPEAKER** : Teluk Datok.

**Y.B TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE** : Y.B. Tuan Speaker soalan ke 76.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATOK)**

**TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS**

76. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Setelah program

**Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL** : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Ah! terima kasih Teluk Datok. Teluk Datok telah bertanya tentang Program Jom *Shopping*. Semasa dilaksanakan apakah pendaftaran skim usia-usia emas itu meningkat. Untuk makluman semua Program Jom *Shopping* sebenarnya bermula semenjak Julai 2011. Dan berdasarkan jumlah borang yang diterima terdapat peningkatan yang begitu ketara terhadap pendaftaran skim usia-usia emas ini kerana kita tahu bahawa Program Jom *Shopping* ini mungkin memberikan apa ni manfaat kepada warga emas yang masih lagi hidup ya. Jadi, izinkan saya untuk membaca prestasi permohonan borang sebelum dan selepas. Kalau kita tengok borang diterima sebelum bulan Julai.

Januari	1,110.
Februari	754,
Mac	1,558,
April	1,220,
May	1,283,
Jun	1,542,
	-----
	7,467
	-----

Jadi keseluruhannya 7,467 dalam masa enam bulan. Tetapi selepas pelancaran Program Jom *Shopping* bulan Julai sahaja kita menerima sebanyak 3,308, Ogos 3,329, September 2,057 dan Oktober 3,190. Ia menunjukkan bahawa selama empat bulan sahaja permohonan bertambah sebanyak 11,834. Jadi, itu sahaja jawapan dari saya Y.B. Tuan Speaker. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Program Jom *Shopping* ini sebagai ah! *program one off* dengan izinnya, jikalau DUN itu mempunyai 4,000 orang warga usia emas, sebulan dua kali 200. Ambil masa yang panjang. Bolehkah program ini bolehkah dipendekkan. Kemungkinan sampai bulan tahun depan Ah! Jun. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL :** Terima kasih. Soalannya berkaitan, apakah ianya boleh dilanjutkan sehingga tahun depan. Saya rasa Dato' Menteri Besar telah pun mengumumkan bahawa program ini ah! sebenarnya adalah peruntukan daripada keuntungan daripada Sementa yang kita libatkan 5 ke 10 juta. Jadi, insya-Allah program ini akan dilanjutkan sehingga 31 Mac jika kita lihat bahawa kewangan yang telah peruntukan itu tidak dapat dihabiskan dalam tahun ini. Jadi, isu sama ada seminggu hendak bawa 100, 200 dan sebagainya ianya bukan itu isu sebenar. Ianya sebenarnya isunya kita mahukan memberi peluang kepada mereka yang ingin terlibat sahaja di dalam program ini. Maksudnya modus operandi kita mulai *data base* yang kita ada, kita panggil setiap warga emas yang telah mendaftar diri untuk terlibat bersama dalam Program Jom *Shopping* ini. Tetapi saya tidak nafikan ada juga walau pun datanya 4,000 satu DUN, ada yang 3,000 tetapi ada juga apa ni penama atau pun warga emas ini yang mengatakan "tak apalah saya tidak mahu terlibat pergila kepada mereka yang lebih memerlukan". Jadi, saya tidak nafikan bahawa dalam yang mendaftar itu kemungkinan ramai juga yang tidak akan terlibat. Itu kita beri peluang kepada masing-masing untuk membuat pilihan. Tetapi hakikatnya kita mencadangkan kepada semua ADUN supaya setiap minggu atau pun setiap bulan Program Jom *Shopping* ini mestilah dilaksanakan. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara, tidak hadir. Jeram, tidak hadir. Sabak, tidak hadir. Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Y.B. Tuan Speaker, soalan no. 80.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN**  
**(SUBANG JAYA)**

**TAJUK : SELANGORKINI**

80. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kos kerajaan negeri untuk pentadbiran,pengurusan dan penerbitan surat khabar Selangorkini setahun?
- b) Berapakah kakitangan yang diupah oleh Selangorkini?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Y.B. Tuan Speaker. Ah! Subang Jaya bertanyakan tentang *Selangor Kini*. Berapakah kos Kerajaan negeri untuk pentadbiran pengurusan dan penerbitan surat khabar *Selangor Kini* setahun. Berapakah kakitangan yang diupah oleh *Selangor kini*. Penerbitan *Selangor Kini* adalah di bawah tanggungjawab anak syarikat kerajaan negeri, iaitu Communication Corporation Sdn. Bhd., Pentadbiran dan pengurusan *Selangor Kini* hanya melibatkan tujuh orang dan kakitangan yang melibatkan kos RM207,000.00 setahun. Kos penerbitan setahun tertakluk kepada bilangan edisi yang dikeluarkan. Pada tahun 2010 edisi *Selangor Kini* yang berjumlah 110,000 naskhah. Setiap keluaran diterbitkan dengan biaya dengan, ah! pada tahun 2010 edisi *Selangor kini* berjumlah 110,000 naskhah setiap keluaran diterbitkan untuk biaya RM1,926,250 untuk penerbitan dan pengedaran. Mulai 2011 *Selangor Kini* telah pun meningkatkan naskhah dan kekerapan penerbitan kepada 150,000 seminggu. Sehingga Oktober 2011 CCSB telah membelanjakan RM2,676,000 untuk 40 edisi. *Selangor Kini* dengan sejumlah 150,000 naskhah.

Jawapan yang mengenai berapa ramai kakitangan. *Selangor kini* mempunyai 7 orang kakitangan editorial termasuk seorang Ketua Pengarang, Timbalan Pengarang, Penolong Pengarah, Wartawan ada 3, Jurukamera 1. *Selangor Kini* menggunakan khidmat Unit *Graphic* CCSB bagi menjimatkan kos. Mereka juga diberi arahan menolong pasukan *editorial* TV Selangor untuk menjalankan kerja mereka.

**TUAN SPEAKER :** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Y.B. Tuan Speaker, Soalan no. 81.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PELANCONGAN**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan dan peruntukan untuk memajukan agro-pelancongan dan eko-pelancongan di Daerah Hulu Langat?
- b) Adakah kerajaan mempertimbangkan pengecualian cukai taksiran kadar perniagaan kepada pengusaha *homestay* memandangkan industri tersebut masih dalam peringkat permulaan?
- c) Apakah insentif yang diperuntukkan untuk pengusaha *homestay* dan adakah kerajaan mempunyai dasar "pemutihan" bagi pengusaha yang beroperasi tanpa kebenaran?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Terima kasih Kajang. Atas permintaan soalan tentang pelancong. Agro dan eco pelancongan merupakan antara produk-produk pelancongan yang semakin mendapat perhatian pelancong ketika ini. Di Selangor antara daerah-daerah yang menjadi tumpuan pelancong ialah Hulu Langat. Daerah Hulu Langat telah dikurniakan dengan persekitaran yang sangat bersesuaian bagi pembangunan sektor-sektor agro dan eco pelancongan. Bagi eco pelancongan beberapa produk dan destinasi popular di kalangan pelancong dan mengunjung ialah seperti hutan lipur Sungai Tekala, Sungai Gabai, Congkak Park Resort, dan Ampang Local Point (ALOC). Beberapa perancangan telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri khususnya melalui UPEN dan Tourism Selangor Sdn. Bhd., melalui UPEN Selangor. Kerajaan negeri telah melaksanakan beberapa penambahbaikan dan penyelenggaraan terhadap kemudahan di beberapa destinasi pelan eco pelancongan. Pada tahun 2011 ini Congkak Park Resort telah menerima manfaat di bawah peruntukan kenaikan taraf produk pelancongan negeri Selangor melalui projek naik taraf jambatan penyelenggaraan dan banyak pulih beberapa baik pulih beberapa buah *chalet* serta pembinaan rumah sampah yang akan memberikan lebih keselesaan kepada pengguna dan pengunjung. Pada tahun 2010 CPR telah menerima faedah melalui peruntukan yang sama bagi projek membaik pulih dan penyelenggaraan surau dan pagar di kawasan berkenaan. Melalui peruntukan yang sama juga kawasan rekreasi kawasan Sungai Gabai telah mendapatkan faedah kecil daripada projek membaik pulih wakaf jabatan dan dataran orang ramai di kawasan berkenaan. Ini adalah bagi memberikan imej yang lebih positif kepada kawasan berkenaan berikutnya jumlah pengunjung yang masih semakin meningkat. Dari aspek

promosi Hulu Langat merupakan antara dua daerah yang mendapatkan permintaan dan pertanyaan yang tinggi di kalangan pengunjung dan pelancong bagi produk-produk eco pelancongan. Ini banyak dipengaruhi oleh program-program promosi yang rancak dan giat dilaksanakan oleh pihak TSSB melalui promosi-promosi yang dijalankan di dalam dan luar negara. Contohnya yang dapat permintaan dan kunjungan yang tinggi oleh pelancong asing khususnya dari Timur Tengah. Begitu juga dengan permintaan dan tempahan oleh syarikat-syarikat swasta seperti bank dan syarikat penerbangan yang menunjukkan minat yang sangat tinggi bagi aktiviti luar syarikat-syarikat yang berkenaan. Melalui pelan perancangan promosi juga risalah atau pun *brochure* bagi setiap daerah telah dibuat cetakan termasuklah bagi daerah Hulu Langat. Produk eco pelancongan merupakan sebahagian daripada maklumat yang terkandung dalam risalah berkenaan. Risalah ini adalah merupakan panduan dan informasi yang lengkap kepada pelancong terutamanya dalam menggalakkan mereka mengunjungi daerah-daerah yang berkenaan. Manakala pihak Majlis Perbandaran Kajang pula telah menerbitkan buku info pelancongan Jom Kajang dengan kerjasama Syarikat Kajang *Tourism Sdn. Bhd.* Buku ini telah diterbitkan pada awal Jun 2011 untuk edisi pertama. Perancangan meningkatkan keupayaan produk-produk yang dinyatakan sentiasa dibuat penambahbaikan. Bagi tahun 2011 melalui UPEN Selangor kerajaan negeri telah merancang dan ada dan akan melaksanakan pemasangan papan-papan tanda tunjuk arah bagi produk-produk tersebut. Ini bagi memberikan imej yang positif di kalangan pengunjung di samping membantu dan memudahkan pelancong asing mengunjungi produk dan destinasi tersebut. Program ini adalah lanjutan daripada keluhan dan reaksi oleh pengunjung dan pelancong sebelum ini yang kerap kali sukar menemui destinasi dan produk-produk yang ingin dikunjungi.

Bagi agro pelancongan setakat ini terdapat beberapa produk yang sangat berpotensi besar dan telah pun mendapat permintaan daripada pelancong. Antaranya ialah *rabbit farm land*, dan *ostrich wonderland* di Semenyih yang merupakan beberapa lagi produk baru di negeri Selangor yang sedang di ketengahkan. Setakat ini maklum balas yang diterima daripada pelancong dan pengunjung adalah sangat positif. Melalui TSSB kerajaan negeri meletakkan produk tersebut sebagai antara produk baru yang akan dipromosikan secara lebih giat mulai tahun 2011 ini. Ia mendapat kerjasama yang sangat baik dari pemilik ladang berkenaan. Lawatan pemantauan bagi mengenal pasti kelebihan atau pun kemudahan dan juga maklumat awal berhubung operasi ladang berkenaan telah dijalankan pada penghujung tahun 2010 yang lalu. Memandangkan ladang tersebut merupakan hak milik persendirian kerajaan negeri hanya membantu dari sudut promosi dan menyenaraikannya sebagai salah satu produk pelancongan di negeri Selangor. Usaha ini telah menunjukkan kesan yang positif melalui peningkatan kedatangan pelancong dan pengunjung ke kawasan yang berkenaan. Setakat ini tiada sebarang arahan atau pun dasar kerajaan negeri berkaitan pertukaran syarat nyata hak milik daripada pertanian kediaman kepada perniagaan bagi semua pengusaha

*homestay* di Selangor. Setakat ini kerajaan negeri tidak menyediakan sebarang insentif khusus bagi semua pengusaha *homestay* di negeri ini. Namun begitu kerajaan negeri banyak membantu daripada sudut penambahbaikan kemudahan sedia ada menyesuaikan dan menyeragamkan *park package* supaya lebih berdaya saing dan memenuhi kehendak pelancong dan pengunjung. Kerajaan negeri melalui TSSB juga banyak membantu daripada aspek promosi. Menarik kedatangan pelancong dan liputan di media cetak, elektronik dan *billboard*. Malah *homestay* telah diletakkan sebagai antara produk utama pelancongan di negeri Selangor. Tidak kurang juga penganjuran acara-acara pelancong banyak melibatkan *homestay-homestay* di negeri ini sebagai langkah memperkenalkan dan mempromosi produk tersebut di kalangan pelancong, pengunjung, syarikat dan agensi kerajaan serta swasta. Bagi program pemutihan *homestay* tanpa kebenaran semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah negeri Selangor telah sedia maklum tentang isu berkenaan di kawasan pentadbiran masing-masing.

Namun isu ini banyak melibatkan kediaman-kediaman di taman-taman perumahan yang menyalahgunakan istilah *homestay* di kediaman masing-masing yang dijadikan rumah penginapan dan juga tumpangan. Kementerian Pelancong Malaysia melalui kerajaan negeri telah mengedarkan garis panduan pendaftaran *homestay* Malaysia kepada semua PBT dan PDT bagi memastikan garis panduan berkenaan dipatuhi. Beberapa PBT telah mula mengenal pasti kediaman-kediaman di taman-taman perumahan yang menyalah guna istilah *homestay* diberi teguran dan nasihat agar tidak menggunakan pakai perkataan *homestay* secara jelas bertentangan dengan garis panduan yang diedarkan. Untuk maklumat program *homestay* yang diiktiraf merujuk kepada penyertaan sekurang-kurangnya 10 unit kediaman di dalam satu kawasan, kebiasaannya di kampung dan pemilik kediaman mesti tinggal di rumah milik berkenaan dan telah mendaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia dan telah melepassi pemeriksaan ketat oleh Jabatan Kesihatan, *Tourism* Malaysia, JKKK dan Persatuan *Homestay* Negeri.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Y.B. Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Saya rasa tak perlulah sebab bukan EXCO yang bertanggungjawab dan telah panjang lebar diberikan. Sijangkang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Tuan Speaker Soalan no. 82.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI**  
**(SIJANGKANG)**

**TAJUK: KAWASAN PERINDUSTRIAN DI SELANGOR**

82. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah pelabur dari dalam dan luar negara yang membuka pelaburan di kawasan perindustrian di Kuala Langat dan jumlah pelaburan sehingga kini.
- b) Apakah perancangan kerajaan bagi memperkasakan lagi kawasan perindustrian ini.
- c) Adakah IPMC benar-benar dapat memainkan peranan dalam pembangunan perindustrian negeri Selangor.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Y.B. Sijangkang tanya berapa jumlah pelabur dari dalam dan luar negara yang membuka pelaburan di kawasan perindustrian di Kuala Langat dan jumlah pelaburan sehingga kini. Untuk makluman Yang Berhormat bagi tempoh Januari hingga Julai 2011, Selangor berjaya mencatat jumlah pelaburan kedua tertinggi di Malaysia dengan jumlah melebihi RM5.5. bilion. Dalam tempoh tersebut, daerah Kuala Langat berjaya menarik pelaburan bernilai lebih RM670 juta. Daripada jumlah tersebut, pelaburan asing adalah berjumlah RM664 juta manakala pelaburan tempatan bernilai RM6.1 juta. Jumlah pelaburan ini telah berjaya mencipta peluang pekerjaan untuk 470 orang dengan 8 projek yang telah diluluskan.

Y.B. Sijangkang juga tanya perancangan kerajaan bagi memperkasakan lagi kawasan perindustrian ini. Antara perancangan kerajaan negeri Selangor untuk meningkatkan lagi kawasan perindustrian adalah seperti berikut:

- i) Konsep Mesra Pelabur yang dilaksanakan seperti kekerapan mengadakan lawatan ke tapak-tapak projek industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas dan menyelesaikan isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri.
- ii) Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan peringkat negeri dan daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan serta mempromosi peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
- iii) Penubuhan *Industrial Park Management Committee* (IPMC) di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan .

- iv) Pemantauan lebih kerap terhadap projek-projek pelaburan yang sedang dilaksanakan.
- v) Penubuhan Jawatankuasa PEMUDAH negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Selangor.
- vi) Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan

Y.B. Sijangkang juga tanya apakah IPMC benar-benar dapat memainkan peranan dalam pembangunan perindustrian negeri Selangor. Jawapannya ialah IPMC merupakan platform di antara para pengilang dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengemukakan segala isu dan masalah yang dihadapi oleh pengilang. IPMC juga merupakan forum yang dapat membantu para pengilang dan PBT dalam menyelesaikan isu dan permasalahan tersebut dan juga membincangkan pelan-pelan tindakan penyelesaian jangka pendek dan panjang bagi memenuhi keperluan dan kehendak industri dan PBT. Sepanjang penubuhan IPMC, ia telah membantu kepada pembangunan industri di negeri Selangor. Ini seiring dengan objektif IPMC seperti berikut:

- i) Menyediakan medium perantara antara pihak industri dengan pihak jabatan kerajaan yang berkaitan untuk berbincang serta mencari jalan penyelesaian untuk menangani masalah-masalah industri yang dihadapi dalam sesuatu kawasan tersebut.
- ii) Menjalin hubungan baik, *networking* dan kerjasama antara pihak-pihak yang terlibat pihak swasta atau pihak jabatan kerajaan dalam menangani isu-isu perindustrian. (kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, jabatan-jabatan teknikal, polis dan lain-lain agensi yang berkaitan).
- iii) Untuk menyumbang kepada pengurusan dan penyelenggaraan kawasan industri yang lebih efektif dan efisien demi menyediakan kawasan industri yang kondusif kepada para pelabur.

**TUAN SPEAKER : Sijangkang.**

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Baru-baru ini kita mendengar bahawa SSIC juga menyatakan Kuala Langat antara kawasan tumpuan kepada pelabur-pelabur daripada luar dan juga dalam negara. Saya melihat daripada pemerhatian saya bahawa ada perkara-perkara asas dalam kita memperkasakan kawasan perindustrian kita yang masih dilihat agak tertinggal contohnya kalau di Kuala Langat dengan mungkin di luar daripada bidang kuasa kerajaan negeri, bumbungnya masih jauh tertinggal pada keperluan asasnya dan saya melihat antara contoh yang saya nak berikan di sini adalah jalan masuk ke kawasan perindustrian jalan utama Batu 9 Kebun Baru, saya lihat jalannya kecil dan ia mempunyai satu bentuk susur masuk yang

berbucu yang mana ini juga saya telah bawa ke Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah dan juga Majlis Daerah Kuala Langat yang antara jawapan yang disalur dibawa adalah kita akan mengkaji dan tidak ada peruntukan dan saya melihat berapa ketikalah yang saya menghadapi sendiri kita nak masuk, treler besar nak masuk, treler besar nak keluar, terpaksa salah satunya berundur dan ini perlu ada satu jalan penyelesaian yang saya kira mungkin walaupun contoh yang kecil tetapi memberi impak yang besar untuk kemasukan pelabur-pelabur melihat kepada perkara-perkara asas seperti ini. Kalau boleh ini diberi perhatian ataupun apakah ulasan daripada EXCO.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Terima kasih Yang Berhormat saya mengakui kerana bila kami pergi ke kawasan Kuala Langat dan jalan utama pun macam tidak rata dan memang kita mendapat sungutan daripada pihak pengilang. Sebenarnya kita telah pernah memohon peruntukan daripada MIDA untuk menaiktaraf jalan dan infrastruktur di sesetengah kawasan perindustrian di negeri Selangor tetapi MIDA hanya memperuntukkan RM28,000,000 untuk tempoh tiga tahun untuk seluruh negeri Selangor dan kita tahu memang angka ini memang tidak cukup. Sebenarnya di sesetengah kawasan dekat Banting juga kawasan perindustrian juga pernah berlakunya banjir. Semua ini perlu memang peruntukan atau dana yang lebih besar untuk menaik taraf keadaan infrastruktur di kawasan Kuala Langat. Jadi mungkin yang kita, yang sebagai wakil rakyat Yang Berhormat boleh tulis surat lagi untuk mengadu kepada pihak MIDA untuk bagi mereka untuk mempertimbangkan isu-isu seperti ini dan selain itu mungkin Yang Berhormat boleh juga tulis surat kepada pihak kerajaan negeri untuk lihat apakah..isu yang mana yang paling kritikal yang mana Kerajaan negeri boleh membantu kepada tahun yang akan datang.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Y.B. Tuan Speaker Soalan no. 83.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI**

**(RAWANG)**

**TAJUK : NAIK TARAF JALAN B27 DI RAWANG**

83. Jalan B27 yang menghubungkan Rawang dan Kuala Selangor tidak dinaik tarafkan sejak 20 tahun yang lepas dan menghadapi kesesakan lalu lintas yang amat teruk.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Bilakah Kerajaan negeri akan menaik taraf dan melebarkan Jalan B 27 bagi menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas?

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Y.B. Tuan Speaker, terima kasih Rawang. Jalan yang menghubungkan Rawang ke Kuala Selangor melibatkan Laluan Persekutuan FT 3209 dalam negeri dan Jalan Negeri B27. Laluan Persekutuan FT 3209 bermula dari Bandar Rawang sehingga Lebuh Raya Utara Selatan sepanjang 4 km melalui Jalan Negeri B27 bermula dari Lebuh Raya Utara Selatan sehingga ke Berjuntai Bestari daerah Kuala Selangor sepanjang 24.2 km.

Untuk makluman kerajaan negeri telah merancang untuk menaik taraf jalan ini sejak tahun 2000. Empat pakej kerja telah dicadangkan di mana satu pakej di bawah daerah Kuala Selangor dan tiga pakej di bawah daerah Gombak. Dua pakej projek sepanjang 8.2 km telah pun siap dinaiktarafkan dalam tahun 2002 iaitu sepanjang 5.2 km di daerah Kuala Selangor dan 3 km di daerah Gombak. Disebabkan oleh masalah peruntukan ketika itu, baki dua pakej telah diserahkan kepada kerajaan persekutuan untuk kerja di naik taraf.

Di bawah pakej kerajaan persekutuan, terdapat dua pakej untuk kerja menaik taraf jalan ini. Pakej ini pakej 1 ialah menaik taraf jalan sepanjang 4 km bermula dari Laluan FT 001 sehingga Lebuh Raya Utara Selatan dan Pakej 2 bermula dari Lebuh Raya Utara Selatan ke Tasik Puteri. Sebahagian Pakej 1 yang meliputi kerja menaik taraf persimpangan Tol Rawang sepanjang 1.6 km telah dimulakan pembinaannya. Sebahagian lagi Pakej 1 yang melibatkan kerja menaik taraf dari sambungan simpang Tol Rawang ke Bandar Rawang telah diangkat untuk kelulusan Perbendaharaan Malaysia.

Untuk Pakej 2 yang bermula dari persimpangan Lebuh Raya Utara Selatan ke Bandar Tasik Puteri, pejabat ini telah dimaklumkan ianya mungkin tidak dapat dilaksanakan dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya Selangor telah mencadangkan untuk dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Pelaksanaan pakej 2 ini tertakluk kepada kelulusan peruntukan yang dipinta. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek... tidak datang, tidak hadir. Sungai Burong... tidak hadir, Sekinchan... tidak hadir, Bukit Antarabangsa... tidak hadir, Seri Setia... tidak hadir, Bangi.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 90 dari Bangi.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI**: Assalamualaikum dan selamat sejahtera Y.B. Tuan Speaker dan Bangi. Saya rasa soalan mengenai tuisyen rakyat ini saya telah dijawab bersekali dengan soalan no. 25.

**TUAN SPEAKER** : 25, sudah jawab, terima kasih. Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN**: Y.B. Tuan Speaker soalan 92.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN WONG KOON MUN  
( KUALA KUBU BHARU )**

**TAJUK : PERLANTIKAN AHLI MAJLIS**

92. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kuota yang diperuntukkan untuk menjadi Ahli Majlis?
- b) Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk melantik Ahli Majlis yang profesional dan bukan dari ahli politik?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS :** Y.B. Tuan Speaker penjelasan sikit, soalan saya tadi Sungai Burung telah dijawab sebenarnya dalam sekali fasal sampah.

**TUAN SPEAKER :** Baik, terima kasih.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** Y.B. Tuan Speaker soalan Kubu Baharu adalah mengenai pelantikan ahli majlis. KKB nak tahu apakah kuota yang diperuntukkan untuk menjadi ahli majlis dan adakah kerajaan negeri berhasrat untuk melantik ahli majlis yang profesional dan bukan dari ahli politik.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Y.B. Tuan Speaker jawapan ini telah diberikan kepada semua dalam sesi yang lalu. Bagaimanapun saya akan menjawab dengan secara ringkas. Kuota yang diperuntukkan untuk menjadi ahli majlis ialah dua kuota satu kuota ahli politik dan satu lagi untuk badan bukan kerajaan NGO ataupun profesional. Setakat ini lebih kurang 25% daripada NGO dan profesional dan 75% daripada ahli-ahli politik dan kerajaan negeri telah pun melaksanakan pelantikan sejak kita mengambil alih dalam tahun 2008 dan polisi ini diteruskan selepasnya. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, sila.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** Apa maksud NGO. Kerana saya tengok di dalam ahli majlis tu semua bukan NGO kerana yang dinamakan NGO hanya digunakan nama NGO, kebanyakannya adalah latar belakang dari parti PR, so tolong berikan penjelasan di mana satu majlis ada betul-betul daripada NGO.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Y.B. Tuan Speaker, keadaan begini, di Malaysia merupakan sebuah negara berdemokrasi maksudnya setiap manusia, setiap orang dia ada hak apabila dia jadi ahli politik pada masa yang sama dia pun boleh aktif dalam badan NGO, pada masa yang sama orang NGO atau profesional mereka pun ada hak

atau pun pilihan untuk menjadi ahli politik. Jadi saya memang mengaku di kalangan ahli majlis sekarang itu ada ahli majlis dalam masa yang sama ahli politik parti walaupun tidak aktif dan juga aktif sebagai seorang NGO tetapi kita masih ada ahli majlis atau pun orang profesional yang langsung tidak masuk parti politik. Jadi ini adalah satu keadaan demokrasi dan saya rasa bukan jadi masalah, terima kasih.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** Soalan tambahan lagi. Ini maksud demokrasi telah disalah guna. Saya tak nampak ada satu mana majlis yang mewakili NGO dia ada latar belakang daripada UMNO, MCA, Gerakan, IPPP. Kalau *you* katakan bahawa kita adalah satu demokrasi yang latar belakang untuk ahli majlis ia bebas untuk menyertai parti tapi di mana satu majlis ada latar belakang daripada parti daripada BN. Tolong jawab.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Y.B. Tuan Speaker, pada zaman dahulu zaman Barisan Nasional tidak ada langsung ada pelantikan ahli majlis dari golongan profesional ataupun NGO jadi ini satu pendekatan, satu budaya yang baru selepas Pakatan Rakyat mengambil alih. Jadi sekarang kalau *you* meneliti latar belakang ahli majlis kita itu, ada yang bekas daripada parti MCA, Gerakan, UMNO, tak kurang pun. Jadi kita bagi peluang kepada semua. Terima kasih.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN :** Ya, soalan tambahan.

**TUAN SPEKER :** Yang Berhormat masa pertanyaan sudah tamat. Sudah tamat bukan sedikit tanya, sudah tamat ya.

**SETIAUSAHA :** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan (2012) 2011.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan Di bawah Peruntukan Tetap 66(3) untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Y.B. Tuan Speaker, saya menyokong.

**SETIAUSAHA :** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan. Jadual B1 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM80,452,115.

**TUAN SPEAKER :** Ya, silakan Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima Kasih, Pengurus, Menteri Besar dan seluruh Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Saya ingin merujuk Kod 50500 Perkara 10000 atau pun 10000 Emolumen

**TUAN SPEAKER** : Muka surat berapa?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Muka surat 110 B(01).

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : B(01).

**TUAN SPEAKER** : Buku ini muka surat ada?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Muka surat 110.

**TUAN SPEAKER** : 1.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : 110.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya amat tertarik dengan pembentangan Belanjawan kerajaan negeri dan lebih spesifik kita *discussed* kan dalam Perbahasan kali ini berkenaan dengan Perkhidmatan dan Pentadbiran Kewangan. Khususnya dengan Perjawatan dan Emolumen serta gaji yang diterima oleh penjawat-penjawat awam bagi pihak kerajaan negeri Selangor.

Tuan Pengerusi dan seluruh Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Perkara pertama yang saya ingin lihat iaitu bagaimana usaha-usaha pentadbiran kerajaan negeri dapat diperkemas dan memastikan agar seluruh pentadbiran kerajaan negeri khususnya Ahli-ahli penjawat awam kerajaan negeri yang dibayar selalu emolumen memahami dasar kerajaan negeri secara keseluruhannya. Justeru itu Batu Caves sangat menyokong usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan kualiti sebagaimana yang disebutkan dalam Geran Selangorku itu. Namun begitu apa yang saya harapkan atau pun Batu Caves harapkan dalam masa meningkatkan kualiti dan pemahaman tentang profesionalisme kerja penjawat-penjawat awam ini, saya berharap agar masa yang sama kita mendekatkan diri serta merapatkan dengan dasar-dasar yang dipanggil sebagai dasar-dasar Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor. Saya lihat ada sedikit kepincangan atau pun kelemahan daripada segi kita menjelaskan kepada penjawat awam. Kadang-kadang mereka, mereka in tidak dapat menjadi wakil-wakil kepada kerajaan negeri di peringkat akar umbi untuk menerangkan fasal demi fasal program-program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor. Justeru saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan negeri memasukkan sedikit elemen-elemen pemahaman berkenaan dengan dasar-dasar kita yang telah dirangka. Sementara dasar buku seperti Jingga yang bukan hanya menawarkan program-program berbentuk pemberian tetapi sebenarnya bagi saya telah cuba untuk mantapkan serta memberi kefahaman yang lebih kepada rakyat berkenaan dengan demokrasi berkenaan dengan pengasingan

kuasa berkenaan dengan bagaimana setiap kerajaan negeri itu dapat berurusan dengan baik supaya kita dapat mengelakkan dan penjawat-penjawat awam ini boleh menjadi kepada benteng, kepada *politician* atau pun Ahli-ahli Politik dan pentadbir-pentadbir masa depan supaya mengelakkan berbagai salah laku dan juga kekeliruan yang ditimbulkan. Saya dapat melihat ada sedikit perubahan apabila kita letakkan beberapa dasar-dasar baru yang ada sedikit iltizam politik atau *political will* seperti pengenalan, *Freedom of Information Act* yang telah kita luluskan pada Sidang yang lepas atau Sidang-sidang yang lepas namun masih belum di implementasikan sepenuhnya. Dan ia dibuktikan dengan Laporan Audit Negara yang telah menunjukkan bahawa tidak ada kesangsian yang begitu mencurigakan di sudut perbekalan daripada sudut pembelian, daripada sudut pembayaran kepada kontraktor-kontraktor yang nampak menjolok mata sebagaimana yang dilapor oleh Jabatan Audit Negara yang berlaku di banyak tempat dan beberapa tempat di Malaysia khususnya yang paling menjolok saya rasa boleh saya sebutkan iaitu pembelian berkenaan dengan binokular yang bernilai sepatutnya RM2,000 dibeli dengan RM50,000 dan perkara itu tidak ada di negeri Selangor. Namun begitu bagi saya untuk mengekalkan prestasi ini ia tidak cukup sekadar hanya dengan semangat dan contoh yang di berikan oleh pentadbiran kerajaan negeri tetapi harus diterapkan di dalam sistem latihan, dalam sistem pengenalan dan sistem induksi kepada penjawat-penjawat awam kerajaan negeri supaya kita sama-sama sedikit munasabah terhadap teguran-teguran yang dilontarkan oleh Laporan Audit khususnya mengenai pelantikan konsultan-konsultan dan *Events Manager* yang dikatakan tidak ada spesifikasi. Namun saya rasa ia tidaklah begitu melampau walaupun harus diperbaiki.

Tuan Penggerusi saya nak minta sedikit pedoman. Apakah mungkin saya boleh terus pergi kepada Perkara B01 yang lain iaitu muka surat 111 iaitu berkenaan dengan Kerajaan Tempatan.

**TUAN SPEAKER :** Boleh.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Boleh ya, seterusnya saya juga ingin melihat supaya kerajaan negeri bersungguh untuk mengamalkan sistem *Westminster Democracy* ini dengan betul-betul dan faham kerana saya rasa selain daripada perubahan-perubahan yang dilakukan oleh pentadbiran kerajaan negeri pentadbiran dengan tender terbuka ada persoalan dan sebagainya kita boleh jawab dan sebagainya. Kita harus bersedia dengan langkah yang tegas untuk benar-benar mengasingkan Eksekutif dengan Dewan Negeri Selangor. Sekitar tahun 2009 sebahagian penyokong kerajaan telah mencadangkan agar kita meluluskan satu Enakmen yang dipanggil Selangor *Legislative Enactment Service* atau pun satu Enakmen yang bakal, mampu memisahkan secara benar antara badan-badan Eksekutif dan juga badan Perundangan atau pun badan Legislatif. Sebenarnya kita telah mengambil dan mengalami beberapa pengalaman negara-negara luar yang

mengamalkan *Westminster Democracy* seperti New Zealand, Australia dan United Kingdom ataupun England ataupun UK. Dengan memastikan bahawa tidak ada unsur-unsur keterlibatan dan juga campur tangan yang rapat. Sebagaimana yang saya dapat lihat Setiausaha Dewan Negeri ini, terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada Setiausaha yang baru. Namun dalam masa yang sama, beliau terpaksa memikul tugas sebagai Setiausaha Majlis Keselamatan atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan dua *burden* atau pun beban yang besar ini. Saya dapat melihat penjawat awam gagal atau pun setidak-tidaknya untuk menumpukan dan fokus kepada kerja yang patut dilakukan. Iaitu satu bidang Legislatif dan satu bidang di panggil Eksekutif dianggotai oleh seorang yang sama selaku Setiausaha Dewan. Salah satu daripada hasrat atau pun *purpose* dan juga tujuan cadangan SELESA yang dipanggil sebagai Selangor *Legislative Service Commission*. Adalah untuk memastikan kita mendapat melantik sendiri Setiausaha dan Setiausaha ini mampu menumpukan kerja-kerja dalam Dewan. Sebagaimana yang disebutkan oleh Sekinchan dalam perbahasan sewaktu dasar. Beliau menyebut bahawa cadangan serta formula yang kita terapkan sebenarnya bukan baru. Di negara-negara *Westminster Democracy* seperti New Zealand yang baru saya semak laman webnya ada hampir 15 jawatankuasa yang bermesyuarat dengan kekerapan yang banyak 1 tahun dan kita ada 3 atau pun empat termasuk SELCAT yang bermesyuarat seperti PAC dan Jawatankuasa Hak Kebebasan ada 5 atau 6 jawatankuasa sahaja. Namun pengalaman-pengalaman yang kami alami selaku jawatankuasa baik jawatankuasa itu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, baik pengalaman sebagai jawatankuasa memantau kepada Ahli-ahli Majlis Tempatan atau pun Pihak Berkuasa Tempatan Laporan itu masih disediakan oleh kita sendiri sedangkan kita selaku Ahli Dewan mempunyai ketegangan masa dan sepatutnya pegawai kepada setiap jawatankuasa-jawatankuasa dan saya rasa baru daripada inilah baru kita dapat melahirkan semangat sebenar Ahli Dewan. Kita selaku Ahli Dewan sepatutnya menjadi Ahli Dewan ini sebagai rumah kedua kita tetapi konsep dan pendekatan yang telah dibuat selama berpuluh tahun yang diperkenalkan pentadbiran dahulu telah mengalihkan sedikit fokus dan tumpuan kita hampir menjadi Ahli Majlis. Itu yang jadi sebahagian Ahli-ahli Dewan Negeri yang menang tiap-tiap tahun penunjuk longkang sedangkan kita harus membahaskan tentang banyak peruntukan-peruntukan dasar negeri banyak berkenaan dengan pendekatan-pendekatan mempolisi yang berkaitan dengan kerajaan negeri dan saya ingin dengan ADUN Jawatankuasa-jawatankuasa ini. Proses semak dan periksa yang sebenarnya dalam *spirit* demokrasi atau pun semangat demokrasi itu dapat dilaksanakan dengan sepanjang masa. jadi saya berharap sangat agar pihak pentadbiran kerajaan benar-benar meletakkan *time frame* bilakah kita dapat melaksanakan SELESA ini. Kalau tidak seluruh atau pun sebahagian besar daripada *reform* atau pun proses perubahan reformasi yang kita cadangkan supaya kita dapat menjadikan struktur-struktur penting dalam negeri kita ini benar-benar mengikut kepada aturan demokrasi yang benar itu agak pincang dan tidak

dapat berjalan dengan sepenuhnya. Dan apabila setiap jawatankuasa ini dapat menyemak baik kita menyemak Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, baik kita menyemak PADAT, pihak Pejabat Tanah dan Daerah, baik yang menyemak GLC kita dapat memeriksa perkara-perkara yang mencurigakan ini dengan lebih berkala. Kita dapat melihat setiap perkara itu dengan lebih baik dan perkara ini akan melibatkan semua Ahli Dewan. Saya percaya sebab sebahagian daripada draf SELESA yang kita lihat cuba menginstitusikan jawatankuasa posisi atau pembangkang dan tidaklah terjadi pada masa depan pembangkang tinggal daripada keseluruhan perjalanan Dewan dan *spiritnya* Ahli-ahli Dewan mengurus dan menjalankan serta melaksanakan urusan-urusan Dewan yang disepakati di antara Kerajaan atau pun BBC *back bencher* dan juga Ahli-ahli daripada oposisi sama ada daripada Barisan Nasional atau pun Bebas. Jadi saya pun berharap kerajaan agar dapat memahami dan mendekati *spirit* ini meletakkan *time frame*. Ini hampir sama dengan semalam, bola bersilang-silang dan masuk ke *line*, masuk dalam gol tendang keluar jadi bola tidak masuk gol atau pun tidak sempurna kepada reformasi yang telah disempurnakan. Saya suka analogi daripada Sekinchan. Keduanya saya ingin menyentuh tentang Kod 55600 berkenaan dengan Kerajaan Tempatan Perkara 20000 iaitu Perkhidmatan dan Bekalan dan juga 10000 Emolumen.

Y.B. Tuan Speaker, Majlis-majlis Tempatan merupakan salah satu daripada muka hadapan kepada Kerajaan negeri. Aktiviti-aktiviti mereka mengenai pengutipan sampah, aktiviti-aktiviti mereka mengenai pengumpulan sisa pepejal dan juga aktiviti-aktiviti lain seperti menyelaraskan infrastruktur-infrastruktur awam, merupakan satu perkara yang sangat penting. Justeru perkhidmatan pegawai-pegawai di Pihak Majlis Tempatan ini, seharusnya juga diberikan penumpuan. Saya ingin berkongsi sedikit pengalaman yang telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Selayang, dan sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Majlis Perbandaran Selayang dan juga kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya yang telah mendapat pengiktirafan 4 bintang semasa laporan audit yang lalu. Dan sebahagian daripada kesan Majlis Perbandaran Selayang ini, walaupun Kuala Kubu saya dengar merujuk pada kes 2008, saya rasa Kuala Kubu agak perlu *update* dengan datanya, sebab tahun 2010, pihak Majlis Perbandaran Selayang telah menunjukkan perubahan serta anjakan yang besar, termasuk melakukan kerja-kerja yang segera terhadap teguran-teguran audit melibat kawalan air panas di kawasan Selayang atau berhampiran dengan jejantas Bandar Baru Selayang. Jadi saya ingin berkongsi apakah yang telah mereka laksanakan sedikit hasil kerjasama erat di antara ahli-ahli Majlis kita dan juga pihak pentadbir yang diketuai oleh Yang Dipertua Majlis. Antara sasaran ataupun perkara yang selalu gagal dicapai oleh Majlis-majlis Tempatan ini iaitu kutipan hasil. Selalunya sasaran yang telah ditetapkan hanya sekitar 80 ataupun 90% sahaja yang mampu dicapai oleh mana-mana Majlis.

Justeru saya ingin melihat supaya cadangan Majlis Perbandaran Selayang sebagai contoh yang membuat satu *task force*, bagaimanakah dan apakah kaedah-kaedah untuk mencapai sasaran kutipan hasil ini. Iaitu dengan melaksanakan pelbagai kumpulan. Satu kumpulan diketuai oleh Orang Besar Daerah yang mempunyai pengalaman yang sangat besar. Satu kumpulan diketuai oleh Ketua Wip yang juga merupakan ketua bagi Ahli-ahli Majlis. Satu *group* diketuai oleh Yang Dipertua Majlis dan *group-group* ini bermesyuarat dan memantau. Ini yang perlu dilakukan, saya dapat lihat beberapa kesan di beberapa jabatan-jabatan termasuk kerajaan tempatan ini. Proses pemantauan dan apabila mencapai *target* sebagai contoh, ini saya rasa sangat tidak asing bagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, apabila kita *achieve*, atau kita mencapai sasaran harus ada ganjaran dan ganjaran ini harus diletakkan sasarnya. Dan saya dapat lihat bagaimana Majlis Perbandaran Selayang meletakkan sasaran jika kutipan hasil berjaya mencapai sehingga 100% daripada sasaran, bonus selama ataupun sebanyak setengah bulan akan diberikan sendiri oleh Yang Dipertua dan juga Pentadbiran Majlis yang dipersetujui oleh Ahli-ahli Majlis, selain daripada bonus yang dicadangkan oleh Menteri Besar dan juga kerajaan negeri. Dan jika sasaran mencapai 102%, hanya 2% sahaja, sebanyak satu bulan bonus kemudian diberikan kepada mereka. Jadi pendekatan ini, pendekatan yang mempunyai *target* yang jelas, jalan kerja yang betul dan pemantauan yang teratur dan diikuti dengan ganjaran yang jelas, saya rasa mampu untuk meningkatkan dan mendatangkan hasil yang baik kepada penjawat-penjawat di Pihak Berkuasa Tempatan. Namun begitu saya sangat-sangat berharap agar ia bukan hanya menumpu kepada sasaran kutipan hasil, sebaliknya harus dikembangkan kepada kualiti servis ataupun kualiti perkhidmatan. Saya ingin merujuk kepada jalan Sungai Tua, di kawasan saya, di kawasan Batu Caves dan juga beberapa kawasan perumahan di kawasan sekitar Batu Caves, yang ada tiang-tiang lampu milik Majlis Perbandaran Selayang telah pun dibetulkan ataupun diperbaiki dalam masa beberapa bulan yang lepas. Tapi kerana mungkin *design* nya tidak begitu baik, kerana memberikan pintu dan ruang yang seluas-luasnya kepada pencuri aluminium kerana letaknya di peringkat bawah dan selalu dicuri, mungkin perlu diubah. Ini yang jadi masalah. Kadang-kadang pentadbiran yang dahulu di pihak pentadbiran Majlis sebelum ini membina tiang lampu yang cantik, berkerawang tetapi *design* nya itu tidak selamat. Dan saya rasa ini perlu diperbaiki di masa depan. Jalan-jalan di Sungai Tua kebanyakannya di pintu masuk ke jalan Sungai Tua itu, sangat gelap dan lampu-lampu tidak bernyala walaupun tiang-tiangnya tercacak dengan teguh. Jadi siang hari nampak tiang lampu, malam hari gelap tak nampak apa-apa. Jadi saya harap perkara ini kalau boleh diperbaiki, sebab saya kira jalan Sungai Tua yang menuju ke Hulu Yam itu merupakan sebahagian daripada jalan alternatif untuk kita ke Batang Kali, untuk kita ke kawasan utara, di Hulu Selangor dan kawasan itu juga meliputi beberapa kawasan pelancongan yang sebahagiannya menjadi tempat-tempat untuk perkhemahan di kawasan Hulu Yam sana, P1, P2 dan sebagainya yang merupakan sempadan di antara

daerah Gombak dan daerah Hulu Selangor. Jadi saya agak-agak dan sangat berharap agar proses pemantauan berkenaan dengan lampu-lampu jalan ini yang kemudian bukan sahaja berkaitan dengan keselesaan tetapi juga melibatkan keselamatan para pemandu, keselamatan orang-orang yang berjalan kaki. Walaupun pihak persekutuan memasang jerji dan besi di sekitar pejalan kaki tapi banyak yang dah patah. Mungkin sebab kualitinya tidak dapat dipantau, pasangannya agak senget. Sila lihat di kawasan di Majlis Perbandaran Selayang saya rasa, besi-besinya tidak ada lambang Majlis-majlis. Kita pun tak tahu siapa yang pasang. Jadi perkara-perkara seperti ini sepatutnya dikongsi sama kepada Ahli-ahli Dewan dan juga kepada seluruh pentadbiran kerajaan negeri yang baru.

Jadi saya rasa itulah perkara yang saya rasa saya perlu sampaikan agar, saya ulang kembali kita dapat meneruskan dan menyelesaikan proses reformasi yang sebahagian bola itu dah ada pada kaki. Dan dengan itu ia memberi kebaikan kepada semua. Baik kepada Ahli-ahli Dewan dalam kerajaan dan juga kepada pembangkang, dan saya minta kalau boleh pembangkang terbuka jiwa untuk menyokong dasar ini kerana ia memberikan kebaikan kepada semua. Ia bukan satu tindakan yang kosmetik saja. Sebab ia dilaksanakan di negara-negara *Westminster*. Dan dengan itu juga sebenarnya pihak kerajaan harus terbuka jiwa juga kerana ia mampu menyemak, memeriksa dan memastikan perjalanan semua agensi-agensi termasuk *government link company*, dengan izin ataupun syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan ini dapat dipantau dan kita dapat meminimumkan lagi kecurigaan-kecurigaan perkara-perkara yang mencurigakan, yang *weird*, yang pelik, dalam laporan audit sebagaimana yang dibentangkan. Walaupun kita telah menunjukkan kualiti yang baik dan saya ingin beri contoh dengan kita menambah seorang anggota sahaja. Belum pun SELESA kita mampu laksanakan. Dewan kita mampu menerbitkan Jurnal Dewan di kali ke 3 tahun 2011. Ini tak mampu dibuat lagi oleh Dewan Rakyat dengan ada tulisan daripada Timbalan Speaker Dewan Rakyat iaitu Dato' Wan Junaidi, dari Barisan Nasional, kita jemput, walaupun kita jemput juga Dr Aziz Bari, untuk bersama-sama menjadi satu bahan ilmu yang kemudian boleh disampaikan. Dan dengan adanya SELESA ini juga Dewan akan lebih perkasa daripada sudut kewangan. Saya, kita baru menyambut sambutan 50 tahun Dewan Negeri dan juga Dewan Rakyat. Ada banyak cadangan, di antaranya kita ingin melakukan seminar. Saya selaku bekas pendebat universiti ingin menjemput pelajar-pelajar universiti untuk kita buat debat Piala Speaker ataupun Piala Duli Yang Maha Mulia Sultan, yang kita boleh laksanakan tetapi kerana kita tidak ada agensi yang kukuh, tidak ada jabatan yang lengkap, tidak ada koordinasi yang baik. Akhirnya usaha itu tersekat di tahap peringkat kertas kerja kerana kita tidak ada saluran yang baik. Dan saya rasa saya ingin menyeru semua sekali lagi bahawa SELESA ini tidak akan memberikan ancaman kepada sesiapa. Sebaliknya ia akan melengkapkan kita sebagai sebuah negeri yang maju. Barangkali saya sebut kemajuan yang kita capai ini bukan hanya boleh diukur dengan kemampuan kita menetapkan *saving*

ataupun *reserve* RM1.2 bilion sahaja. Walaupun itu satu pencapaian. Bukan hanya kita mempunyai Dewan yang indah ini saja. Bukan saja kita mampu untuk menayangkan Dewan, ucapan-ucapan dalam Dewan ini, dalam bentuk *live* ataupun secara langsung yang dilaporkan oleh laman *web*. Tetapi juga kemampuan kita mengutamakan teras-teras penting *separation of power*, isi-isi penting demokrasi kemudiannya, impaknya memberikan kebaikan kepada rakyat. Akhirnya sebelum menutup saya berharap agar sama-sama kita memahami bahawa dalam Surah Ali Imran, ayat 26, Allah mengingatkan, yang selalu di sebutkan di dalam zikir-zikir selepas solat, (Ayat Al-Quran), sehingga akhir itu, satu peringatan Allah bahawa kerajaan ini adalah milik Allah. Dan Allah akan memberikan anugerah ataupun memberikan hadiah kerajaan ini kepada manusia yang dipilih. Apakah kerajaan-kerajaan yang dipilih. Kerajaan-kerajaan yang dipilih ini kita harus memahami spirit yang terkandung dalam Surah Hud, Ayat 117, iaitu Allah menyebutkan bahawa Allah tidak akan membinasakan satu kelompok manusia kaum dan masyarakat yang memperbaiki kesilapan-kesilapan yang melakukan Islah dan reformasi. Dalam ulasan *Ibnu Thainiah*, dalam Kitab *Al Hisbah*, mengatakan bahawa kerajaan-kerajaan ini adalah kerajaan-kerajaan yang menjaga keadilan dan menjaga kebijakan rakyat. Walaupun *Ibnu Thainiah* sebut bahawa kerajaan ini adalah kerajaan kafir ataupun kerajaan bukan Islam ia tetap akan diberikan anugerah kerajaan daripada kerana menjaga keadilan dan kebaikan. Justeru seruan saya kepada kerajaan di pihak Jawatankuasa ini, supaya kita segera melaksanakan dan segera untuk menjadikan perubahan-perubahan besar yang kita mampu laksanakan ini mendapat hasil yang baik. Seterusnya saya juga berharap agar kerajaan negeri dapat menjadikan urusan-urusan pentadbiran ini lebih efisien dan lebih bersistematik. Saya dapat lihat kadang kala, ada keputusan-keputusan yang dibuat oleh kerajaan bersikap *centralize*. Walaupun asalnya baik tapi kadang-kadang menyebabkan beberapa keputusan-keputusan itu agak menyebabkan kelewatan dan meresahkan rakyat. Saya ambil contoh iaitu berkenaan kelulusan tanah-tanah TOL, yang sekarang ini diputuskan oleh pihak pentadbiran kerajaan negeri agar diputuskan dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri Selangor ataupun dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri Selangor yang kebanyakannya diputuskan dalam MTES. Dengan cara itu sebenarnya kita akan melonggokkan keputusan-keputusan yang boleh ditetapkan di peringkat kerajaan tempatan ataupun di peringkat daerah. Saya tidaklah ingin memberikan pintu dan membuka pintu seluas-luasnya kerana kalau kita berikan ruang sampai 40 ekar, seribu ekar, seribu lima ratus ekar kepada Pejabat Tanah dan Daerah, ia mungkin ada kesan yang besar kepada perancangan negeri. Tapi kalau pelan-pelan berkenaan dengan keluasan tanah sekitar 50 x 60, membina bangunan-bangunan tidak kekal untuk sebahagian peniaga di peringkat kampung dan bandar, ataupun melibatkan urusan-urusan yang kurang daripada satu ekar, sebagai contoh. Saya tak naklah besar-besar. Kalau boleh diberikan kuasa kepada Pejabat Tanah dan Daerah dan perlu dilaporkan. Maknanya Pejabat Tanah dan Daerah melaporkan kepada mesyuarat

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam setiap kala 2 minggu ataupun sebulan, dan kerajaan negeri ada kuasa pula membatalkan jika ada kecurigaan. Ini saya rasa proses *check and balance* dapat dilaksanakan dan saya rasa kalau kita dapat melaksanakan sepenuhnya SELESA, kita ada Jawatankuasa PADAT yang boleh beroperasi untuk memantau dan membantu urusan kerajaan negeri. Dengan itu saya berharap sangat supaya urusan-urusan yang mengurangkan sentralisasi ini atau mengurangkan fokus kepada pusat pentadbiran kerajaan negeri yang kemudiannya *burden* kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, *burdennya* kepada EXCO-EXCO kerajaan negeri yang kemudiannya akan bekerja lebih masa dan hilang fokus kepada beberapa perkara yang sepatutnya boleh ditumpukan selain daripada kerja-kerja yang saya sebutkan tadi. Jadi saya kira cukuplah sampai situ mungkin selepas ini ada beberapa perkara dalam pihak Jawatankuasa lain. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian dewan muka surat 111 Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, kod objek 101000. Emolumen empat belas juta lima puluh enam ribu lima puluh lapan ringgit dengan bilangan Perjawatan dua ribu dua belas empat ratus lapan puluh dua ini juga Y.B. Tuan Speaker merujuk

**TUAN SPEAKER :** Lima enam tiga ribu ya. Butiran program?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Ya.

**TUAN SPEAKER :** Lima enam tiga ribu, kemudian di bawah kod 10 000?

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Ya.

**TUAN SPEAKER :** Ya, silakan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Ini juga merujuk kepada muka surat 110 butiran program 505000

**TUAN SPEAKER :** Satu demi satu.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Ya, saya merujukkan perinciannya.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Dengan kod objek 10000 emolumen RM13,373,058. Juga butiran program muka surat yang sama 110, butiran program 50 5001 kod cek 10000, emolumen RM1,300,000 bagi program dasar baru. Tuan Pengerusi, bilangan perjawatan 482 adalah sangat berharga dan bernilai bagi pentadbiran seluruh kerajaan negeri Selangor. Memandangkan pejabat Dato' Menteri

Besar dan Setiausaha Kerajaan boleh dianggap benteng atau kubu pentadbiran kerajaan negeri. Sebagaimana sebagai benteng dan kubu kerajaan negeri setiap penjawat awam bukan hanya yakin, komitmen dan komited untuk melaksanakan dasar-dasar dan program-program yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan, tetapi mereka tidak goyah dan tidak boleh ragu dan tidak boleh diragukan dasar-dasar atau program-program yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan. Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa usaha untuk menimbulkan keraguan di kalangan kakitangan dan penjawat awam, rakyat-rakyat negeri Selangor seterusnya telah atau sedang dilakukan dengan giatnya oleh UMNO Selangor melalui KEMAS. Mereka melontarkan lebih enam puluh agenda bagi menimbulkan keraguan, syak wasangka di kalangan penjawat awam dan rakyat di negeri Selangor. Antara butiran yang boleh saya bacakan kerana masa yang terhad di sini. Pertamanya, mereka masih memainkan isu penjualan bangunan dan aset PKNS. Bagi mereka membuktikan kelemahan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar walaupun perkara ini telah dijelaskan ia bukanlah penjualan, ia adalah satu pelaburan dalam *REIT*. Tetapi mereka memainkan isu ini berterusan kerana UMNO melalui KEMAS berkeyakinan bahawa sekiranya rakyat dan penjawat awam diserang bertubi-tubi, berkali-kali melalui media dan jentera KEMAS maka mereka berhasil menimbulkan sekurang-kurangnya keraguan rasa syak di kalangan rakyat terutama penjawat-penjawat awam dan kakitangan-kakitangan awam termasuklah di Pejabat Menteri Besar yang perlu kita ambil perhatian. Keduanya, isu yang dimainkan ialah Unisel, isu peletakan jawatan Naib Canselor. campur tangan ahli politik Pakatan Rakyat di universiti. Ketiga, isu murtad. Serbuan gereja, sebagai buktinya gejala murtad meningkat semasa Pakatan Rakyat. Keempat, penderhakaan kepada Sultan Selangor oleh beberapa individu dan pemimpin Pakatan Rakyat pada dalam zaman Pakatan Rakyat, ini ulang-ulang balik walaupun isu ini telah selesai. Dewan yang mulia ini telah menyaksikan siapa yang menderhaka apabila Enakmen Pindaan Kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor telah dibawa oleh kerajaan negeri. Kelima, pindaan DUN Selangor merendah-rendahkan martabat Sultan Selangor. Keenam, hasil diserah kepada kroni yang kaya raya. Walaupun isu ini telah kita jelaskan tapi mereka mempermainkan lagi. Mereka timbulkan keraguan demi keraguan, kerana mereka tahu ini adalah fitnah yang berkesan sekiranya kita tidak membentengi penjawat-penjawat awam kita. Ketujuh, SYABAS tahun 2014 mengalami kekeringan kawasan tadahan air, isu ini turut dimainkan. Kemudian isu yang sudah lama selesai. Isu kelapan, pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Dato' Mohammed Khusrin, Dato' Menteri Besar tidak memahami Perlembagaan Negeri Selangor. Tuduhan dan dakwaan mereka. Kesembilan, wang zakat diagihkan kepada bukan Islam, Menteri Besar salah guna kuasa. Kesepuluh, salah guna wang MBI oleh Menteri Besar. Kesebelas, tanah Y.B.K Yayasan Basmi Kemiskinan Rawang untuk membina UiTM telah dirampas oleh pemimpin PR ini juga dimainkan. Kedua belas, PKPS membuktikan kepincangan

pertanian dalam pemerintahan Pakatan Rakyat. Dan sebahagianya telah dijelaskan tetapi mereka masih lagi menyerang. Mereka menyerang di dewan dan di luar dewan dengan menggunakan jentera KEMAS kepada rakyat. Kemudian yang ketiga belas, mereka memainkan isu rumah urut dan pusat hiburan bertambah semasa Pakatan Rakyat memerintah Selangor. Isu ini juga telah kita saksikan telah digembargemburkan walaupun telah dijelaskan dengan begitu jelas sekali oleh EXCO. Ke empat belas, pemimpin DAP masuk masjid dan surau mencemar rumah Allah, ini disensasikan, mereka sensitifkan, mereka fitnahkan perkara ini di luar fakta yang sebenarnya. Kelima belas, laungan azan di bantah oleh Yang Berhormat seperti Y.B. Teresa Kok, isu lama tapi masih diulang-ulang lagi. Yang mengharukan, isu kematian juga digunakan sebagai fitnah. Isu keenam belas, kematian mendiang Teoh Beng Hock membuktikan gejala rasuah meningkat dalam pemerintahan Pakatan Rakyat. Ketujuh belas, penggunaan pengeluaran lesen kelas F kepada bukan bumiputera, isu yang tidak benar sama sekali. Dan yang kelapan belas, penjualan arak berleluasa di jual di *Seven Eleven* dan sebagainya. Enam puluh senarai, lebih daripada itu mungkin dari masa ke semasa senarai ini akan bertambah. Apa yang ingin saya menarik perhatian Tuan Pengurus adalah mereka yakin dengan strategik berulang-ulang, bertubi-tubi menyerang rakyat termasuk kakitangan-kakitangan dan penjawat awam, mereka nanti berjaya menimbulkan rasa ragu, rasa goyah, rasa kurang yakin, kurang komitmen pada melaksanakan dasar-dasar kerajaan negeri Selangor. Dengan itu, saya menyeru dengan peruntukan emolumen yang mencukupi terutamanya 1.3 Juta bagi pentadbiran dan kewangan dasar baru saya yakin pihak kerajaan dapat melaksanakan dua perkara. Pertamanya, secara berterusan memberi taklimat dan penerangan tentang dasar-dasar kerajaan dan program-program kerajaan, inspirasi pemimpin kerajaan, dan juga membetulkan tohmahan-tohmahan serta membentengi penjawat-penjawat awam daripada fitnah dan tohmahan-tohmahan yang diberikan. Keduanya, saya mencadangkan pihak kerajaan dengan peruntukan emolumen kakitangan yang sedia ada, mengerakkan satu gerak jentera bagi membetulkan atau membentengi rakyat keseluruhannya, terhadap penjawat-penjawat awam khususnya terhadap fitnah-fitnah ini. Sekian Tuan Pengurus, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Terima kasih Tuan Pengurus, Teratai ingin mengambil bahagian dalam usul ini, sila rujuk ke muka surat 111, butiran 55600, kod 2000, Kerajaan Tempatan. Y.B. Tuan Speaker, kerajaan Pakatan Rakyat menyambut semangat demokrasi. Jadi kita perlu *commit* dalam Kerajaan Tempatan. Dalam sistem demokrasi di Malaysia sepatutnya rakyat boleh memilih Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri dan Ahli Majlis Tempatan. Di mana mereka yang terpilih akan membentuk kerajaan pusat, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan masing-masing. Ini adalah kerana ketiga-tiga peringkat berhak untuk memungut cukai dari rakyat. Maka

pentadbiran mereka mesti *accountable* pada rakyat. Teratai difahamkan cadangan membolehkan pilihan raya kerajaan tempatan akan mendapat halangan daripada pelbagai pihak yang mempunyai atau menjaga kepentingan sendiri. Itu sudah biasa, dan kita sudah jangka jika ada masalah ini tetapi itu bukan itu alasan untuk menghalalkan sistem demokrasi yang terjadi dijalankan. Baru-baru ini jawapan dari EXCO berkaitan mengatakan bahawa akan menjalankan satu *test (dengan izin)* ataupun percubaan kerajaan tempatan. Itu merupakan satu yang bagus untuk komuniti yang tertentu, tapi saya berharap boleh tak kita rakyat dapat tahu satu tempoh dan cara-cara kita melaksanakan itu percubaan pemilihan raya kerajaan tempatan. Dan juga kita ingin tahu bajet yang ditentukan atau diagihkan ataupun disediakan untuk pilihan raya ini, sebab ini berkaitan dengan bajet dan kita tidak tahu berapa jumlahnya tapi itu haruslah menunjukkan komitmen kita dalam memulihara pemilihan pilihan raya kerajaan tempatan yang memberikan satu jadual bila melantik? bila memulakan penamaan? Bila akan tahu mengundi dan sebagainya. Saya rasa sudah tiba tahun keempat, bila sampai ke tahun keempat, kalau jadual untuk percubaan juga tidak diwujudkan, saya agak risau. Di kalangan rakyat akan mewujudkan ketidakpuashatian terhadap kerajaan kita sebab kita sudah janji

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Baik.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Teratai, saya lihat mengenai isu pilihan raya kerajaan tempatan yang banyak kali dibangkitkan dan dibawa oleh ADUN Pakatan Rakyat, termasuk Teratai tetapi saya sebenarnya hendak bertanya kepada Teratai, apa sebenarnya agenda kepada pilihan raya kecil kerajaan tempatan ini? Pertama, kita sendiri maklum jawapan EXCO mengatakan bahawa ada halangan dari segi perundangan, itu sudah jelas. Dari segi Akta Kerajaan Tempatan. Keduanya, kenapa hendak sangat dibangkitkan isu ini, kenapa wang rakyat hendak digunakan? Walaupun tidak tahu berapa jumlah, satu juta dua juga barangkali hendak digunakan untuk pilihan raya kecil ini tidak cukup ke dengan pilihan raya besar yang telah ada, pilihan raya negeri, pilihan raya umum yang sedia ada. Jadi, kenapa hendak digunakan wang pembayar cukai untuk tujuan-tujuan yang begini, sedangkan untuk mencari ahli majlis sekarang ini Pakatan Rakyat sebagai kerajaan tidak ada masalah, tiada masalah hendak pilih calon terbaik. Tadi pun saya terdengar jawapan daripada EXCO, ada daripada NGO, ada daripada profesional yang boleh diambil. Apa hendak sangat hendak menggunakan duit rakyat untuk belanjakan untuk buat pilihan raya, berkempen dan sebagainya. Tetapi peruntukannya yang boleh digunakan di kawasan luar bandar dan di kawasan PBT. Jadi apakah agendanya? Jadi, apakah sebenarnya ada hasrat supaya setengah-tengah tempat boleh dibolot oleh orang-orang tertentu untuk menang ahli majlis. Ini akan terus memecahbelahkan masyarakat dan sebagainya. Saya hendak tanya apa sebenarnya agenda pilihan raya kecil ini? Dulu

juga diwar-warkan mengenai pilihan raya kecil wakil ketua-ketua kampung untuk kawasan-kawasan Kampung Baru sampai sekarang pun masih tidak dilaksanakan. Ini semua ini perbelanjaan yang merugikan rakyat, membuang masa rakyat, Jadi, saya tanya Teratai apa sebenarnya agenda ini? Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin bolehkah saya boleh bertanya adakah Yang Berhormat bersetuju memulihkan pilihanraya kerajaan tempatan, itu yang penting?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Sudah tentu saya tidak bersetuju, kerana itu satu pembaziran, wang rakyat dan masa yang digunakan. Itu sebab saya tanya Teratai, kenapa agenda perlu dibangkit-dibangkitkan dan ditanya-tanya lagi? Ini pada saya perkara yang membazirkan wang rakyat, masa dan sebagainya. Sepatutnya tidak ditimbulkan

**TUAN SPEAKER** : Jangan ulang-ulang *point*, silakan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Kalau memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan adalah satu pembaziran jadi adakah kita nak *pinpoint handpick* Perdana Menteri, Ahli Parlimen, *handpick* Ahli Dewan Negeri sebab ketiga-tiga peringkat Kerajaan ini dia sistem demokrasi. Demokrasi bermaksud rakyat berhak untuk memilih dan yang terpenting sekali ketiga-tiga peringkat kerajaan ini semua boleh memungut cukai, kalau tidak dipilih oleh rakyat mana ada akauntabiliti, mana ada amanah, untuk memegang duit rakyat. Jadi itulah sebab demokrasi, tapi kalau pembangkang tidak faham, saya boleh *print* itu teks *book* politik supaya boleh memahami sistem pentadbiran di negara kita. Yang sudah tertulis, tercatit dalam perlumbagaan Malaysia. Jadi Y.B. Tuan Speaker, izinkan saya terus terang muka surat 212 butiran 50500 kod.

**TUAN SPEAKER** : Dua

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Muka surat 212

**TUAN SPEAKER** : 212

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Berkaitan emolumen.

**TUAN SPEAKER** : Jauh ini, sekarang kita masih B1 ini. Itu sudah B3 dah. Tengah berlonjak tinggi.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Ok! Tak apa. Dari muka surat 112 Butiran 50500 kod 11000 Kaji dan Ubah. Muka surat 112.

**TUAN SPEAKER** : Sila-sila.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Dalam sidang yang mulia ini, kerajaan negeri Selangor bawah pimpinan rakyat telah mencipta satu sejarah di Malaysia. Iaitu melaksanakan gaji minimum di syarikat milik kerajaan negeri atau *Government Link Companies* (GLCs). Ini merupakan satu berita dan hadiah yang sangat baik kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah. Kejap. Kerajaan pusat yang dipimpin oleh Barisan Nasional sudah lebih dari 50 tahun sampai hari ini masih tidak dapat melaksanakan gaji minimum walaupun mereka mempunyai kuasa dan juga sumber kewangan besar berbanding dengan negeri Selangor. Kalau Barisan Nasional kata mereka memperjuangkan hak rakyat dan sebagainya. Masih lagi enggan melaksanakan polisi gaji minimum yang berjiwa rakyat apakah agenda sebenarnya. Itu saya nak tanya balik. Saya menganggap isu kewangan bukan satu isu untuk menghalangkan perlaksanaan gaji minimum kerana kita boleh nampak ada isteri Ahli Politik boleh membeli cincin yang berharga 24 juta ringgit tetapi dia di pulang baliklah kerana atas dasar tekanan rakyat. Jadi di Selangor kita hanya perlu menyediakan geran sebanyak RM10 juta sahaja untuk memperkenalkan gaji minimum bagi Syarikat GLC yang kemungkinan kedudukan kewangannya tidak berapa stabil. Jadi kenapa kerajaan pusat tidak dapat bawa isu ini. Saya boleh jawab kerana tidak ada keizinan dalam politik, kalau ada keizinan dalam politik sudah lama kita sudah memperkenalkan gaji minimum. Bayangkan pekerja yang berpendapatan rendah kurang daripada RM1,000.00 berapa susah payah nak hidup di dalam negara kita yang berinflasi tinggi sangat pada setakat ini.

Y.B. Tuan Speaker izinkan saya merujuk muka surat 113 B14 129000 itu jawab kod 21 Jawatankuasa Tetap Kebudayaan. Dalam ucapan bajet baru-baru ini Dato' Menteri Besar Negeri Selangor telah mengumumkan satu geran sebanyak RM300 juta di bawah tajuk Selangorku. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kerana ini menunjukkan kerajaan Pakatan Rakyat berprihatin dan berjiwa rakyat dan bertanggungjawab. Dalam Sidang Bajet ini penggiat seni dan budaya tidak lagi tercicir kalau arus pembangunan masyarakat selain daripada pembangunan kewangan sejumlah 3 juta untuk mengukuhkan budaya iaitu membangun dan meningkatkan program kesenian di Selangor. Kerajaan sudah mengiktiraf sumbangan penggiat seni dan budaya dalam bidang ini dan sejak tahun 2010 kerajaan Selangor juga mengujudkan satu anugerah bakat anak muda Selangor. Atau Selangor *Young Talent Award*. Yang membolehkan penggiat seni dan budaya muda yang berbakat di Malaysia mendapat pengiktirafan dari kerajaan negeri Selangor. Saya rasa itulah kita cara-cara Pakatan Rakyat mentadbirkan negeri Selangor dan bukan menggunakan duit rakyat pergi membeli lembu yang lagi mahal daripada lembu Jepun dan turun di Bangsar, lembu Kobe yang lagi mahal. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan geran-geran yang bermakna untuk rakyat Malaysia terutamanya anak Selangor. Jadi itulah sahaja pada setakat ini sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR :** Ya, Y.B. Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Sebelum saya panggil Bangi saya ingatkan Ahli Yang Berhormat sekalian bila sampai di peringkat jawatankuasa bagilah teguran, bagilah cadangan dan bukan tidak guna kita nak kritik kerajaan persekutuan pada peringkat ini ya ini dah jawatankuasa, jadi kita rujuk kepada subjek, kod dan kemudian kita berikan teguran dan cadangan dan sebagainya berkenaan dengan subjek itu jangan melencong pergi sampai Persekutuan tidak guna lagi. Kita dah lalui proses perbahasan kertas dasar dah lalu dah kita di peringkat jawatankuasa ya. Ada teguran bagi teguran ada cadangan bagi cadangan itu yang kita kehendaki di jawatankuasa. Silakan Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR :** Terima kasih Tuan Speaker. Bangi bangun untuk membicarakan di bawah P01 Menteri Besar dan SUK pecahan b kecil PK4 Adat Melayu dan Warisan. Bidang ini walaupun kecil sebenarnya dari segi kita mencari citra atau imej negeri Selangor itu kita masih lagi teraba-rabalah boleh diistilahkan belum mendapat penemuan yang lebih tepat baru-baru ini memang diadakan seminar tetapi saya ikuti seminar dari jauh nampaknya jauh juga dari segi penemuan ya ketepatan. Sebenarnya masalah Selangor ini tidak kering atau tidak miskin dari imej-imej yang ada dalam bahan-bahan sejarah artifak, monumen bahkan dari pemuziuman itu sendiri yang dapat dipancarkan imej negeri Selangor tapi barang kali selama ini kita tidak begitu memahami dengan jelas apakah sebenarnya imej-imej yang kita dapat bermegah dan berasa unggul dengan imej-imej yang sedemikian. Kita pernah melihat usaha-usaha untuk menampilkan imej negeri Selangor daripada Kota Melawati ataupun kota sempadan antara Wilayah dengan Selangor dan sebagainya tetapi nampaknya ini bukan digunakan secara sungguh-sungguh yang boleh memberi imej, dihormati, diguna dan kita pandang itu Selangor seumpamanya. Tidak dapat memancarkan imej yang sedemikian memang ertinya kita sebenarnya tidak perlu perkara banyak kalau kita ambil banyak kita longgok sampah itu yang berharga itu tidak dapat petik dia. Kadang-kadang dia satu pun cukup kalau dia dapat memancarkan imej. Kita katakan Melaka, dia ada Kota Melaka sahaja batu itu sahaja, itu maknanya besar dari segi sejarah. Dan dia dapat menonjolkan kota Melaka orang dapat tangkap Melaka, Terengganu umpamanya Batu Bersurat, batu juga sebenarnya imejnya bukan batu itu tetapi sejarah yang berada sebaliknya jadi kemegahan bagi rakyat negeri itu. Jadi memang menonjol Selangor apa untuk setakat ini kita berbalik-balik ya kadang-kadang saya melihat dalam seminar itu yang diambil terlampau perkara kecil-kecil yang remeh-temeh. Apa dia kuih asal Selangor, kain apa Selangor yang lain banyak imej itu sebenarnya menghabiskan masa bila kita membicarakan perkara kecil yang tidak memberi banyak manfaat imej bagi negeri Selangor ini. Memang sesuatu yang dicari itu bersifat artifak yang mempunyai nilai sejarah, mempunyai identiti dan dimegahkan oleh masyarakat setempat yang kita dapat menampilkan juga kepada peringkat bukan sahaja tempatan, bukan sahaja negeri pada peringkat antarabangsa kalau boleh kita

dapatlah daripada negeri Selangor ini dan juga barang kali perlu kepada publisiti bila kita dapat menemui imej atau citra yang kukuh bagi negeri Selangor itu.

Saya katakan tadi kita sebenarnya mempunyai banyak bahan tetapi kita tidak jelas bagaimana kita nak memilih dan menampilkan dan mempopularkan saya nampak kita perlu memilih jangan terlampaui banyak, kalau tidak kita berkecamuk untuk kita menonjolkan imej negeri Selangor dan pilih yang terbaik. Satu yang mahu kita megah-megah dan mahu menimbulkan imej negeri Selangor ini ialah hak pendidikan. Saya ingat ini memang jelas hak pendidikan sesuatu yang kukuh bagi negeri Selangor. So mana kita nak ambil, kita nak tampilkan saya ingat kita perlu mengambil Selangor sebagai negeri yang pertama memperkenalkan pengajian tinggi di Malaysia. Pada tahun 1966 Tuanku Sultan Hishamuddin menghadiahkan ini suatu yang unggul, menghadiahkan sebuah istana kepada rakyat untuk dijadikan pusat pengajian tinggi kolej Islam. Daripada kolej Islam ini bertaraf pengajian tinggi dia memperkembangkan dari segi pendidikan negara kita, akhirnya ertinya kita kata ada kolej Islam itu dah sebenarnya sudah peringkat tinggi kemudian daripadanya KUIS pun kita boleh kaitkan daripada kolej Islam, UIAM pun UIA pun ertinya daripada pancaran Kolej Islam dan juga barang kali Universiti-universiti di negara kita sebagai imej pengajian tinggi ertinya dia terpancar daripada itu. Sebab itu ia suatu imej yang besar yang boleh meningkatkan negeri Selangor sebagai negeri yang menampilkan pengajian tinggi terawal secara moden, ingat secara moden ingat kolej ertinya secara moden sudah ada ertinya bermula daripada Selangor. Dan ini timbul dari satu keunggulan daripada timbul hati keikhlasan Tuanku Hishamuddin menghadiahkan sebuah istana sesuatu yang unggul boleh kita popularkan dan sebab itu saya ingat kita mesti mengambil imej istana yang dihadiahkan cari satu sudut mana yang terbaik gambaran imej kita boleh masukan dia sebagai satu bahagian daripada mungkin kita buat logo negeri Selangor ke kemudian memancar daripada sama ada KUIS, UIAM dan sebagainya. Ini alkitab susunnya itu ertinya kita dapat menampilkan suatu yang unggul dari segi pendidikan tepat ke hasrat kita mahu menjadikan Selangor hak pendidikan. Jadi ini lebih unggul daripada Kota Melawati, Kota Melawati memang lama dah jadi keunggulannya jadi tempat kubu peperangan tetapi tidak nampak sangat imej peperangan itu jadi kita pun tidak selongkar atau pun utarakan kepada masyarakat bagaimana keunggulan pahlawan-pahlawan yang berperang di situ macam di Melaka nampak jelas Portugis serang, Tun Perak pertahan ada perlawanan tetapi Melawati tengok dia punya batu-batu, imej peperangan, erti konflik dan sebagainya tidak begitu jelas tetapi ini kolej Islam saya ingat jelas sebab itu kita boleh bermegah dengan dia kerana dia mula-mula sekali menampilkan pengajian tinggi di negara kita.

Yang kedua saya ingat saya nak petik tiga sahaja supaya tidak kecamuk kalau boleh satu sahaja imej itu macam Kota Melaka ataupun Batu Bersurat jelas tengok, ataupun Kelantan Dikir Barat umpamanya orang nampak. Sebut Dikir Barat Kelantan tanggapan

dia orang. Oleh itu macam itu yang kita nampak kalau boleh yang kedua barang kali yang ketiga kita merasakan kita suatu kekurangan kerana Selangor ialah negeri industri. Negeri industri yang memang jelas daripada apa yang kita bicara pun dalam Dewan ini tentang kita ke depan di industri. So kita mesti mencari imej industri yang berkembang di negeri Selangor saya ingat bijih timah asalnya. Bijih timah yang diusahakan oleh berbagai kaum maknanya bukan orang Melayu berbagai kaum dan daripada ini kita boleh bijih timah ini industri lama walaupun tidak ada kita pancarkan imej kepada bangunan industri memang moden dan berkembang. Itu artis dia punya tentang kemajuan industri kita di Selangor cara nak lukis nak itu terpulang kepada artis. Barang kali boleh juga dimasukkan umpamanya komunikasi atau sebagai tempat masuk melalui kita kata lapangan terbang, kita katakan Pelabuhan Klang dan sebagainya kalau boleh di masuk secara itu ertinya dia ada hubungan dengan industri. Ini memancarkan imej negeri Selangor yang tidak ada, ada di negeri lain tidak seunggul negeri Selangor.

Yang ketiga saya ingat kita kena pilih dari segi budaya. Budaya ini bukan sahaja tari-menari. Budaya itu umpamanya kita boleh masuk dari segi keunggulan, dari segi pentadbiran di negara kita. Imej kita umpamanya Bangunan Sultan Abdul Samad itu kita mesti pegang hak Selangor walau pun sekarang duduk dalam Wilayah Persekutuan. Bahkan saya sebenarnya lebih suka kalau kita tidak iktiraf secara pemilikan mutlak Wilayah Persekutuan dan Putrajaya itu sebagai hak kerajaan persekutuan. Kita mesti menganggap dia sebahagian daripada Selangor cuma kita bagi pinjam itu istilah yang patut kita anggap dalam pemikiran. Ini bukan saya cakap sekarang, masa nak tubuh Putrajaya dulu saya memang menentang dari segi menyerah tapi masa tu Khir Toyo dia nak jadi Menteri Besar, dia nak baik dengan Dr. Mahathir dia serah sahaja. Dalam sidang Dewan saya bangkitkan tak pernah di bawa ke Dewan. Dalam Dewan saya bangkitkan jangan serahkan dia. Kita hanya sebahagian daripada pajakan yang boleh dinilai tadi setahun ke setahun atau sepuluh tahun. Sekarang kita beri penuh dia dan kita dapat RM18 juta.

**TUAN SPEAKER** : Tapi Yang Berhormat kalau nasi sudah menjadi bubur bagaimana kita nak jadikan bubur itu nasi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Kita boleh cuba. Supaya perjanjian yang dibuat masa Menteri Besar dulu tetap sebagai dahulu sehingga penyerahan. Kita minta dia sebagai pajakan. Bila cukup sepuluh tahun kita boleh naik kalau dulu RM18 juta kita boleh naik RM180 juta. Sekarang RM18 juta banyak mana sangat. Macam RM18,000 dulu. Tak ada makna. Sikit sangat. Itu ruginya yang dibuat BN dulu. Ertinya sekarang kita jangan iktiraf dia sebagai hak mutlak. Kita kata Wilayah Persekutuan di bawah negeri Selangor. Ertinya *point* saya hanya nak ambil bangunan Sultan Abdul Samad yang sejarah itu sebagai imej pentadbiran. Dan juga imej dari segi budaya masyarakat yang membangun di negeri Selangor ini.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan. Setuju tak Yang Berhormat Bangi dengan cadangan saya di Dewan yang mulia ini bahawa memandangkan kerajaan telah membuka Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan jadi adalah wajar supaya Bandaraya Kuala Lumpur ini dipulangkan kepada kerajaan negeri Selangor kerana apabila Kuala Lumpur ini diserahkan kepada kerajaan pusat 1974 ia diserahkan dengan tujuan untuk menjadikannya sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan. Sekarang sudah ada Putrajaya jadi nak pegang Kuala Lumpur untuk apa lagi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Saya setuju betullah kalau Kuala Lumpur di pulang balik. Dulu dipecahkan kerana takut dari segi politik supaya kawasan cina tidak didominasi oleh orang cina sekarang kita dalam pakatan kalau makin banyak *multiracial* makin untung kita. Sekarang kita tidak boleh mendapat sokongan dari satu kaum sahaja. Kalau kaum Melayu sahaja PAS pun tidak berapa mantap sekarang kalau letak dalam kawasan *multiracial* kita memang mendapat sokongan yang kuat macam Bangi, Kajang. Jadi itu dia takut soal politik sebab tergadainya Kuala Lumpur. Kerana sudah ada Putrajaya kita sepatutnya mendesak supaya di pulang balik kepada negeri Selangor. Kita pun memang sudah menang di situ semua kerusi Parlimen. Cuma kerana dia berada dalam peringkat Persekutuan dia memerintah. Jadi tidak malulah dia. Dia kalah tapi memerintah juga. Sebenarnya Putrajaya juga sudah cuba diragui. Dulu dalam perbahasan dalam tahun 2001 yang saya minta dipajakkan dia kata *reduced* 10 kilometer itu saja yang diberi kepada kerajaan persekutuan. Tapi kalau kita tengok sekarang dah habis dah. Sampai ke Sepang, sampai ke Bangi itu seolah-olah Putrajaya semua. Sebenarnya janjinya hanya 10 kilometer. Kita perlu buat kepastian supaya tak makin banyak tanah negeri Selangor seolah-olah diiklankan semacam Putrajaya sepenuhnya. Cyberjaya kalau salah buat ia dianggap macam di bawah Putrajaya juga. Ertinya kita mesti ambil dari segi budaya, dari segi pentadbiran macam bangunan tadi dia mesti diusahakan oleh semua kaum. Dan kalau boleh kita melukis juga tiga kaum yang sedang berpegang tangan antara imej itu yang mencerminkan ertinya kita terdiri daripada berbagai-bagai kaum bahkan dalam Pakatan kita pun berbagai-bagai kaum. Jadi saya ingat tiga imej ini kalau kita bina terbaik dan kita popularkan terus gunakan dia akan menjadi sesuatu yang identiti dengan negeri Selangor. Tidak seperti sekarang kita waswas dari satu imej ke satu imej berubah-ubah dan akhirnya apa sebenarnya imej negeri Selangor. Kita tak nampak. Sebenarnya banyak cuma kita tidak *firm* dengan pendirian kita, kita tak popularkan dan tidak ketengahkan dan kena lantik pakar artis, pemikir bagi merangka suatu logo yang menarik yang boleh kita rasa megah dan kita bina dia sebagai satu pancaran imej negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ia Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Pengurus, Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin merujuk kepada muka surat 115 butiran atau program aktiviti 552000 kod objek 241000 Biasiswa-biasiswa dan Bantuan Pelajaran. RM8,155,112.00 peruntukan untuk tahun ini dan anggaran tahun depan.

Pertamanya saya nak ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan negeri yang saya kira telah memberikan satu bentuk sumber kewangan kepada anak-anak kita pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke universiti sumber bantuan kewangan melalui Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor yang mana ia memberi kemudahan yang sangat mudah kepada mahasiswa-mahasiswa dengan cara pemulangan juga yang cukup mudah dan ini telah disentuh oleh Yang Berhormat Kampung Tunku tempoh hari cuma saya ingin memberikan sedikit pandangan saya kerana baiknya Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor ini tawaran pinjaman diberikan kepada semua peringkat iaitu sijil, diploma, ijazah dan ijazah sarjana muda dan permohonan ini diberikan sebanyak 2 kali dalam masa setahun dan kalau pada mesyuarat tahun 2009 bilangan 1 kalau saya dibenarkan untuk merujuk kuota dan kos keseluruhan yang terlibat bagi menampung dua sesi pengambilan pelajar adalah sebanyak 1000 tempat dan kos berjumlah RM5,510,000.00 diperuntukkan untuk setahun. Dan kalau kita lihat penambahan-penambahan peruntukan yang diuntukkan untuk kerajaan negeri ini memberi manfaat kepada pelajar-pelajar kita terutamanya yang datang dalam golongan yang berpendapatan rendah yakni kalau di negeri Selangor kita tetapkan RM1500 sebagai paras garis kemiskinan. Saya kira jumlah ini mungkin perlu ditambah bagi tahun hadapan kerana saya lihat beberapa perkara yang perlu kita pertimbangkan termasuklah pada tahun hadapan ada ura-ura bahawa Yayasan Selangor tidak akan memansuhkan pinjaman bantuan kewangan ini kepada pelajar-pelajar yang mana akan diambil alih oleh Kerajaan negeri Selangor dan kita juga telah mendengar desas desus bahawa PTPTN akan dihentikan mulai tahun hadapan walaupun kita tidak tahu apakah alasan sebenarnya walaupun kita menjangkakan seramai 2.5juta pelajar-pelajar akan memohon pinjaman PTPTN pada tahun hadapan. Dan mungkin disebabkan sehingga 31 September yang lepas sebanyak hanya RM2.74 bilion pinjaman telah dibayar balik yang mana sepatutnya bayaran balik adalah sebanyak RM6.2 bilion inikah sebabnya ataupun bagi pihak yang dulu meletakkan bahawa rakyat di dahulukan kepentingan rakyat perlu di dahulukan dan pada hari ini mereka berpatah balik kepada desas desus mereka ini. Jadi Tuan Pengurus saya melihat juga bahawa kita perlu memberi peluang kepada mahasiswa-mahasiswa terutamanya yang berada di IPT-IPT negeri Selangor termasuklah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, UNISEL supaya ia juga menjadi bahan promosi atau secara automatik kita berikan kepada pelajar-pelajar ini atau prioriti kita berikan kepada mahasiswa-mahasiswa ini untuk mendapatkan pinjaman ini. Dan saya juga ingin mencadangkan supaya pinjaman Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor ini juga kita buka atau kita libatkan pelajar-pelajar terutama pelajar-pelajar peringkat Asasi atau *foundation* di Institusi-institusi Pengajian Tinggi

kerana kita lihat pada hari ini kos pembelajaran adalah terlalu tinggi dan sebahagian anak-anak kita sendiri sebahagiannya ada yang tidak dapat melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat ini disebabkan oleh kekangan kewangan yang terpaksa mereka hadapi. Jadi Alhamdulillah kalau pada hari ini kerajaan negeri Selangor juga telah memberikan hadiah IPT sehingga 2011 sejumlah 2096 pelajar-pelajar kita yang layak dan kita telah membelanjakan RM22 juta untuk memberikan dalam program memasarkan negeri Selangor ini saya kira jumlah untuk ditambahkan pada segi keperluan pinjaman melalui Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor ini dapat dilakukan.

Perkara yang seterusnya yang saya ingin sentuh ialah merujuk kepada muka surat 122 kod 10030 Perbandaran 01, 02 Infrastruktur Asas Bagi Pihak Berkuasa Tempatan. Peruntukan RM2juta dianggarkan untuk tahun depan. Suka saya merujuk balik kepada ucapan dalam perbahasan saya yang pernah saya sentuh ini bahawa untuk kemudahan-kemudahan seperti gerai-gerai PLB yang mana bengkel-bengkel PLB yang mana telah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang mana keadaannya cukup uzur. Dan ini perlu dibiayai oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan saya kira di dalam kita melaksanakan pengurusan ini perlu beberapa perkara perlu diambil perhatian termasuklah kalau yang sudah tidak boleh dibaikpulih saya kira perlu dilupuskan kita tidak mahu berlaku pembaziran wang yang banyak di situ dan akhirnya tidak memberikan impak yang baik kepada sistem pengurusan yang kita ada. Yang mana yang boleh dibaikpulih saya kira perlu dibaikpulih dengan peruntukan-peruntukan yang munasabah. Saya tak tahu yang RM2 juta yang diperuntukkan untuk tahun hadapan adakah akan memberikan impak yang baik kepada pengurusan baik pulih-baik pulih yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya saya merujuk kepada perkara muka surat 125 kod butiran 10060 Pembangunan Usahawan. Alhamdulillah baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa satu program tanggungjawab sosial telah dibuat oleh Perangsang Selangor dengan mengadakan program merangsang kerjaya siswazah Selangor yang tujuannya untuk memberikan pendedahan-pendedahan kepada siswazah-siswazah ini untuk mereka mendapatkan peluang-peluang pekerjaan dengan lebih mudah, dengan lebih bersedia lagi. Dan saya ingin juga menarik perhatian kepada Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia yang mana pada tahun 1989 sudah wujud satu tabung pelan amanah pembangunan belia yang diuntukkan oleh kerajaan negeri Selangor dengan peruntukan asas sejumlah RM1,003,000.00 untuk program ini dan walaupun dahulunya di bawah Jabatan Belia Negeri Selangor dan baru-baru ini diserahkan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor untuk mengendalikan pengurusan pinjamannya yang mana kita mendapati bahawa jumlah pinjaman tertunggak sejumlah RM764,461.00 sehingga Februari 2011 masih lagi belum berjaya dikutip. Walaupun jumlah peminjam hanya 76 orang yakni peminjam perseorangan 70 orang dan

peminjam persatuan 6 orang dan seorang telah meninggal dan yang tamat membayar balik pinjaman hanya sekitar 19 orang. Jadi saya kira melihat kepada perkara ini dengan keadaan sekarang ini yang mana banyak usahawan-usahawan muda dan belia kita yang memerlukan suntikan untuk mereka melakukan program-program keusahawanan saya kira perkara ini perlu diaktifkan balik dan ada keperluannya kalau dapat ditambahkan tabungan ini supaya memberi impak yang lebih ramai lagi kepada usahawan baru kita terutamanya di kalangan belia untuk mendapatkan sumber-sumber yang lebih baik di dalam menguruskan kehidupan mereka. Sekadar itu Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Ya Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Tuan Pengerusi untuk memberi peluang kepada Kajang untuk membahas dalam peringkat Jawatankuasa. Untuk perbahasan Kajang ingin membawa perhatian dewan ke muka surat 112, 113 iaitu di bawah kod butiran 505000 dan kod 29000 iaitu perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti. Sebenarnya bawah butiran bawah kod ini, memang ada juga pada semua butiran-butiran yang lain di mana terdapat perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan yang lain yang dibeli dan hospitaliti. Yang sejumlah memang amat besar bagi semua jawatankuasa dan juga semua kod-kod yang berkaitan. Dan jumlah yang besar perbelanjaan ini sebenarnya kita harus meneliti apakah gunanya misalnya kita nampak sambutan-sambutan perayaan di adakan di peringkat negeri tetapi ada juga di peringkat jawatankuasa tetap dan juga ada pada jabatan-jabatan, sama ada perayaan-perayaan sebegini sambutan-sambutan begini atau pun jamuan sebegini diperlukan. Atau pun kita ada satu yang besar-besaran di peringkat negeri memang itu sudah cukup. Dan juga kita nampak dalam keadaan ini dalam butiran yang sama seharusnya jabatan-jabatan harus lebih melibatkan perkhidmatan ikhtisas di mana perunding-perunding dijemput untuk memberi nasihat dan juga kajian untuk membantu dalam kerja-kerja dalam jawatankuasa tetap dan juga jabatan-jabatan yang berkenaan. Jadi tumpuan dalam kerajaan seharusnya dalam hal-hal kerajaan dan bukannya dalam bentuk sambutan-sambutan perayaan atau pun makan minum dan jamuan.

Kajang ingin membawa perhatian Dewan ke muka surat 117 iaitu Audit Dalaman bawah butiran 62000. Kajang mendapati Audit Dalaman di PBT-PBT dalam Negeri Selangor hanya bertanggungjawab terus kepada YDP iaitu Ketua Pentadbir dalam PBT. Dan ini akan menyulitkan dari segi pengauditan dalaman, akaun dalaman dan juga proses perbelanjaan atau pun *recoulement* dalam PBT kerana orang yang dipertanggungjawabkan ...

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, yang di bawah butiran ini Audit Dalaman ini merujuk kepada Audit Dalaman kerajaan negeri, ia ada kena mengena ....

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Ya, dia akan bawa ke negeri nanti sekejap lagi...

**TUAN SPEAKER** : Ya jangan melencong banyak ya...

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Ya...oleh kerana pada peringkat PBT sahaja ia memang terhad dan terkongkong dan ia seharusnya semua Audit Dalaman harus dimasukkan ke dalam Audit Dalaman peringkat negeri dan terus bertanggungjawab pada Audit Dalaman Negeri, tidak terus kepada YDP selaku Ketua Pentadbiran di peringkat PBT. Ini akan menjamin pengauditan itu memang berkecuali dan bertanggungjawab terus kepada kerajaan negeri. Dan untuk butiran seterusnya ialah 563000 juga muka surat yang sama penyelidikan dan perancangan. Kajang ingin mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Pejabat Menteri Besar yang telah banyak membuat kajian dan juga penyelidikan dan mendedahkan salah laku dan juga kes-kes lampau yang telah membazirkan wang rakyat dan juga penipuan-penipuan yang telah berlaku dan membelanjakan wang rakyat yang banyak. Akan tetapi dalam kita nampak dalam perbelanjaan sebanyak RM275,490 memang teramat kecil, teramat kecil dan sekiranya kita hendak melibatkan perunding-perunding, pakar-pakar ya khasnya dalam mengkaji dan meneliti GLC-GLC bawah MBI, maka ia melibatkan kepakaran yang banyak. Dan oleh kerana GLC kita memang banyak dan penelitian ini memerlukan kepakaran dari segi semua bidang profesional dan juga pengauditan dan juga akaun-akaun dan juga pengurusan maka Kajang mencadangkan Pejabat Menteri Besar boleh membesarluarkan lagi *team* yang membuat kajian-kajian dan pengurusan ini.

Dan seterusnya Kajang ingin membawa perhatian ke muka surat 122 bawah vot P01 Menteri Besar dan SUK, kod 10030 Perbandaran iaitu di bawah butiran 01 Dewan Orang Ramai. Kita memang dapati Dewan Orang Ramai atau Balai Raya yang sedia ada memang amat tidak mencukupi. Ada wujudnya tanah-tanah yang memang sudah di gazetkan untuk dewan orang ramai tetapi memang tidak ada peruntukan daripada PBT untuk pembinaan dewan orang ramai atau pun balai raya di taman-taman. Maka Kajang memang mencadangkan satu peruntukan yang lebih besar untuk membiayai pembinaan dewan orang ramai dan balai raya di kawasan-kawasan dalam bawah pentadbiran PBT mahu pun bawah Pejabat Daerah. Kajang mendapati memang kita harus, kita harus beri tumpuan kepada dewan orang ramai dan pusat-pusat ini kerana ia merupakan satu pusat di mana ia dapat membawa perubahan kepada penduduk-penduduk atau pun komuniti tempatan. Ia memang sejajar dengan strategi kerajaan negeri yang baru ini melestarikan masyarakat kita iaitu Kajang mencadangkan satu konsep komuniti rakyat. Dengan menggunakan konsep ABCD juga berdasarkan ABCD *Asset Based Community Development* atau pun Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset, jadi dewan-dewan dan balai raya ini memerlukan aset yang sedia ada yang juga akan dibina maka ia merupakan satu pusat komuniti rakyat di mana pusat-pusat ini boleh dijadikan pusat khidmat untuk jawatankuasa komuniti. Baik ia daripada JKKK atau pun daripada persatuan penduduk selain itu ia boleh memainkan peranan sebagai

satu pusat sukan dan riadah dan juga sosial budaya bagi komuniti tempatan. Dan menjadi pusat ilmuwan di mana kita boleh sediakan perpustakaan tempatan dan juga dengan adanya wujudnya komputer-komputer atau pun pusat ICT adanya komputer dan juga perkhidmatan *Wi-Fi* di mana mereka yang kurang mampu dapat pergi ke pusat komuniti ini untuk menggunakan alat-alat ICT ini.

Dan pusat sebegini juga boleh dijadikan pusat riadah untuk warga tua di mana tempat kampung-kampung baru atau pun taman-taman warga tua memang kadang-kadang tidak ada tempat untuk pergi, mereka hanya menghadapi televisyen setiap hari saja. Jadi kalau adanya pusat riadah seperti ini maka warga tua dapat berkumpul dan bersosial dan bergaul dan mengadakan kehidupan yang lebih berkualiti. Dan pusat sebegini juga boleh dijadikan pusat *Daycare* atau pun tabika untuk ibu bapa yang kurang mampu yang tidak dapat hantar anak-anak mereka ke pusat-pusat tabika tadika yang lebih mahal yang swasta maka ia boleh digunakan untuk perkhidmatan ini. Dan ini adalah cadangan dan kita berharap pihak kerajaan memberi pertimbangan dan gunakan peruntukan yang tertabur di sana sini untuk disepadukan dan menjayakan pusat komuniti rakyat yang serba guna ini.

Dan pada muka surat 123 iaitu bawah butiran 10040 iaitu Adat Melayu dan Warisan. Kajang berpendapat muzium-muzium yang berpusat ini memang baik, ia akan menjadi suatu, suatu ikon di mana ia dapat kumpulkan semua artifak-artifak maklumat-maklumat dan sejarah budaya yang dapat mencerminkan pembangunan negeri dan sejarah negeri. Kajang amat menyokong cadangan Sekinchan pada beberapa hari yang lepas di mana galeri atau pun muzium kecil tempatan didirikan di setiap daerah. Sekiranya macam di Sekinchan diadakan galeri padi bersama dengan sejarah tempatan di pamerkan maka ia akan menceriakan lagi dan juga menarik pelancong di mana ia akan merupakan satu pusat di mana pelancong akan pergi selain daripada orang tempatan yang juga dapat pergi dari masa ke semasa. Dan kita boleh wujudkan galeri bertema kalau Sekinchan dia boleh ada galeri padi, maka di Sabak Bernam sudah wujud satu muzium kecil untuk nelayan dan kita boleh juga adakan di Kuala Selangor iaitu di mana ada kelip-kelip dan juga bakau dan juga nelayan macam di Kajang memang sudah wujud satu galeri Sate ya yang bukan bawah Lembaga Muzium atau bawah Padat tapi bawah PBT dan kita memang mencadang di mana tempat-tempat daerah ini dia ada satu produk dia sendiri yang terkenal maka kita gunakan dia sebagai tema untuk galeri seperti ini.

Tuan Pengerusi, Kajang ingin membawa perhatian dewan ke muka surat 16 bawah PK

**TUAN SPEAKER : 1...**

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** bawah PK 7 sosial iaitu bahagian pembangunan..

**Y.B. TUAN SPEAKER :** muka surat, muka surat ....

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Ya..muka surat 126. Iaitu bawah kod 10070 iaitu butiran 07 pembangunan Orang Asli di mana 3000 ribu sahaja di peruntukan. Kajang mendapati peruntukan sekecil ini tidak merupakan membawa apa makna kepada pembangunan Orang Asli di negeri Selangor kerana Orang Asli selama ini memang sudah dipinggirkan begitu lama baik dari segi budaya, pendidikan, bahasa mereka atau pun sosial ekonomi atau pun latihan-latihan kemahiran untuk mereka untuk meneruskan pembangunan masyarakat mereka. Misalnya walaupun Jabatan Kemajuan Orang Asli dikatakan telah mengambil alih hal ehwal orang asli tapi pihak negeri harus juga memberi perhatian kerana kita mendapati memang masyarakat orang asli amat-amat di bukan saja dipinggirkan memang langsung disingkirkan daripada pembangunan masyarakat. Baru-baru ini Kajang berkesempatan menziarahi ke kampung-kampung orang asli dan berbual-bual dengan orang asli selain daripada PAC iaitu yang telah membuat penelitian penemuan-penemuan laporan audit dan kita mendapati dari segi kesinambungan hidup orang asli memang merupakan satu masalah yang besar. Misalnya satu contoh, di komuniti orang asli di Bukit Cherakah iaitu sekarang sudah di dalam taman bandar raya di mana mereka duduk sudah ada penempatan di kawasan perumahan baik di teres mahu pun ada yang duduk di banglo-banglo tapi mereka menghadapi masalah untuk mencari rezeki pendapatan harian. Mereka terpaksa bekerja sebagai *guard*, bekerja sebagai pekebun, bekerja sebagai buruh kasar dengan ini kalau mereka tidak ada satu kerja yang dapat menjamin, menjamin kehidupan harian mereka dan juga anak-anak mereka maka mereka akan menghadapi masalah yang besar. Dan memanglah Kajang mencadangkan kerajaan seharusnya mengekalkan budaya mereka dengan adanya kawasan untuk penanaman cucuk tanam atau pun penternakan di kawasan perkampungan atau pun di pinggir perkampungan di mana mereka boleh amalkan cara hidup orang asli dan di samping itu boleh mendapat pendapatan. Dan latihan-latihan seperti penternakan ikan, misalnya ada kolam di situ boleh adakan program di mana penternakan ikan tawar, boleh diadakan dan juga mereka uruskan kolam itu dan juga boleh digunakan sebagai suatu tempat riadah di mana orang pelawat-pelawat datang ke situ boleh memancing di situ, kutipan bayaran masuk kawasan kolam boleh diberi kepada orang asli di situ.

Dari segi bahasa pula, dari segi bahasa kita dapati kumpulan komuniti orang asli yang disebutkan tadi memang mereka daripada Temua. Tapi bahasa Temua mereka hanya ditutur digunakan dalam waktu biasa dan saya berbincang dengan ibu bapa mereka kata anak-anak mereka memang menggunakan bahasa Temua tetapi apabila mereka masuk ke dalam sekolah rendah dan seterusnya mereka akan tidak menggunakan bahasa itu lagi. Dan ini akan menyebabkan bahasa ibunda orang asal kita memang menghadapi satu risiko mungkin satu hari mereka akan hilang bahasa ibunda mereka. Jadi kerajaan kita harus memberi tumpuan bagaimana kita memelihara dan juga menyuburkan lagi bahasa dan budaya orang asal supaya mereka boleh teruskan

warisan mereka kerana ini juga merupakan warisan bukan saja warisan Selangor tapi ia warisan untuk kita sedunia. Seterusnya Kajang ingin membawa ....

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Yang Berhormat waktu menunjukkan satu petang boleh sambung kemudian.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Ya baik terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan pukul 1.00 petang maka saya tangguhkan sidang dewan ke 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang )

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER** : Dewan disambung semula Peringkat Jawatankuasa. Silakan, Kajang sambung.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Kajang akan sambung perbahasan dengan merujuk balik lagi kepada muka surat 126 butiran 07, pembangunan orang asli yang telah di bincang tadi. Kajang memang memahami dan juga menghayati dasar kepelbagaian budaya dasar kerajaan Pakatan Rakyat iaitu dalam Bahasa Inggeris *Cultural Diversity*, di mana tidak ada diskriminasi mana-mana agama, bahasa, budaya atau bangsa. Jadi dalam pembangunan orang asli, memang kita nampak peruntukan itu terlalu kecil dan ini mungkin akan menimbulkan salah anggap bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor tidak memberi keprihatinan terhadap pembangunan orang asli di negeri Selangor. Kita nampak dalam pilihan raya kecil yang lepas di Hulu Selangor apabila kita memasuki kawasan kampung orang asli dan mendapati bahawa jabatan, waktu itu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah boleh kata mengongkong kumpulan masyarakat orang asli di situ dan cuba mempengaruhi mereka untuk memberi undi kepada Barisan Nasional. Jadi, jabatan kerajaan diperalatkan menjadi jentera pilihan raya sesuatu puak, merupakan sesuatu yang tidak sihat. Dan ini kalau kita teliti dari segi pembangunan kampung-kampung orang asli memang kita dapati memang terlalu ketinggalan. Dan kita berharaplah dengan peruntukan yang lebih yang boleh dipertimbangkan ia akan membantu pembangunan komuniti orang asli di seluruh Selangor.

Dan kalau kita rujuk pada butiran pada muka surat yang sama iaitu butiran 03, iaitu Bantuan Pendidikan. Memang Kajang memuji dan juga menghayati peruntukan yang diberi iaitu bantuan Sekolah Agama, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil yang telah berlangsung sudah akan masuk ke tahun keempat. Akan tetapi kita juga dapat ada institusi-institusi atau NGO-NGO yang mengendalikan kelas-kelas bahasa ibunda di negeri Selangor yang belum lagi dapat perhatian daripada kerajaan. Saya hendak ambil satu contoh iaitu kelas-kelas Punjabi

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tuan Pengerusi

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Punjabi yang dikendalikan oleh masyarakat Sikh.

**TUAN SPEAKER** : Ia, Kajang

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya hendak bertanya fasal Peraturan Dewan Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Ia.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya sekadar hendak bertanya kepada Tuan Pengerusi Peraturan 12 mengenai kuorum mesyuarat. Kalau ikut peraturan ini kuorum mesyuarat Dewan atau Jawatankuasa hendaklah 1/3 daripada Ahli Dewan. Saya bertanya Pengerusi sahajalah. Sama ada apakah kita ini saya kalau ikut bilangannya macam tak cukup, 18. Jadi apakah mengambil kira pendaftaran pagi tadi atau yang semasa? Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baik, sila. Setiausaha tolong bilang. 14 ya? 14, maka kuorum tidak mencukupi. Maka mengikut Peraturan 12, kita hendaklah memanggil Ahli-ahli Dewan Negeri untuk masuk ke dalam Dewan Negeri. Sila loceng.

Masa 2 minit sudah genap. Setiausaha sila bilang lagi. Berapa? 18? Jadi Peraturan 12 Perenggan 1 mengatakan kuorum bagi Dewan dan Jawatankuasa keseluruhan Dewan hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 1/3 Ahli-ahli Dewan dengan tidak termasuk Pengerusi. Jadi sekarang memandangkan bilangan ahli adalah 18, ia tidak kurang daripada 1/3 maka kita sambung. Cukup kuorum. Silakan Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Kajang akan sambung. Iaitu Kajang telah menyebut berkaitan dengan inisiatif yang diambil oleh institusi dan juga badan bukan kerajaan untuk mengendalikan kelas-kelas bahasa ibunda di mana mereka telah menjalankan begitu lama dan belum dapat perhatian daripada kerajaan. Satu contoh yang saya hendak bawa iaitu *Punjabi Education Trust*. Mereka telah mengadakan kelas-kelas sebanyak 8 pusat, 8 pusat pembelajaran Bahasa Punjabi dan setiap tahun mereka memang mengendalikan, wujudkan dari segi infrastruktur iaitu bilik-bilik darjah, juga memberi latihan kepada guru-guru dan menyediakan kurikulum termasuk buku-buku teks dan juga perbelanjaan pengurusan bagi kelas-kelas ini. Dan jumlah setiap tahun bagi pengendalian kelas-kelas sebegini sebanyak lebih daripada RM1 juta mereka belanjakan iaitu kalau dengan teliti iaitu RM1.066 juta yang dibelanjakan setiap tahun. Jadi inisiatif sebegini memang suatu inisiatif yang memang amat menggalakkan. Iaitu bahasa ibunda memang dapat diwariskan dan diteruskan di belajar dan dihayati oleh anak-anak sesuatu bangsa. Begitu juga seperti yang disebut tadi bagi orang asal negeri kita juga. Sama juga bahasa ibunda harus juga diajar dan wujudnya, wujudkan institusi-institusi atau kemudahan-kemudahan untuk membantu pembelajaran. Memang ada lagi institusi dan badan bukan kerajaan yang lain yang sedang mengendalikan kelas-kelas pembelajaran sebegini. Dan ini merupakan suatu inisiatif yang baik di mana ia menepati dasar kerajaan kita iaitu dasar kepelbagai budaya. Maka Kajang mencadangkan dalam bajet tahun 2012 ini kita juga peruntukkan sejumlah wang tidak kurang daripada RM1 juta untuk bantu badan-badan yang tidak termasuk dalam bajet kita ini untuk kegunaan sedemikian.

Dan seterusnya Kajang ingin membawa perhatian ke butiran pada muka surat yang sama butiran 04, iaitu Program Kemahiran Teknikal. Selain daripada kewujudan

institusi seperti INPENS dan juga ada program latihan kemahiran teknikal yang diwujudkan, Kajang mendapati ada satu kumpulan orang muda yang tidak diberi perhatian, tidak dijaga oleh pihak kerajaan untuk membantu mereka supaya mereka boleh berdikari. Golongan ini merupakan golongan yang tercicir daripada sekolah-sekolah baik selepas sekolah rendah mahupun selepas PMR ataupun selepas Tingkatan 5 yang gagal. Yang gagal tidak berjaya ataupun tercicir selepas sekolah rendah. Dan mereka ini kalau walaupun kita wujudkan institusi dan kursus-kursus latihan tapi mereka menghadapi masalah bahasa. Kalau kita kendalikan dalam Bahasa Inggeris atau pun Bahasa Malaysia mereka juga menghadapi masalah. Golongan ini boleh terdiri daripada golongan masyarakat India dan juga masyarakat Cina dan juga yang lain-lain yang Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris nya memang amat lemah. Jadi Kajang bercadang kerajaan wujudkan bukan sahaja ada kursus-kursus, bukan sahaja teknikal juga latihan-latihan supaya mereka dapat memasuki sektor perkhidmatan kerana kita dapat di Selangor sektor perkhidmatan menyumbang peratusan yang paling tinggi dalam ekonomi kita. Dan kita boleh wujudkan juga *on the job training* iaitu latihan sewaktu kerja. Bagi golongan ini supaya mereka dapat memperoleh peluang-peluang pekerjaan dan juga kemahiran-kemahiran. Selain daripada itu, kerajaan juga boleh mengenal pasti dan melantik kilang-kilang, bengkel-bengkel ataupun sektor industri perkhidmatan dan memberi pengiktirafan dan supaya golongan yang tidak terbela ini dapat mengadakan ataupun dapat mendapat latihan setempat memang tidak jauh dari rumahnya dan boleh ada latihan-latihan. Dan dengan ini satu peruntukan bajet perlu diperuntukkan untuk bengkel-bengkel, kilang-kilang, dan juga syarikat-syarikat yang dilantik ini. Dan akhir sekali Kajang ingin merujuk balik ke muka surat 123 iaitu adat Melayu dan warisan. Tadi kajang telah sebut berkaitan muzium dan galeri, Kajang ingin mengemukakan satu masalah yang kita hadapi selama beberapa tahun selepas penubuhan PADAT, kita mendapati banyak bengkel-bengkel, ada kursus-kursus dan juga yang dikendalikan oleh PADAT, ia telah lebih menumpu pada adat-adat Melayu dan juga sejarah dan artifak kemelayuan. Dan kita tahu warisan Selangor memang merupakan satu penemuan pelbagai bangsa , pelbagai suku kaum dan juga budaya-budaya antarabangsa. Jadi Kajang bercadang, PADAT juga memberi tumpuan kepada, kepada sejarah pelbagai kaum, pelbagai bangsa dan pelbagai budaya dan juga tumpuan pada warisan Selangor diberi supaya ia dapat mencerminkan imej dan juga sejarah Selangor yang sebenarnya. Itu sahaja daripada Kajang, saya ucap terima kasih untuk memberi peluang untuk berbahas. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Rawang ingin menarik perhatian Dewan, jawatankuasa kepada muka surat 111 kod 556000 berkaitan dengan kerajaan tempatan. Rawang ingin mencadangkan supaya pihak berkuasa

tempatan ataupun kerajaan tempatan memberi fokus untuk menyelesaikan dan mempercepatkan pemberian sijil kelayakan untuk rumah-rumah, untuk projek perumahan ataupun pembangunan yang telah lama tidak diselesaikan sekurang-kurangnya untuk satu tahun atau lebih supaya kita memberi keadilan kepada pemilik harta ataupun pembeli harta yang telah lama membeli harta-harta tersebut. Rawang juga ingin mengetahui bahawa PBT manakah telah menujuhkan jawatankuasa teknikal kemudahan orang kelainan upaya bagi merancang dasar di setiap PBT bagi mewujudkan suasana persekitaran yang bebas kekangan *free barrier* dengan izin dan senang di acces oleh golongan kelainan upaya. Cadangan Rawang adalah supaya setiap PBT membuat laporan audit kemudahan OKU pada tahun depan dalam masa terdekat ini bagi mengenal pasti sejauh manakah perancangan perbandaran adalah mesra OKU dan cadangan pembaikan yang perlu dilaksanakan dalam masa terdekat ini. Saya juga ingin menyentuh tentang aspek kebersihan, pembersihan di kerajaan tempatan, memang dilaksanakan oleh kerajaan tempatan. Pembersihan dan pengurusan sisa pepejal merupakan satu aspek yang penting bagi menjamin kesejahteraan komuniti tempatan. Kerajaan negeri perlu mewujudkan satu perancangan yang lebih holistik yang memberi penumpuan bukan sahaja kepada mengambil alih aspek pembersihan daripada Alam Flora, dan memulihkan tapak pelupusan sampah malahan saya ingin mencadangkan supaya industri sistem pengurusan sistem pepejal ini distrukturkan semula dengan menujuhkan sebuah konsortium yang memungut, memantau dan mengitar semula sisa pepejal yang dikutip. Konsep zon bersih sepatutnya ditukar

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat terkeluar sikit daripada ni, di bawah kepala ni, butiran aktiviti. 556000 sebab dia berkenaan dengan perbelanjaan perjalanan dan sara hidup, bekalan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan. Bekalan dan bahan-bahan lain, perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Ok. So saya akan masuk ke topik yang lain. Saya ingin membawa perhatian jawatankuasa kepada muka surat 121 kod 10020 yang menyentuh tentang pembangunan kampung, aktiviti pembangunan kampung di perkara 02 yang mana saya ingin mencadangkan supaya pembangunan kampung ini bukan saja diberi kepada pembangunan kampung-kampung tradisional Melayu dan kampung baru sekarang memang saya nampak pihak kerajaan negeri telah memberi usaha yang banyak untuk pembangunan dari segi infrastruktur kemudahan asas tetapi fokus dan penekanan harusnya diberi kepada perkampungan-perkampungan India yang telah lama wujud seperti di Rawang khasnya Kampung Sungai Bakau, Kampung Sungai 2 dan termasuk juga satu kampung Benggali yang mana dalam kerajaan pemerintahan Barisan Nasional yang lepas mereka telah diberikan tanah tetapi tanah yang diberi itu sekarang adalah tempat tanaman pokok buah-buahan oleh orang lain dan memang

nampaknya ada masalah kalau mereka dipindahkan ke kawasan tersebut tanpa dengan infrastruktur dan kemudahan asas yang sepatutnya. Saya juga ingin mencadangkan supaya perkampungan orang asal dan ladang-ladang getah yang masih lagi kekurangan kemudahan asas seperti air, api dan sebagainya harus diberi penekanan dan diberi bantuan oleh kerajaan negeri untuk menyiapkan demi kesejahteraan komuniti yang duduk di kawasan tersebut. Rawang juga ingin membawa perhatian Jawatankuasa kepada muka surat 123 kod 10040 di perkara 04 berkenaan dengan menaik taraf kawasan bersejarah. Rawang menyambut baik kerajaan negeri yang memperuntukkan RM3.2 juta untuk menaik taraf kawasan-kawasan bersejarah di Kuala Langat, Kuala Selangor dan Hulu Selangor. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri menubuhkan Bandar Batu Arang bandar warisan sejarah dengan pengisytiharan Y.A.B Menteri Besar pada tahun lepas untuk mewartakan Batu Arang sebagai bandar bersejarah. Bandar ini haruslah melibatkan penduduk tempatan bagi merancang, memulihara dan mempromosikan hasil warisan di Batu Arang Kuang. Di samping menjadikan kawasan tersebut sebagai satu daya tarikan pelancong yang sudah tentunya akan mendatangkan hasil pendapatan kepada kerajaan negeri. Pekan Batu Arang merupakan bekas kawasan perlombongan arang batu sebelum perang dunia kedua yang kaya dengan bangunan dan warisan sejarah. Jadi ini adalah antara cadangan saya yang ingin dibawa kepada perhatian Jawatankuasa. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL AZIZ :** Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Dato' Speaker. Saya mahu mengucapkan terima kasih kepada Batu Caves, Hulu Kelang, Teratai, Bangi, Sijangkang, Kajang dan Rawang kerana turut berbincang tentang perkara pembayaran pengurusan oleh Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang kita perlu pantau selain penggunaannya dan hasil perkhidmatan yang diberi. Tetapi saya dapati daripada perbincangan yang kemukakan oleh Batu Caves, Hulu Kelang dan Teratai yang menyatakan tentang pentingnya kita melihat supaya kerajaan Pakatan Rakyat tidak membelakangkan pendapatan masyarakat warga kerja pejabat-pejabat kerajaan.

Saya ingin terangkan mengapa kita mengambil inisiatif supaya menetapkan gaji minimum untuk syarikat-syarikat GLC di bawah kelolaan MBI kerana kita rasa kita mempunyai kuasa pentadbiran dan juga pengurusan yang boleh memantau keadaan tersebut bukan maknanya apabila kita membuat sesuatu itu, atas tujuan dengan hanya membuat perisytiharan tetapi atas tujuan mengambil kira keupayaan kita melaksanakan perkara tersebut. Jadi saya tak nak digunakan oleh pihak pembangkang ataupun pihak UMNO dan pihak Barisan Nasional kerana menggunakan ini katakan wah sekarang

kerajaan Pakatan Rakyat asyik nak menolong syarikat-syarikat GLC dan membelakangkan beribu-ribu pegawai kerajaan kerana itu satu perkara yang saya harap tidak akan menjadi buah mulut yang dibincangkan. Kerana tugas yang paling penting, tugas untuk menentukan gaji minimum adalah kerajaan persekutuan. Jadi kita nak tunjukkan kerajaan negeri Selangor boleh lakukan dalam kekuatan kerajaan negeri Selangor.

Kalau rakyat Malaysia mahukan gaji minimum yang nak ditetapkan dan mereka tahu Kerajaan Persekutuan sekarang tak boleh melakukan dan dalam pilihan raya yang ke-13 mereka tukar kerajaan dan ini boleh dilaksanakan (tepukan ahli dewan) oleh kumpulan daripada Pakatan Rakyat. Jadi tak jadi masalah tetapi untuk memberitahu pegawai-pegawai kerajaan yang ini membelakangkan, itu satu kenyataan yang cuba memutarbelitkan usaha ikhlas yang dilakukan oleh kerajaan negeri. Jadi saya harap ini kita dapat panjangkan sebab saya nak menunjukkan bahawa kerajaan negeri dalam keadaan menghadapi sekatan-sekatan dan *the limitation* dapat juga melaksanakan. Tapi pelaksanaan itu dibuat dengan bijaksana bukan pelaksanaan itu dibuat dengan cara yang dikatakan tidak memikirkan kesan daripada kenaikan perbelanjaan hasil daripada gaji minimum. Jadi kita tengok bagaimana kita nak meningkatkan produktiviti, hasil kerja, mereka yang akan dapat gaji tambahan kerana gaji minimum tersebut. Sebab itu peruntukan sejumlah RM10 juta kita berikan supaya adakan *skill enchantment* ataupun peningkatan keupayaan kemudian kita juga masukkan konsep supaya pekerja boleh diberikan peluang untuk mendapat -pekerjaan yang lebih sesuai dan lebih baik. *Life long education* untuk mereka jadi itu saya harap saya terasa bahawa hasil daripada keikhlasan kita, kita dianggap membelakangkan penjawat-penjawat awam kerana saya tengok ada, ada aa.. juga *tweet* yang mengatakan saya menolong orang-orang *business* tapi tidak menolong penjawat awam. Ini bukan, bukan tujuan itu tapi dengan ini mereka boleh memberi inspirasi sekurang-kurangnya lah.

Inspirasi kepada masyarakat di Malaysia bahawa gaji minima bukan tidak boleh dilaksanakan. Sebab 50, apa tu, persatuan-persatuan pekerja sedang memohon gaji minima ini, 30 tahun dahulu dan tidak boleh dilaksanakan tapi Selangor mengambil keputusan untuk menunjukkan bagaimana dia boleh dilaksanakan. Jadi, mereka yang berpendapatan rendah yang ingin meningkatkan pendapatan mereka dalam usaha jati diri yang betul kerana gaji yang dibayar itu tidak setimpal, mestilah menyokong usaha ini supaya kerajaan persekutuan dapat membuatkan satu keputusan untuk jadikan Malaysia antara negara-negara yang memutuskan adanya gaji minimum untuk rakyatnya. Itu yang saya nak jelaskan.

Dan, saya tertarik dengan Bangi mengenai hab pendidikan dan juga usaha meningkatkan tamadun. Itu satu peningkatan tamadun yang saya rasa ini yang perlu kita bayangkan bagi negeri Selangor. Kalau dalam ketamadunan itu dia punya taridra diikuti oleh 50 pemain biola dan beberapa puluh penari dan lagu yang tak perlu guna

*tape* tapi dengan suara yang sama dengan seorang *soprano*, ini kemungkinan barulah *the culture of excellence* akan timbul. Jadi itu saya faham. Maka ini kita baru peringkat untuk menyemai dan ini berlaku apabila masyarakat mula mendapati mereka mempunyai masa untuk menilai, masa untuk menikmati dan masa untuk dapat mencipta, ia memang satu usaha yang kualiti hidup masyarakat dapat dipertingkatkan. Bayangkan, kalau dalam satu masyarakat, mereka boleh duduk diam selama satu jam setengah untuk mendengar muzik yang dimainkan oleh 100 pemain muzik yang tidak bergerak, pin jatuh pun kita boleh dengar. Jadi, adakah kita sudah sampai ke peringkat pemikiran dan pendengaran tersebut? Jawapannya, boleh. Tetapi ini yang kita mesti semaikan. Jadi itu *standard*. Walaupun dalam Musabaqah juga, orang mendengar tapi lebih kurang 20 minit lepas tu dia bergerak juga. Jadi ini yang kita nak utarakan. Saya terima konsep ini dan kita juga mesti sentiasa memikirkan daripada segi kualiti hidup masyarakat kita. Yang paling penting dalam usaha ini adalah, jurang pendapatan itu janganlah terlalu besar sebab jika ini berlaku mungkin hanya 10% daripada masyarakat menikmati kualiti hidup yang sangat murni dan baik ..dan 78% mempunyai muzik yang berbeza. Sebab itu ada kalanya terdapat perbezaan di Amerika, *culture* maknanya saya bukan merendah tetapi ada juga *the hip-hop* berbeza dengan *culture*, *the classic* sebab terdapat perbezaan itu. Jadi, tujuan kita, kita bangunkan supaya sejumlah besar masyarakat dapat menikmati apa yang kita nak lakukan. Jadi itulah, penggunaan wang itu perlu dilakukan.

Saya mengambil kira tentang teguran Sijangkang mengenai pemberian usaha, memberikan peruntukan untuk memperbaiki gerai-gerai di kawasan-kawasan yang memerlukannya supaya menggalakkan dan memberikan keutamaan kepada usahawan-usahawan muda ini, dan usaha ini mesti kita terjemahkan pada tahun hadapan sebab dalam Selangorku kita memperuntukkan RM50 juta untuk usaha ini. Jadi, bukan sedikit. Saya pun sekarang menggunakan masa untuk memikirkan cara nak menyalurkannya sebab kajian menunjukkan, tekun yang dilakukan oleh kerajaan persekutuan berjaya hanya memberi duit tetapi tak berjaya daripada segi hasil. Duit keluar tetapi pengusaha hilang dan tak ada. Hal itu yang saya rasa sangat penting kita fikirkan sampai mana yang kita nak tentukan yang saluran duit kita ini sampai ke matlamatnya dan dapat membangunkan masyarakat kita.

Kajang begitu panjang daripada segi, mengenai perayaan untuk mengurangkan kos. Saya..saya..pasal pengurangan kos Yang Berhormat daripada Kajang, saya setuju. Saya..tetapi ada kalanya, kita, kalau buat..tempat ..kalau saya tak buat di Kajang, tempat lain dibuat kerana mengurangkan kos, Kajang sudah tentulah akan *complain* pada saya sebabnya kita cuba juga memberikan sekurang-kurangnya semua kawasan di Selangor ini tidak ditinggalkan. Jadi, saya setuju tentang konsep audit yang di..yang bebas daripada kongkongan ketuanya. Saya setuju tentang konsep itu. Di syarikat-syarikat utama, umpamanya syarikat-syarikat di..macam *Shell*, syarikat yang saya

pernah kerja, di PNB dan juga Guthrie. Audit dalaman, *report audit* dalaman diberikan kepada CEO sama masanya diberikan kepada Lembaga-Lembaga Pengarah. Jadi, maknanya, audit dalaman, *report audit* dalaman dihantar ke semua bukan dihantar kepada CEO untuk dibetulkan kemudian baru dihantar kepada semua, tak ada. Jadi *audit report* ialah apabila dia tulis, dia hantar pada semua. Maknanya tak ada beza, jadi itu pun kita boleh lakukan. Maknanya *audit report* yang dibuat di PBT, tidak hanya dihantar kepada YDP untuk disemak dahulu ataupun tak boleh. Dia hantar pada semua dan barulah diadakan perbincangan. Dengan cara itu, ada memberikan kuasa tetapi mesti dijaga. Gaji ataupun kenaikan pangkat, mereka yang audit dalam ini, tidak boleh diluluskan oleh YDP sebaliknya, diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Jadi, kalau tidak, susah juga daripada segi etika, etika pengurusan. Itu sebagai contoh dan ..

Saya juga melihat tentang keprihatinan..tentang kaum asal kita orang Asli, tapi saya rasa, perkara yang sangat penting yang mesti kita tentukan adalah penempatan orang Asli. Maknanya, orang asal. Jadi kita mesti membuat keputusan. Pada masa sekarang, keputusan yang dibuat oleh kerajaan dalam Majlis Tanah Negara, keputusan yang dibuat, hanya...masih lagi menganggar orang Asal dibenarkan duduk tetapi mereka tidak boleh memiliki tanah. Ha, itu yang sekarang yang ada, dibenarkan tetapi pemilikan tanah masih lagi belum diberikan...belum diiktiraf. Tetapi bagi saya kerajaan negeri sedang berusaha supaya kita dapat memberikan tapak yang sesuai untuk mereka berkampung dan bermasyarakat dan masalah yang besar sekali, yang mesti kita selesaikan adalah kawasan rayau..dia merayau..jadi merayau..tapi..kawasan merayau di Selangor agak terhad. Oleh sebab itu, kalau dia merayau, boleh jadi sekarang mereka boleh jadi..kalau ikut kawasan-kawasan Bukit Lanjan yang tersebut, dia boleh jadi sekarang merayau di *supermarket*, bukan merayau dalam hutan. Sebab kita kena usahakan dan .. pendidikan mereka ya, kita mesti jaga. Bahasa ibunda, itu pun kita kena ambil satu keputusan sama ada kita mesti mengadakan kelas ataupun di kawasan mereka supaya apabila anak-anak mereka pergi di sekolah biasa, mereka belajar dengan bahasa di sekolah tetapi mereka masih lagi mempunyai keupayaan untuk meneruskan dan memahami bahasa ibunda.

Rawang, mengenai kerajaan tempatan ini akan diulas kemudian ..dan..saya rasa daripada segi mengenal pasti kawasan-kawasan untuk ‘tourism’, ataupun pelancongan memang kita setuju tetapi jawapannya adalah kita bandingkan perbelanjaan yang digunakan oleh negeri Selangor tak sampai RM5 juta tetapi untuk bajet kerajaan persekutuan adalah lebih RM500 juta. Jadi, kalau dibahagi pun, bahagi dengan 10 maknanya tiap-tiap negeri, ataupun bahagi dengan 13 tiap-tiap negeri sekurang-kurangnya boleh dapat peruntukan RM30 juta dalam ini. Tetapi ini tidak berlaku.

**TUAN SPEAKER : Ya.**

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Dato' Menteri Besar, saya minta penjelasan sikit sebab saya rasa hampir suku daripada ucapan saya tadi saya membangkitkan tentang Enakmen SELESA. Apakah ada apa-apa, pandangan dan juga cadangan daripada kerajaan untuk melanjutkan usia reformasi kita?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Saya terima konsep yang saya masuk dalam politik kerana reformasi. Kalau tidak, ini tidak memberikan saya, apa yang dikatakan, *the spirit of doing it*. Tetapi, saya juga daripada kumpulan yang boleh jadi kerana umur, kerana umur, saya daripada kumpulan *it's not only*, bukan sahaja kita menerima konsep tersebut, tetapi *the timing of the pelaksanaan is also as important* macam saudara kata bagi *dates* apa semua, *the timing of there, timing* itu adalah juga sangat penting. Sebab itu ada 2 perkara yang kita dapati. Saya tengok daripada perbincangan ini satu daripada konsep untuk mengadakan pilihan raya di Pihak Berkuasa Tempatan, ke-2 melaksanakan *The Total Separation of Powers Between The Three Arms of the Government* iaitu satu *the executive, the legislative and also the judicial this is a The Three Arms of the Goverment*. Jadi kesemua ini mesti mengambil kira *the structure of the organization. The best implementation area is at the federal document allow for complete separation between the.... the judstry and also the executive complete that is where* boleh diterjemahkan ke bawah tetapi sebagai contoh macam serupa juga macam nak diterjemahkan tadi yang saya katakan terlalu rendah perbandingannya tapi menterjemahkan gaji minimum maknanya kita tidak ada *the complete authority to do it*. Sebab itu saya cadangkan.

Bagaimanapun, saya fikir kita boleh laksanakan dengan berperingkat supaya ia dapat dilaksanakan daripada segi kita sudah menunjukkan keupayaan kita untuk apa yang dipanggil *the transparency of information*. Maknanya ketelusan maklumat, kesediaan untuk menerangkan perkara yang kita lakukan dan kesediaan untuk *the check and balance* kita sudah ada tapi kita mesti menunjukkan peringkat. Kalau tidak pentadbiran akan dalam keadaan ini sahaja ...saya nak tunjukkan kecekapan kita dalam pelaksanaan. Kalau kita ubah umpamanya saya tengok kecekapan kita dalam *to take over* mengambil alih kerja mengendalikan sampah dan pembersihan juga mengambil masa *the whole executive..* jadi menunjukkan *the capacity of our management* belum sampai satu peringkat yang bila kita cakap buat ini orang dah tahu nak buat A,B,C,D,E,F sampai Z belum buat. Lepas itu ditanya kepada kita apa nak buat bukan kita kata buat dia dah tunjukkan *this is the schedule of doing*. Jadi saya harap ini kita mesti perbincangkan. Saya percaya semua daripada kita serupa juga rakan kita daripada Bangi inginkan satu keadaan yang tamadun kita tinggi tetapi untuk mencari 50 *1st class... in Selangor* saya ingat kita belum sampai ke peringkat itu lagi

**TUAN SPEAKER** : Jadual B1 iaitu wang sejumlah RM 80,452,100.15 untuk B1 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B2, pelbagai perkhidmatan RM 90,342,429.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B2 iaitu wang sejumlah RM 90,342,429 untuk B2 pelbagai perkhidmatan menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual D3 Dewan Negeri Selangor RM18,393,920.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Ya silakan, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk muka surat 213, butiran program kod 50500 pentadbiran dan kewangan jumlah emolumen peningkatan dari RM8,931,000 kepada RM9,156,000 satu peningkatan sebanyak peningkatan RM265,000. Dengan bilangan perjawatan 82 perjawatan. Saya ingin menarik perhatian tentang hujah yang telah dikemukakan oleh Batu Caves dalam perkara B1 tentang Enakmen SELESA dan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekurang-kurangnya kalau *the total seperation of power* dengan izin tidak dapat dilaksanakan sekurang-kurangnya pemerkasaan dewan dapat diberikan ruang yang seluasnya kerana peranan dewan dan khususnya jawatankuasa-jawatankuasa pilihan telah memberi ruang yang bagus untuk pentadbiran negeri dan kata kelola yang lebih baik, lebih terbuka, lebih bertanggungjawab khususnya daripada wujudnya PAC dengan izin jawatankuasa pilihan tentang kira-kira awam kepada 3 buah jawatankuasa lagi yang melibatkan Pejabat Tanah, PBT dan anak-anak syarikat kerajaan negeri Selangor telah memberikan suasana yang lebih rancak dalam demokrasi dewan pertamanya dalam semakan dan imbalan dalam memastikan acara berterusan kerajaan dibantu dengan semakan-semakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang penuh bertanggungjawab dan komited. Tetapi masalah yang kita hadapi adalah kerana sistem sokongan. Kita tidak ada secara teknikalnya apabila jawatankuasa hendak mengadakan mesyuarat lawatan tapak, pendengaran tertutup kita bergantung dengan kakitangan urus setia yang sama yang komited tetapi terbeban dengan bebanan kerja yang terlalu banyak di peringkat EXCO dan Tuan Speaker dan di peringkat dewan. Jadi kadang-kadang kita terpaksa menganjukkan secara praktiknya Jawatankuasa ABAS ingin bergerak dengan lebih pantas kerana banyak laporan audit yang perlu disemak daripada Ketua Audit Negara. Banyak GLC yang hendak dipantau untuk membantu kerajaan tetapi kita tergendala usaha itu kerana kadang-kadang mesyuarat yang hendak kita adakan tidak dapat

diberikan sistem sokongan oleh urus setia dan lawatan-lawatan yang hendak kita laksanakan dengan lebih kerap tidak dapat kita laksanakan kerana tidak adanya sistem sokongan. Saya menyeru dengan peruntukan lebihan sebanyak RM 265,000 bagi tahun 2012 penyusunan semula urus setia dan kakitangan boleh dilakukan. Sekurang-kurangnya bagi jawatankuasa PAC, ABAS, PADAT dan PBT diberikan dengan izin *dedicated* urus setia yang memberi sistem sokongan sebagaimana hari ini dewan telah mendapat satu urus setia yang dalam bahagian penerbitan yang telah ditimbulkan oleh Batu Caves tadi telah walaupun dengan bantuan satu tenaga tetapi dengan dedikasi dan bimbingan yang baik daripada Tuan Speaker kita dapat menerbitkan 3 buletin jadi 3 *journal*. Jadi saya percaya kalau kita tambahkan bukan tambah kita susun semula kita agih-agihkan urus setia yang ada untuk seorang salah seorang daripada urus setia yang ada diberikan tugas membantu memberikan sistem sokongan kepada sekurang-kurangnya 3 atau 4 jawatankuasa pilihan khususnya Kira-kira Awam, PADAT, ABAS dan PBT. Tuan Pengerasi saya juga mencadangkan dari segi penamaan ataupun pengkhususan tugas kerana sebagai ahli-ahli jawatankuasa pilihan kita hendak memberikan tumpuan terutamanya pengerasi-pengerasi dalam masa yang sama secara teknikalnya dari segi tugas sokongan telah diberikan kepada ADUN, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan daripada kerajaan untuk menjadi pembantu EXCO dan peruntukan elauan Pembantu EXCO diberikan. Tapi saya ingin mencadangkan agar sekiranya kalau tidak pun semua daripada Ahli Jawatankuasa yang 4 tadi sekurang-kurangnya satu dua ataupun pengerasinya diperuntukkan dipindahkan elauan pembantu EXCO itu sebagai elauan Ahli Jawatankuasa jadi kalau kita hendak membuat kerja pun kita merasa senang kerana kita menerima elauan daripada peruntukan yang sewajarnya. Jadi itu 2 cadangan saya Tuan Pengerasi, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Pengerasi. Saya ingin menarik perhatian dewan muka surat 213, 50500 tentang 11100 gaji dan upahan. Saya ingin menarik perhatian dewan tentang usul saya pada satu ketika dulu pada persidangan dewan penggal yang lepas di mana saya telah mengusulkan bahawa dewan telah meluluskan cadangan satu bangunan baru dewan, bangunan baru dewan di sebelah Annex ini memandangkan Selangor adalah peneraju di kalangan dewan dalam agenda kita memperkasakan reformasi perubahan dalam dewan kita adalah antara ke hadapan di antara negeri-negeri termasuk kita lebih tinggi daripada parlimen walaupun parlimen memang bangga kerajaan persekutuan bangga dengan Parlimen tetapi dari segi pelaksanaan memperkasakan reformasi kita lebih ke depan, jadi sesuailah bebanan kerja dan sebagainya maka ruang-ruang yang ada sekarang ini cukup padat maka dengan itu usul diluluskan oleh Dewan ini saya harap dapat pertimbangan yang sewajarnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan bagaimana apakah status perkembangan terkini lanjutan daripada usul tersebut dan seterusnya saya juga ingin

menyokong apa yang disyorkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang, Jawatankuasa PADAT, ABAS, PBT yang sering bermesyuarat perlu sokongan tenaga kerja daripada dewan supaya kerja-kerja mesyuaratnya lebih tersusun, teratur pada masa yang sama saya ingin mencadangkan kepada kerajaan khususnya syor-syor yang di bawa oleh Jawatankuasa setelah pendengar-pendengar tertutup *closed hearing* ini sudah dibuat dalam sesuatu kes syornya diminta ambil perhatian oleh pihak kerajaan negeri Executive Dato Menteri Besar, banyak syor-syor Jawatankuasa jarang diberi diambil titik berat kita bagi pihak Jawatankuasa kita memang prihatin meluangkan masa, mesyuaratnya tujuannya tidak lain tidak bukan untuk memantau selia dan memberi cadangan yang bernes supaya dapat memperkasakan pentadbiran kerajaan negeri Selangor yang sedia ada ini. Maka dengan itu syor-syor yang ada tidak wajar kalau setakat dilihat sepintas lalu kalau boleh diperhalusi dan diambil tindakan umpama saya bagi contohlah satu kes dalam bersabit dengan tahanan lori-lori pasir yang curi pasir yang pernah saya bangkitkan dalam dewan dan jawatankuasa PADAT pun sudah membuat pendengaran dan sebagainya. Kata-kata tersebut adalah HL Multi Transport, 2 lori ditahan dah setahun lebih ditahan oleh sebab ada satu benda yang tidak dapat di selesaikan menurut pegawai, Pengarah dari PTG pun sudah memberitahu satu benda sahaja iaitu arahan tidak bertulis, arahan mulut daripada EXCO dan Menteri Besar mengatakan lori itu harus ditahan dan jangan dilepaskan dahulu, itu arahan pada satu ketika dahulu. Maknanya arahan ini telah diambil kira oleh pihak PTG. Memang mereka ini prihatin ambil kira tetapi oleh kerana ada itu mereka terpaksa melalui birokrasi yang berlapis-lapis. Bola itu kembali ke kiri, ke kanan. Bola lagi, bola itu kalau tiga (3) bulan tak apa, bola ini satu tahun lebih, lebih kurang hampir mahu sama dengan Pusat Kebudayaan India, Cina dan Melayu. Ini memang bahaya. Jadi saya tidak mahu. Kita mahu orang-orang yang curi pasir, kita tidak kompromi. Kita mahu Kumpulan Semesta lebih tegas banteras masalah pasir dan lori orang yang mencuri ini, yang pertama kali curi, setiap manusia sering melakukan kesalahan. Kalau kesalahan pertama, kita bagi *warning* dan kita tahan. Kemudian kita bagi kompaun dalam masa sebulan atau tiga (3) bulan. Selepas itu, kalau dia buat lagi kita akan bagi *blacklist*, atau pun tahan, jangan lepas. Ini saya memang terima perkara ini. Tetapi kalau ditahan tanpa pembelaan, tanpa keadilan untuk semua, ini tidak adil kepada tuannya dan kepada lorinya. Lorinya pun kita kesian dengan lorinya. Lorinya ditahan. Jadi ini masalahnya. Jadi minta contoh yang saya.....kita syorkan itu dapat dipertimbangkan supaya arahan daripada mulut itu dapat diselesaikanlah. Kalau tidak akan menjadikan satu petua dan sebagainya, ikutan yang tidak konsisten.

Seterusnya, saya juga menarik perhatian Dewan tentang elauan ahli-ahli, pegawai-pegawai Dewan khususnya petugas-petugas Dewan yang saya telah dimaklumkan kadang-kadang Dewan kita bersidang. Oleh kerana kita prihatin, membincangkan permasalahan rakyat. Kadang-kadang Dewan kita bersidang sampai lebih masa, sampai overtime dan sebagainya. Saya dimaklumkan elauan-elauan petugas-petugas

Dewan ini sudah lama tidak disemak. Memandangkan kos saraan hidup semakin tinggi, kos saraan hidup tinggi dah. Barang naik, harga dulu dengan harga sekarang lain. Gula pun dah naik daripada RM1.45, sekarang RM2.50 dah. Minyak pun naik dah. Roti gardenia dulu RM1.70, sekarang RM1.90. Ha....RM2.50 lebih dah? Itu yang pendek, panjang lagi. Ini contoh, contoh. Maka, maksud saya, sudah cukup masa untuk kita semaklah supaya kebijakan kakitangan juga kita kena jaga. Kalau tidak nak kerja kuat tetapi kakitangan tidak jaga. Ini juga satu masalah. Pada masa yang sama, saya juga ingin memberi cadangan lagi tentang, saya cukup kagum kerana kerajaan negeri telah berani melangkah ke depan. Langkah yang pertama menuju kejayaan iaitu kita mengarahkan MBI bagi peruntukan supaya menggalakkan MBI bagi gaji minima RM1,500. Pada masa yang sama, petugas-petugas di DUN Merakyatkan Ekonomi, dua (2) petugas DUN ini di setiap kawasan. Dua (2) orang, 56 kawasan, 112 orang. Gaji mereka masih di paras....PGK, Paras Garis Kemiskinan RM1,500. Kalau boleh minta perhatian daripada Menteri Besar supaya mereka ini lebih tingkatkan keluar daripada kepompong bawah PGK RM1,500. Ini antara cadangan yang ingin saya sampaikan dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pihak kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih, Dato' Speaker. Saya simpati ataupun berasa..... tentang kenyataan Hulu Kelang berkenaan dengan Pegawai-pegawai sokongan yang tidak ada untuk kita menjalankan tugas sebagai seorang penggubal polisi. Jadi saya..... dan saya juga pernah berbincang dengan rakan-rakan di Indonesia, rakan-rakan yang jadi Ahli Parlimen di Indonesia dan juga di Filipina. Mereka mempunyai pegawai sokongan yang bukan seorang tetapi satu pejabat untuk seorang wakil. *This is the.....* itu yang saya juga berasa sebagai Ahli Parlimen Bandar Tun Razak... Maknanya saya Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, bawa fail pun saya kena bawa sendiri sepatutnya saya gunakan pegawai negeri. Tetapi di Filipina dia ada sekurang-kurangnya empat atau lima Pegawai, Researcher, Lawyer dan anu..... Jadi ini saya nak tunjukkan, *that's the strengthen of that organization*. Boleh jadi di Malaysia bahawa kerana kita baru, dia tidak menganggap bahawa tempat ini, yang tempat menggubal undang-undang. Tempat ini yang tempat..... Lori itu dah lepas, itu (ketawa). Tempat ini, dia tidak menganggap sebab saya tengok, dia punya pemikiran..

Di Parlimen Malaysia, undang-undang digubal., apabila undang-undang dipersembahkan kepada Ahli Parlimen, sepatutnya apabila sampai ke peringkat Jawatankuasa, kita tidak berbeza daripada segi politik. Kita hanya menumpukan pemikiran kita tentang ayat dan usaha undang-undang tersebut. Tetapi di Parlimen Malaysia, pembangkang dan juga Ahli Parlimen Kerajaan tidak boleh mengubah apa yang ditulis, walaupun *grammar* nya salah pun tak boleh diubah. Itulah tahap Ahli-ahli Parlimen kita. Jadi, ok saya rasa kita kena cuba buat di Selangor. Saya akan minta Dato' Speaker dan rakan-rakan buat satu kajian. Bagaimana kita nak cuba samakan

keadaan bukan maknanya terlalu melampau tetapi samakan keadaan supaya kita juga dapat membina satu institusi Dewan yang mempunyai kepakaran dan sokongan untuk melakukan ini. Kalau kita tengok di Amerika, saya jumpa Senator tu, dia lain pula. Dia bukan sahaja ada peluang... Dia ada pula orang datang daripada mana-mana badan untuk menolong. *He get access to the universities* untuk menolong dia membuat kerja ini. Jadi saya rasa saya simpati dan kita mesti cuba betulkan ini. Yang ini kita mesti cari jalan bagaimana kita setiap Ahli Dewan itu bukan maknanya wakil Kerajaan sahaja tetapi di seluruh Ahli Dewan boleh mendapat kesempatan. Kadang-kadang saya juga tengok boleh jadi Bangi, *library* kita pun belum sampai ke satu tahap yang maknanya *the law review* pun tak cukup untuk kita lihat bagaimana apa yang boleh kita pertingkatkan. Jadi itu saya faham dan kita boleh gunakan peluang sebab dalam Selangorku ada peruntukan dan peruntukan itu boleh kita gunakan untuk dibuat kajian bagaimana kita untuk memperkasakan Ahli Dewan dalam usaha menjalankan tugas. Kemudian daripada yang dikatakan oleh Sekinchan mengenai aku janji pelepasan jentera Kerajaan. Kita dah siapkan borangnya, dia *sign* sebabnya lori itu ditahan kerana mengambil pasir. Oleh sebab itu sekarang kita boleh lepaskan. Tapi dia aku janji, tak boleh buat lagilah. Itu sahajalah.....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker. Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Ok. Ok

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya ingin bertanya adakah ini juga dilakukan untuk pengusaha-pengusaha atau pun pemilik-pemilik lori yang lain yang juga ditahan lorinya atas tuduhan mengangkut pasir secara haram. Misalannya kalau ada pemilik-pemilik lori yang lain di mana lori mereka juga ditahan. Jadi apa boleh berlaku.....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Kita, kita.....mula-mula kita.....

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, *mic* belum.....

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Borang ini untuk semua. Sebab kita rasa tiba masanya kita dah, saya tahu semua orang faham tentang keupayaan Kerajaan Negeri untuk dalam erti perkataan menyusahkan. Jadi sekarang kita tunjukkan dan kita kata ok. Sekarang *we are fair. You jangan buat*.

Mengenai elauan. Itu pun.. kita mesti bincangkan. Saya akan bincangkan dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan mereka yang mengendalikan Jabatan Perkhidmatan Awam sebab elauan-elaun ini ada hubungannya dengan Jabatan Perkhidmatan Awam. Sebab kerajaan negeri tak boleh naikkan gaji Jabatan Perkhidmatan Awam sebab dia dikira sebagai satu kumpulan secara keseluruhannya. Jabatan Perkhidmatan Awam, untuk makluman Dewan perkhidmatannya adalah di bawah Perlembagaan Malaysia. Sebab itu ada orang tanya kenapa saya tidak hendak

mencampuri. Tidak. Dia *under* tatacara Perlembagaan Malaysia. Walau bagaimanapun, saya setuju kita mesti tingkatkan eluan dan ramaikan petugas dan kita review, berapa banyak petugas yang perlu kita masukkan dan kita buat peruntukan yang baharu. Walaupun ini mesti melalui birokrasi, apa yang disebut perkhidmatan awam tetapi negeri boleh mengambil keputusan untuk melakukannya. Negeri boleh membuat keputusan tersebut.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker. Minta penjelasan sikit. Berkenaan dengan :-

1. Cadangan bangunan baru Dewan tersebut belum dijawab.
2. Petugas Merakyatkan Ekonomi di kawasan-kawasan yang sekarang berbagai-bagai produk Merakyatkan Ekonomi, sudah banyak. Jom *Shopping* nya, tiap-tiap hari kena telefonnya. Dari pagi kena telefon sampai petang untuk mengumpulkan warga emas kita supaya kita dapat bershopping. Kerja mereka cukup berat. Jadi bagaimana dengan apa, keluar daripada Paras Garis Kemiskinan kerana mereka bukan bersifat ada sangkut-paut dengan Perlembagaan. Tapi mereka bersifat kontrak sahaja. Jadi minta pertimbangan Yang Amat Berhormat.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : (Ketawa). Saya dah buat lupa dah tu. Yang sebenarnya yang..... Untuk rancangan pembinaan ini, kita telah meminta JKR untuk buat pelan. Dah, dah. Kita dah suruh buat pelan sebab cadangannya kalau betul-betul kita tiada bajet, keuntungan daripada hasil tanah kita itu dalam RM30 juta kita boleh.....Tak boleh tulis nama dari Talam. Tak bolehlah. Kena buat dan kita boleh bangunkan RM30 juta ke RM70 juta. Itu yang kita mula nak cadangkan.

Kedua, saya sudah berbincang dengan Pegawai Kewangan Negeri untuk Pegawai-pegawai Khidmat Nasihat. Kita akan naikkan setaraf RM1,500.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.3 iaitu wang sejumlah RM18,393,920 untuk Kepala B.3, Dewan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.4, Perbendaharaan Negeri - RM28,056,430.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B (4) iaitu wang sejumlah RM28,056,430 untuk Kepada B.4 Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.5 - Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun RM120.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.5 - iaitu wang sejumlah **RM120** untuk Kepala B.5, Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.6 - Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, RM600,000.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.6 - iaitu wang sejumlah **RM600,000,000** untuk Kepala B.6 Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.7 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri. RM985,654.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.7 - iaitu wang sejumlah **RM985,654** untuk Kepala B.7 Caruman Kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.8 - Jabatan Pertanian **RM11,773,123**.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian dewan tentang muka surat 261. Kod 10020 berkenaan dengan pertanian tentang padi. 01 tanam padi. Tuan Pengerusi, saya telah memantau dan meneliti masalah petani di kawasan Sabak Bernam, Tanjong Karang, Sekinchan dan sebagainya. Khususnya dalam soal masalah harga padi. Masalah harga padi kita perlu pemerhatian daripada kerajaan negeri supaya harga padi dikawal supaya petani dapat keuntungan yang lebih supaya orang tengah dapat memberikan kebebasan kepada mereka dapat menjual padi mereka kepada mana-mana mereka pilih tanpa ada sekatan. Ya, kadangkala ada banyak sekatan tidak boleh keluar daripada negeri lain dan menyebabkan mereka terpaksa jual kepada BERNAS. Ini soal ada sekatan, kita mahu pasaran bebas biar mereka apungkan seperti apa yang suka digunakan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar kita apungkan. Apungkan supaya penjualan bebas. Itu satu ya, supaya harga boleh kawal dan potongan pasaran dapat dikawal juga. Pada masa yang sama saya ingin menarik perhatian bagaimana Kerajaan Negeri Thailand, Cambodia mereka dapat menanam beras padi wangi. Tetapi di Malaysia, ini

tidak boleh jadi saya minta pihak Jabatan Pertanian di bawah MARDI dan sebagainya kaji kenapa Malaysia serba boleh. Malaysia kalau slogan dia serba boleh, ini boleh itu boleh. Kek yang terbesar, burger yang terbesar tapi kalau tanam padi beras wangi dia kata tak boleh, langsung tak boleh. Sebab penyakit. Alasan dia penyakit. Tetapi di Sekinchan tanah dia subur, tanah dia subur saya yakin kalau kita merancang dengan betul, perancangan dibuat dengan betul, susun dengan betul, salirannya dengan betul saya rasa beras wangi itu boleh diperlakukan di Sekinchan buat *pilot project* supaya suatu hari nanti negeri Selangorlah negeri pengeluar beras wangi yang terbesar di Malaysia. Ini yang kita minta cadangan ini dapat diperhatikan diambil pertimbangan, seterusnya pihak Jabatan Pertanian telah mengenakan satu jenis *Malaysia Research MR 220 green field* iaitu CL 1 padi. Jenis padi yang baru 220 CL 1 telah ditanam oleh ramai petani-petani khususnya di kawasan sawah sempadan dan sebagainya. Tujuannya adalah untuk mengurangkan penyakit ataupun penyakit, keduanya masalah padi angin dan masalah padi angin ni saya nampak melalui MR 220 ni dapat dikurangkan kerana racun yang ditaburkan di sembur padi angin akan mati. Hanya padi yang betul-betul naik saja, tetapi apa yang saya khawatir melalui rungutan daripada petani setelah 3 musim, 4 musim jenis padi ini ditanam oleh kerana racun kimia banyak digunakan saya khawatir tanah mereka mengatakan tanah kesuburan tanah tersebut terjejas kerana racun kimia terlalu banyak digunakan. Maka musim yang ke-3 musim yang ke-4 hasil dia, hasil daripada yang awalnya musim pertama, ke-2, ke-3 hasil dia menambah tapi ke-4, ke-5 ada penurunan. Kerana kesuburan tanah tu ada masalah. Jadi saya meminta pihak Jabatan Pertanian agar dapat ambil perhatian dalam soal ini sama ada jenis MR 220 *green field* CL 1 ini dapat menjamin betul-betul meningkatkan hasil petani supaya pendapatan mereka terjamin ataupun ada masalah kesan sampingan. Jangan kita melancarkan, menggalakkan semua menanam, akhirnya 3-4 musim, musim ke-5 semua menurun-menurun masalah lebih berlipat ganda. Saya rasa ini perkara yang cukup penting. Saya minta perhatian daripada Jabatan Pertanian. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pihak kerajaan. Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Tuan Pengurus. Kajang ingin ambil kesempatan untuk berbahas berkaitan dengan muka surat 260 bawah Taman Agro Teknologi yang lebih terkenal dengan PKPM taman kekal pengeluaran makanan. Bawah Kod 10010 – Pembangunan Taman Agro Teknologi.

Kajang mendapati anggaran yang dan peruntukan yang diperuntukkan untuk 12 butiran adalah hampir sama, kebanyakannya adalah 92,500 dalam deretan dari atas hingga ke butiran ke sepuluh dan Kajang banyak hairan angka-angka ini bagaimana ia didapatkan. Adakah semua Taman Agrotek ataupun Taman PKPM ni semua menghadapi yang sama perlukan peruntukan yang begitu sekata. Ini..

**TUAN SPEAKER** : Ini untuk pembangunan ya. Bukan masalah, ini pengurusan ini untuk pembangunan.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Ya, pembangunan.

**TUAN SPEAKER** : Jadi tak ada masalah. Masalah tu pengurusan, ini untuk pembangunan mana ada masalah.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Dia dari segi pengurusan dia bagaimana dia bajet kan. Bagaimana dapat bajet ini yang sekata atau untuk semua dan kalau ikut tinjauan daripada PAC dan juga Kajang pernah melawat ke beberapa Taman Agrotek ataupun PKPM memang mendapati banyak tapak-tapak yang diberi pajakan kepada pengusaha telah disewakan dan sebenarnya PAC telah meminta Jabatan Pertanian untuk memberi maklumat berkaitan dengan sewaan-sewaan, status sewaan-sewaan yang telah berlaku di Taman PKPM ini. Tapi Jabatan Pertanian telah membalias dengan mengatakan tidak ada sewaan, manakala pada hakikatnya Kajang telah melawat dan bertanya pada pengusaha-pengusaha di beberapa taman dan mendapati memang pengusaha itu adalah orang yang sewa. Jadi keadaan ini memang berlaku dan untuk peruntukan-peruntukan sebegini dan juga projek-projek bawah PKPM boleh kata banyak yang tidak berjaya. Tidak berjaya ada yang disewa ada yang tidak berjaya ada yang terbiar. Ada yang tanamannya memang terbiar dan tidak menghasilkan.

Jadi Kajang mempertikaikan peruntukan-peruntukan ini apakah sebenarnya kegunaannya dan pada muka surat 265, bawah Jabatan Pertanian Kod 11060 Butiran 02 – Pusat Flora Cheras. Pusat Flora Cheras memang kita maklum ia merupakan satu pusat di mana tapak-tapak di dalam pusat ini disewakan, disewakan kepada pengusaha-pengusaha untuk jualan bunga-bungaan *nursery* dan sebagainya. Kajang tidak faham kenapa pusat ini menanggung kerugian manakala sewaan ini harus merupakan pendapatan dan perlukan peruntukan lebihan untuk pusat ini. Jadi berharap peruntukan yang diberi ini dapat memberi penjelasan atas kegunaannya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Pihak Kerajaan.

**Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Terima kasih kepada Sekinchan dan Kajang. Isu yang ditimbulkan dalam padi ialah padi angin. Ada dua pendekatan untuk mengawal padi angin. Satu ialah teknik bukan *transplanted*, yang terbaru kajian MARDI mendapati padi CL MR220 ini digunakan satu kaedah di mana *the selective sheltered spring* di mana padi ini tahan dengan racun dan racun akan memilih rumpai-rumpai sahaja. Kaedah ini hanya diguna untuk 2 musim sahaja dan ini baru masuk musim ke-2. Memang ada keimbangan di kalangan petani kerana racun yang digunakan itu masuk ke ‘rizom’ ke tanah sampai ke 15cm dan petani bimbang kesuburan tanah. Kerajaan Selangor memperkenalkan satu konsep lagi. Hanya Selangor sahaja yang

buat iaitu kita gelar kan konsep *natural farming*. *Natural farming* tidak menggunakan racun dan kita telah pun berjaya mengguna kaedah ini di kawasan Parit 9, Sekinchan, Sungai Leman yang saya telah pergi sendiri dan kita akan *promote* kaedah *natural farming* ini untuk seluruh kawasan padi dan tinjauan awal saya mendapati pokok padi yang tidak menggunakan racun dia lebih subur dan lebih berdaya tahan. Untuk jangka panjang *natural farming* ini akan kita perkenalkan dan kita berhasrat untuk memperkenalkan *organic rice*, beras yang tidak di *spray* dengan racun. CL digunakan untuk sementara waktu dan sehingga kaedah *natural farming* digunakan. Percubaan ini juga diguna supaya teknik ‘SERI’, sistem *root investigation* yang telah kita gunakan juga di kawasan Sungai Leman dan nampaknya kaedah ini juga berhasil. Harapan saya *natural farming* dan ‘SERI’ ini akan kita kembangkan untuk petani-petani. Dengan adanya *organic rice* ini dia dapat dijual dengan harga yang lebih tinggi dan harga yang lebih tinggi ini akan menjamin pendapatan. Dua kebaikan Yang Berhormat Sekinchan *natural farming* ini petani telah menjimatkan kos racun, ada petani yang jumpa saya mengatakan menjimatkan di antara RM2000 - RM3000 tidak menggunakan racun dan keduanya *organic rice* ini dapat meningkatkan hasil yang lebih tinggi dan ada petani-petani yang menghasilkan *organic rice* tetapi kita tak jadikan *organics* sepenuhnya sebab tanah itu masih ada kandungan racun. Nak mengatakan PKPM banyak yang tidak berjaya saya rasa Kajang kurang tepat. Saya telah melawat sebahagian besar PKPM ada yang berjaya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta mencelah. Berkennaan dengan bagaimana pendirian kerajaan negeri soal padi wangi macam mana.

**Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI :** Padi wangi, kajian dibuat saya tak dapat jawapan yang mungkin dewan tepat. Mengikut kajian dikatakan bahawa kesesuaian tanah di kawasan kita tidak sesuai. Iaitu banyak percubaan telah dibuat untuk padi wangi, beras wangi tetapi kesesuaian tanah tak dapat digunakan dan kalau kita lihat ada *wealthiest paddy* umpamanya *Basmathi* sesuai di India tetapi tidak sesuai di kawasan negeri Selangor. Beras wangi banyak dikeluarkan di Thailand juga kajian-kajian yang dibuat tidak sesuai untuk tanah di negeri Selangor dan tapi kita teruskan kajian-kajian ini untuk mendapatkan *wealthy paddy* yang baik dalam *research* pertanian ini diteruskan untuk menghasilkan benih-benih padi yang baik. Kalau kita lihat Yang Berhormat Sekinchan dah banyak *wealthiest paddy* yang baru-baru yang dikeluarkan. Kadang-kadang benih itu sesuai dari segi hasil tapi tak tahan dari segi serangan musuh pula, sebab mungkin musuh di Thailand tidak sama musuh di Selangor. Saya berbalik tadi soal TKPM. TKPM nak mengatakan semua banyak yang tidak berjaya tidak tepat. Banyak TKPM yang berjaya di kawasan Kuala Langat Selatan, kawasan Sepang kita tak cukup tanah untuk menghasilkan ubi. Tetapi ada kawasan-kawasan bermasalah di Sungai Panjang umpamanya yang bannya sentiasa pecah. Jadi PKPS telah cuba membina ban itu supaya penanaman sawit dapat

dilakukan dengan itu kawasan tanaman buah-buahan pisang dapat diteruskan di kawasan Sungai Panjang. Tetapi ada kawasan yang sangat tinggi di Bagan C, sangat tinggi susah nak bekalkan air, tapi memang ada kawasan yang tidak berjaya. Tapi pada keseluruhannya kita tak cukup tanah untuk TKPM. Kalau ada penyewa-penyewa, saya arahkan kepada pertanian, Pengarah supaya dirampas, dan tidak dibenarkan disewakan apatah lagi kepada pendatang asing. Kalau ada yang disewakan, arahan saya hendaklah dirampas dan beri kepada yang mengusahakannya. Mana-mana TKPM yang semak, gagal umpamanya saya tengah buat lawatan, sama saya berikan, notis akan diberikan dan sekarang penanam TKPM kena tandatangan satu perjanjian mesti mengusahakan dengan sendiri. Yang semak kita akan ambil alih dan bagi kepada orang lain.

Pusat Flora Cheras tahun lalu, berkaitan dengan kenapa konsisten. Sebenarnya pada keseluruhannya TKPM ini sudah agak matang, infranya agak teratur Cuma bajet diperlukan untuk *maintenance*. Berkaitan dengan Pusat Flora Cheras tahun lalu memanglah

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Pengerusi, ingin mencelah.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Kajang ingin minta penjelasan bahawa mengatakan TKPM memang berjaya, kebanyakannya berjaya pada laporan berkaitan TKPM, objektifnya adalah untuk meningkatkan hasil dan juga meningkatkan gaji, pendapatan. Dan hasil ini berdasarkan memang agro teknologi, berdasarkan teknologi moden yang meningkatkan penghasilan dia dan kita nampak di misalnya di Sepang tanaman ubi kayu, dan sebenarnya dia merupakan tanaman yang begitu primitif, begitu primitif memang kurang menggunakan teknologi moden, teknologi tinggi di mana ia dapat menambahkan hasil dari segi plot-plot yang dikerjakan hasilnya memang agak rendah. Jadi kalau begini memang tidak mencapai objektifnya. Kalau di banding seperti laporan yang kita dapat Ulu Yam yang mencapai, mencapai objektifnya yang lainnya memang tidak. Macam di Bukit Changgang memang petak itu disewa kepada penanam bunga orkid. Dia yang berjaya yang lainnya tidak berjaya.

**Y.B. TUAN DR. H.J. YAAKOB BIN SAPARI** : Yang Berhormat Kajang, kalau hanya menanam ubi, dia jual ubi mentah memang hasil rendah sebab itu pada penanam ubi di kawasan Sepang, Kuala Langat dia diikuti dengan pemprosesan. Sebahagian besar penanam-penanam ubi itu adalah pemilik kilang-kilang kerepek. Jadi ada *value added*. Keuntungannya daripada ubi dan pastikan *supply* daripada kerepek ini cukup. Untuk makluman Yang Berhormat tak cukup ubi diperlukan untuk membekalkan semua kilang-kilang kerepek di kawasan Sepang dan Kuala Langat, dan mesti diiringi juga dengan pemasaran. Iaitu saya rasa untuk mengatakan hasilnya tak cukup, tapi kalau ia diiringi

dengan pemprosesan kita dapati pengusaha-pengusaha kerepek di Sepang, Kuala Langat ini sangat berjaya sekali. Bukit Changgang kawasan orkid telah pun kita luaskan dan sais minimumnya ada. Cuma ada satu, dua lot-lot yang kosong, saya dapat memang betul yang tidak dimajukan. Saya juga arahkan supaya diambil alih bagi orang lain tapi orkidnya sangat berjaya dan berkembang. Pusat Flora Cheras tahun lalu saya turun, memang diperlukan bajet tambahan untuk membaik pulih kawasan tersebut dan mana-mana pengusaha yang tidak mengusahakan dengan baik kita mintak supaya dikeluarkan, terbaru saya dapati *nursery-nursery* di kawasan tersebut sangat berjaya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.8 iaitu wang sejumlah RM11,773,123 untuk Kepala B.8 Jabatan Pertanian menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.9 – Pejabat Tanah dan Galian, RM18,051,715.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.9 iaitu wang sejumlah RM18,051,715 untuk Kepala B.9 Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.10 – Jabatan Perhutanan RM15,437,903.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.10 iaitu wang sejumlah RM15,437,903 untuk Kepala B.10 Jabatan Perhutanan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.11 – Pejabat Mufti RM2,597,507.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B.11 iaitu wang sejumlah RM2,597,507 untuk Kepala B.11 Pejabat Mufti menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.12 – Jabatan Kerja Raya RM137,297,459.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker, Teratai ingin mengambil bahagian Dewan untuk merujuk surat 353, P.12 - Jabatan Kerja Raya Kod projek 10010.

**TUAN SPEAKER** : Muka surat

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : 353, tiga ratus lima puluh tiga. Kod projek 10010. No. 1 - Membaih Pulih dan Penyelenggaraan Cerun Seluruh Selangor. Tuan Pengerusi, tahun lepas kerajaan negeri bersama-sama dengan MPAJ telah memperuntukkan sejumlah RM4 juta untuk penyelenggaraan cerun di Mutiara Court Bukit Permai di bawah DUN Teratai. Walau pun kerja sudah lepas tapi baru-baru ini lagi ada batu yang jatuh dan kita khuatir kalau hujan lebat atau pun dalam beberapa bulan ini kes semakin terus kerana batu sudah longgar di kawasan tersebut dan penduduknya agak risauah pada setakat ini dan kita berharap kerajaan boleh melantik kontraktor pergi memantau sekali dengan kerja-kerja yang dibuat tahun lepas dan sebab saya bukan pakar dalam bidang ini dan pastikan sama ada kerja itu cukup atau tidak cukup atau pun tak sempurna. Selain daripada Mutiara Court, Jalan Bukit Permai iaitu jalan yang *the only road* ya dengan izin untuk seluruh Bukit Permai merupakan ada banyak cerun dan pokok-pokok, rumput rumpai di seluruh Bukit Permai ini tumbuh di lereng-lereng bukit yang berada di sebelah jalan tanpa penyelenggaraan. Jadi apabila Teratai bertanya dengan pemaju iaitu *Parquet Kuari* jawapan mereka ialah lereng bukit dan cerun adalah diserah kepada kerajaan, jadi semua kos adalah dibayar atau ditanggung oleh kerajaan dan bukan pemaju lagi. Oleh yang sedemikian, saya ingin mengesyorkan supaya PBT atau kerajaan mengambil tindakan bersama-sama untuk membersihkan pokok-pokok liar tersebut dan saya diberitahu kosnya agaknya RM8 juta, kosnya kalau hendak membersihkan pokok-pokok di kawasan tersebut. Tetapi kita nampaknya pemecahan batu bata ekoran *erosion* yang akan melonggarkan batu-batu dan akhirnya ia akan jatuh. Jadi kejatuhan batu-batu ini akan mengancam keselamatan orang ramai. Jadi berharaplah satu tindakan akan diambil dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 336,...

**TUAN SPEAKER** : 336 yang pertamanya Perkara Kod 505200 – JKR Gombak. Perkara 1 iaitu 10,000 iaitu emolument. Saya merujuk perkara berharap supaya EXCO yang berkenaan dan pihak jabatan yang berkenaan dapat memantau berkenaan keadaan-keadaan lampu-lampu jalan dan juga kemudahan-kemudahan jalan yang banyak melingkari di banyak kawasan termasuk Batu Caves. Sebab daripada apa yang dapat saya lihat, kebanyakannya yang ada dalam belanjawan ini atau pun cadangan yang dibuat ialah pembinaan lampu-lampu baru dan *traffic light* atau pun lampu isyarat tetapi ada beberapa masalah lain terutamanya melibatkan lampu-lampu isyarat, lampu-lampu jalan yang kebanyakannya tidak dapat diselenggara atas sebab-sebab yang tak pasti. Sebagai contoh Jalan di antara ke Batu Caves sebelum simpang ke Masjid Amaniah. Di jalan-jalan tersebut banyak batang-batang lampu jalan yang tidak menyala dan ia memberikan kesan dan pandangan negatif terutamanya itu adalah di antara pintu-pintu masuk terutamanya kepada masyarakat yang mengunjungi salah satu

daripada mercu tanda pelancongan negeri Selangor iaitu kawasan Batu Caves dan ia lebih mendesak pada waktu perayaan Thaipusam kerana pada waktu Thaipusam hampir sejuta masyarakat Kaum Hindu berkunjung termasuk pelancong-pelancong daripada luar negara hadir dan ada faktor-faktor keselamatan dan faktor imej yang harus segera diberi perhatian oleh jabatan dan EXCO yang berkenaan.

Keduanya saya ingin merujuk ke muka surat 360 iaitu 10440 - Menaiktaraf Jalan 200 Daerah Gombak. Daripada kos projek yang dilihatkan iaitu sebanyak RM15 juta dengan anggaran kos projek sepatutnya daripada tahun 2001 hingga 2015 bernilai RM10 juta, saya menyeru agar angka ini kalau boleh dipertingkatkan ke angka RM1 juta ke RM2 juta tidaklah RM500,000 seperti yang ditawarkan. Sekali lagi saya berharapkan perkara diberikan perhatian oleh EXCO berkenaan supaya kawasan yang agak sesak seperti itu terutamanya bila tiba waktu-waktu perayaan, perayaan masyarakat Hindu terutamanya Thaipusam, kawasan tersebut akan dihujani dan dihadiri oleh ramai orang memberikan imej kepada Selangor dan negara secara keseluruhannya. Pandangan saya apabila kita letakkan nilai sebanyak RM15 juta atau RM10 juta angka RM500,000 mungkin hanya sesuai untuk *fetching* atau pun menampal-nampal dan akhirnya kita kerja menampal tak sudah-sudah dan kesannya tidak memberi kesan yang menyeluruh. Lebih baik fokusnya diberikan kepada kawasan-kawasan kritikal yang harus diletakkan dan diberikan dana yang secukupnya daripada kita mencerakinkan dan memisah-misahkan dana yang akhirnya tidak lengkap dan tidak sempurna. Terima kasih Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Kalau nak pinda kena buat notis. Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih. Tuan Pengerusi. Kajang membawa satu perkara iaitu muka surat 361 Butiran Projek Daerah Hulu Langat 500 Butiran 08. dan Kajang mendapati ada beberapa batang jalan di kawasan Kajang perlu penaiktarafan dengan segera iaitu Jalan Cheras. Jalan Cheras sudah begitu lama keadaannya sehingga jalan dia terlalu sempit, juga longkang dan perabot jalan sudah memang terlalu kecil longkangnya dan sentiasa menyebabkan banjir, air melimpah ke Kampung Bukit Dokong dan juga sekitarnya. Dan perabot jalan seperti tiada lampu isyarat di Simpang Kampung Sungai Sekamat memang membahayakan. Dan juga satu lagi batang jalan di Kajang *by pass*, antara Taman Prima Saujana ke Saujana Impian. Jalan ini memang sentiasa menghadapi masalah kesesakan jalan dan juga kereta-kereta daripada Prima Saujana dan taman-taman yang begitu banyak dan sedang membangun menggunakan jalan yang kecil di Taman Seri Jenaris yang begitu sempit dan menyebabkan kesesakan jalan di trafik yang amat-amat teruk setiap hari. Maka Kajang mencadangkan JKR dapat mempertimbangkan membina satu *fly over* dari jalan keluar Prima Saujana terus masuk ke Kajang *by pass* untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas di simpang *traffic light* di Seri Jenaris. Itu saja, terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Saya ingin menarik perhatian dewan kepada muka surat 360, kod 1004007 (menaik taraf jalan negeri B27) yang mana saya rasa jumlah yang diperuntukkan ini memang tidak mencukupi kalau memandangkan keadaan sekarang, jalannya memang sesak dengan penambahan perumahan sekurang-kurangnya 5 perumahan baru yang dibina di kawasan sekitar bandar Country Homes dan sepanjang ke Bandar Tasik Puteri hingga ke Kuala Selangor yang mana Y.B. Exco sendiri juga pernah turun sendiri untuk tinjau keadaan sebenarnya di kawasan tersebut. Jadi, saya mohon pihak kerajaan negeri boleh memperuntukkan satu jumlah wang yang lebih besar untuk melebarkan jalan dan juga menaiktarafkan jalan kawasan tersebut bagi menyelesaikan keadaan kesesakan lalu lintas yang memang teruk.

Untuk makluman dewan, selama ini bagi mengurangkan keadaan kesesakan, saya berterima kasih kepada JKR Gombak dan pihak MPS dan ahli majlis dengan pejabat saya sebab kita sendiri jalankan *tiger flow* (dengan izin) sebab biasanya *tiger flow* kita jumpa di *highway*, tetapi di kawasan Rawang kita pun buat di jalan negeri ini disebabkan keadaan kesesakan yang begitu teruk. Jadi, saya amat berharaplah pihak kerajaan negeri seperti yang dijelaskan oleh Y.B. EXCO. Sebelum ini sebenarnya projek ini sepatutnya dijalankan pada tahun 2000, tetapi sudah 11 tahun. Saya berharap pada tahun depan, jalan ini boleh dinaiktarafkan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik dewan tentang muka surat 351, 505900 (JKR Sabak Bernam – gaji dan upahan RM11,000).

Tuan Pengerusi, masalah Jalan Persekutuan 5 yang sesak dengan kenderaan-kenderaan sejak kebelakangan ini lebih-lebih lagi pada hujung minggu kelepasan awam telah menyebabkan jalan tersebut sesak dan *jammed* sehingga 3 jam daripada Tanjong Karang sampai ke Sekinchan pun 2 jam kadang-kadang. Biasanya 20 minit, sekarang 2 jam kerana kenderaan yang banyak. Dan di sini (di persimpangan *traffic light* Sekinchan) depan Balai Polis Sekinchan, saya meminta perhatian dewan supaya *traffic light* tersebut dapat dinaiktarafkan dengan sistem digital. Saya telah banyak kali memanjangkan perkara ini supaya keselamatan pengguna jalan raya dapat dipelihara, terjamin oleh kerana persimpangan empat itu cukup bahaya dan sering kali berlaku (saya kesal) masalah kerosakan *traffic light* di situ. Kadang-kadang seminggu rosak sampai tiga empat kali. Dan sekali rosak dua hari dan sebagainya. Murid-murid yang lepas di lalu-lalang di kawasan situ, ibu bapanya sering kali membuat aduan kerana

terlalu bahaya dan kemalangan demi kemalangan berlaku di kawasan tersebut. Maka saya mintalah perhatian daripada JKR Sabak Bernam untuk menaiktaraf persimpangan tersebut dan pasang sistem digital (berapa minit lagi). Ini lebih untuk memperkasakanlah *traffic light* tersebut.

Pada masa yang sama, saya juga meminta membuat cadangan agar Jalan Parit 5 daripada Sekinchan menuju ke Side A (Jalan Parit 5 dan Jalan Tali Air 5) yang dalam sekitar 14 kaki itu dapat diperbesarkan daripada dua lorong yang lebih besar jadi 26 kaki kerana memandangkan kemasukan pelancong-pelancong ke DUN Sekinchan sejak kebelakangan ini cukup menggalakkan dan jalan tersebut digunakan jadi sempit dan sering kali berlaku kemalangan sehingga kenderaan masuk ke parit. Saya minta kalau ada peruntukan pada masa akan datang, JKR dapat memberi pertimbangan untuk memperluaskan jalan tersebut kerana rizab pada jalan tersebut masih banyak. Rizab itu masih banyak. Saya minta. Sekian saja, terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian semua muka surat 362, kod 1004008 (menaiktaraf persimpangan Jalan Sepang LPJ Laluan B48).

Saya ingin mengemukakan sedikit pandangan terhadap simpang yang masuk ke LBJ Negeri Sembilan. Pada waktu malam, memang ada pun lampu jalan tetapi kadang-kadang lampu jalan itu tak menyala dan gelap pada waktu malam, sentiasa berlakunya kemalangan di sana. Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan bahawa *traffic light* atau lampu isyarat diadakan di kawasan tersebut (di persimpangan masuk keluar simpang ke Jalan LBJ Labu Jaya Negeri Sembilan).

Untuk makluman semua, sepanjang jalan daripada Sepang ke LBJ ke Bandar Baru Salak Tinggi memang banyak berlaku *accident*. Banyak berlaku *accident* pada waktu malam terutamanya kalau hujan. Di sepanjang jalan ini dipenuhi dengan lembu. Memang banyak sangat lembu dan selalu waktu malam apabila Sungai Pelek balik pun kena berhati-hati. Saya ini ok lah (orang tempatan). Dengan kepesatan pembangunan ekonomi pelancong dekat Port Dickson, dekat Sepang Goldcoast, Tanjung Sepat, inilah salah satu jalan yang utama saja. Pelancong daripada bandar ke Sepang, ke PD, ke Goldcoast Sepang, ke Tanjung Sepat. Jadi, sering kali berlaku *accident* baik waktu siang tapi terutamanya waktu malam khususnya apabila hujan. Lembu di sepanjang jalan itu, saya tak tahu macam mana. Tapi saya minta pihak JKR mahupun termasuklah PBT tengok apa yang kita boleh buat. Cuma ada satu cadangan yang saya nak kemukakan di sini, kalau sekiranya JKR dapat buat *divider* sepanjang dua belah jalan daripada Sepang ke simpang LBJ ke Pekan Salak. Kalau tak silap saya

ratus ekor lembu ada dekat sana. Jadi, ini sedikit apa cadangan dan pandangan saya untuk memperbaiki suasana keadaan di sana. Terima kasih pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 354, PK2, kod 10020.

**TUAN SPEAKER** : 254?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : 354. Butiran 10020-400 daerah Kuala Langat 01 (membina jambatan Kampung Sawah dan menaik taraf jalan Telok Panglima Garang ke Pekan Banting). Yang saya kira ada kaitannya dengan muka surat 361, kod 10040 (menaik taraf jalan Daerah Kuala Langat-400, no.11 menaik taraf jalan lama).

Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang membina jambatan yang menghubungkan antara Kampung Sawah dan Telok Panglima Garang. Yang mana ini menjadi laluan pendek yang menghubungkan antara Telok Panglima Garang terus ke kawasan Jugra, Kelanang di mana banyak pusat-pusat pendidikan yang telah dibina pada masa ini termasuklah Politeknik, Sekolah Menengah Sains dan sebagainya yang mana ini adalah projek yang agak lama sebenarnya. Beberapa kontraktor yang dilantik secara rundingan terus yang melibatkan kos lebih kurang RM29 juta kepada RM42 juta pada masa ini. Dan saya tidak pasti sama ada anggaran pada tahun 2011 ke 2015 RM13 juta yang diperuntukkan untuk menaik taraf ini akan melibatkan naik taraf jalan. Kerana jalan yang menghubungkan kedua-dua kawasan ini kerana di bawah kod muka surat 361 (menaik taraf jalan bandar lama) ini adalah sebahagian daripada jalan yang menghubungkan bandar Telok Panglima Garang ke jambatan tersebut. Yang mana jalan ini adalah yang saya kira jalan sempit tetapi mempunyai kapasiti penggunaan yang begitu tinggi kerana lori-lori ataupun treler-treler yang besar yang membawa besi-besi buruk menghubungkan daripada Telok Panglima Garang ke NGV (eh, sorry) ke *Megasteel*. Yang saya kira perlu diambil perhatian. Saya melihat bahawa jambatan yang menghubungkan Kampung Sawah ke Telok Panglima Garang ini boleh dikatakan siap yang saya kira boleh digunakan pada bila-bila masa. Cuma daripada segi penaik taraf jalan itu perlu diambil kira kerana saya melihat satu penggunaan yang agak besar akan berlaku apabila jalan-jalan ini dapat dihubungkan melalui jambatan yang dibina ini.

Jadi, saya kira satu peruntukan juga mungkin perlu ada sekiranya kalau lihat daripada naik taraf jalan bandar lama itu hanya token RM10 untuk tahun hadapan. Dan saya juga mendapat maklumat daripada JKR ada usaha untuk naik taraf jalan tersebut tapi saya tidak tahu sejauh mana penekanan di situ kerana jalan-jalan ini juga di kawasan ini juga selalu terlibat dengan banjir yang mungkin antara puncanya adalah akibat pembinaan lebuh raya SKVE yang sedang berlaku di sini. Dan ini menjadi satu

kerisauan kepada saya setiap kali hujan maka akan berlaku banjir di kawasan itu. Saya kira ini perlu diambil perhatian.

Satu perkara lagi yang saya ingin sentuh di sini berkaitan jalan yang menghubungkan daripada Kampung Lombong, Jaya Sepakat dan ia menjadi perhubungan antara Kampung Jaya Sepakat ke Kampung Seri Aman ke Puchong yang mana dahulunya dibina disebabkan oleh pembinaan lebuh raya elit yang mana jalan ini masih lagi menjadi penghubung utama kepada penduduk di situ daripada Jalan Kebun ke Puchong yang juga menjadi pertikaian kerana baru-baru ini berlaku pihak berada di sempadan antara Kuala Langat dan Sepang. Apabila di sebelah Kuala Langat melihat tanah di sebelah Sepang itu berlaku penambakan yang mana penambakan itu hampir kepada sungai. Dan saya dimaklumkan bahawa tuan punya tanah ini memang mempunyai geran sehingga ke bibir sungai. Dan apabila berlaku begitu mungkin disebabkan oleh ketidakfahaman keadaan tersebut, maka di sebelah Kuala Langat tutup jalan itu sehingga berlaku pergaduhan. Saya kira perkara ini juga perlu di ambil perhatian oleh kerajaan negeri supaya laluan ini masih lagi boleh digunakan dan memberi manfaat kepada masyarakat tempatan terutamanya yang sudah biasa menggunakan laluan ini sebagai laluan utama untuk menghubungkan di antara laluan daripada Jalan Kebun ke Puchong. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli yang berhormat sekalian, oleh kerana urusan dewan ini masih panjang maka dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut ; bahwasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah ditangguhkan 20 minit pada 4.30 petang ini dan disambung semula sehingga selesai bacaan kali yang ketiga Rang Undang-Undang Perbekalan 2012/2011.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SHUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli yang berhormat yang bersetuju sila kata YA, ahli-ahli yang berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.  
**DIPERSETUJUI.**

Ahli-ahli yang berhormat sekalian, bersesuaian dengan usul yang telah pun diluluskan sebentar tadi, maka saya tangguhkan dewan sehingga 4.50 petang. Dewan ditangguhkan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, disambung semula. Silakan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Tadi tak sempat nak disebutkan. Boleh?

**TUAN SPEAKER** : Ya. Tapi ringkaskan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : Terima kasih tuan pengurus. Saya ingin menarik perhatian dewan pada muka surat 360 bagi PK4, kod projek 1000040 di 300, daerah Klang bagi no.04 (menaik taraf jalan Kampung Lombong).

Pertamanya seperti yang saya sebutkan pagi tadi. Terima kasih sebab menurap jalan tersebut yang lebih daripada 25 tahun tidak diturap. Cuma saya nak meminta kalau boleh disebabkan jalan Kampung Lombong ini adalah juga jalan yang menghubungkan kawasan-kawasan yang bersempadan dengan kawasan daripada daerah Klang ke daerah Petaling yang menjadi laluan utama seperti yang disebutkan oleh Sijangkang tadi. Jadi, kita minta yang jalan ini untuk disambungkan juga sehingga sampai ke sempadan daerah Kuala Langat dan juga Petaling yang berhampiran dengan Kampung Seri Aman itu. Itu yang pertama.

Kemudian, yang kedua yang saya nak sebut di bawah muka surat 361 bagi PK4, kod projek 1000040, no.2 dalam daerah Kuala Langat iaitu menaik taraf laluan alternatif ke Klang daripada simpang laluan FT005 Kampung Jenjarom ke Jalan Kebun. Jalan ini keadaannya sekarang ini amat teruk disebabkan oleh laluan yang sudah hancur dan saya harap ianya dapat diberikan pertimbangan yang segera oleh pihak kerajaan negeri. Itu saja yang saya nak sampaikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya, silakan Gombak Setia.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada sahabat-sahabat saya di Batu Caves, Teratai, Kajang, Rawang, Sungai Pelek, Sekinchan, Sijangkang dan juga Sri Muda. Saya nak bagikan secara ringkas saja ya. Soalan-soalan tadi ialah kepada dua. Pertama sekali ialah mengenai jalan. Yang kedua ialah mengenai lampu isyarat, longkang-longkang, bahu-bahu jalan dan sebagainya.

Dan yang pertama tadi soal jalan. Jadi, yang soal jalan ini sebagaimana yang saya sebutkan saya akan kemukakan satu kertas nanti kepada MTES dan saya akan menyenaraikan jalan-jalan yang perlu dinaiktaraf, yang perlu diperbaiki, yang perlu dibuat baru dan sebagainya. Dan sudah tentulah jalan-jalan yang dinamakan oleh Ahli

Yang Berhormat akan dimasukkan di dalamnya. Saya harap sahabat-sahabat daripada JKR telah pun mengambil *detail-detail* apa yang telah disebutkan tadi.

No.2 mengenai lampu jalan, lampu jalan digital sebagaimana yang dikehendaki oleh Sekinchan dan sebagainya. Ini rasa saya lebih mudah lagi dan kita minta kepada JKR dan PBT yang berkenaan akan mengambil maklum perkara ini dan mengambil tindakan (bukan mengambil maklum saja), mengambil tindakan terus. Kalau boleh menjelang minggu depan ini dapat menyenaraikan satu per satu. Saya merasakan tidaklah berapa sukar untuk kita melayan kehendak-kehendak daripada wakil rakyat ini kerana apa yang kita tahu sebagaimana yang disebutkan tadi kalau kita tidak baiki, kalau kita tidak buat lampu isyarat misalnya dengan *accident* / dengan kemalangan yang berlaku dan berbagai-bagi lagi yang disebutkan, kesempitan jalan dan sebagainya. Ini adalah merupakan perkara-perkara yang menyebabkan keperluan kepada lampu-lampu jalan sebagaimana yang disebutkan tadi.

Begitu juga tentang lampu-lampu isyarat yang disebutkan oleh Batu Caves, yang juga disebutkan oleh Sungai Pelek tadi dan juga yang disebutkan oleh Sekinchan. Saya rasa ini akan kita ambil perhatian dan saya memikirkan sebagaimana saya sebutkan tadi bukanlah satu kesukaran bagi kita untuk kita memberikan perhatian kepada kehendak-kehendak ataupun kepada permintaan-permintaan yang baru disebutkan tadi. Apa pun saya akan menentukan supaya apa yang dibangkitkan ini akan mengambil tindakan seperti Rawang misalnya tentang Jalan B27 itu sudah berkali-kali setiap kali kita bersidang, setiap kalilah Rawang menyebutkan jalan tersebut. Sudah tentulah keperluan itu begitu meningkat / begitu meninggi dan sudah tentulah saya rasa JKR akan memberikan perhatian terhadap permintaan-permintaan yang sedemikian. Tuan Speaker, terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Tambahan. Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih kepada Gombak Setia. Rasa saya jawapan tak diperolehi atas isu lembu ini. Untuk makluman, *accident* selalu berlaku sepanjang jalan raya daripada Sepang hingga ke Tanjung Sepat. Dan berlaku dua bulan yang lepas, abang punya bini mati, adik punya bini mati kerana lembu. Jadi, saya tak tahu. Boleh tak Gombak Setia bincang dengan haiwan atau yang jaga ini (jabatan yang jaga ini) supaya adakan tag di telinga lembu itu. Kalau lembu itu tak ada tag, memangnya lembu liar. Pihak Berkuasa Tempatan boleh tangkap, sembelih, jual ke bagi ke, *free* pun tak apalah. Kalau tidak apabila berlaku *accident* tak ada orang mengaku. Inilah

masalah. Lembu memang banyak dekat sana. Tengok macam mana Gombak Setia boleh bincang dengan pihak yang berkenaan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, saya akan cuba pasal saya tak timbulkan soal lembu tadi ialah lembu ini bagi *traffic light* pun tak ada makna kepada lembu. Jadi, sebab itu saya fikirkan kita kena bagikan perhatian yang khusus kepada masalah lembu di kawasan Yang Berhormat itu. Insya-Allah.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B (12) iaitu wang sejumlah RM137,297,459 untuk kepala B-12 (Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada jadual). Ahli-ahli yang berhormat yang bersetuju sila kata ya, ahli-ahli yang berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B (13). Jabatan Pengairan dan Saliran RM66,046,207.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Pengurus. Saya ingin menarik perhatian dewan dalam muka surat 375, kod 50500 (gaji dan upahan RM11,000).

Menyentuh soal Jabatan Pengairan dan Saliran khususnya di kawasan Sabak Bernam. Peranan Jabatan Pengairan ini cukup penting kerana bendang di situ cukup banyak dan kebelakangan ini hujan sering berlaku di kawasan tersebut menyebabkan banjir di setengah-setengah tempat khususnya di kawasan Sungai Panjang. Maka dengan itu, ada juga bendang-bendang yang ditenggelami air seperti di Parit 6 Timur baru-baru ini.

**TUAN SPEAKER** : Ini kod mana sekarang ini?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Kod gaji dan upahan. Tambah dengan / sekali dengan 10020 (program menaik taraf sistem saliran). Sekali.

**TUAN SPEAKER** : Muka suratnya?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Muka surat 384. Saya dua perkara yang ingin saya bangkitkan dalam dewan. Yang pertama sistem saliran sudah dipertingkatkan dan sekarang kerja-kerja menebas dan sebagainya pun dijalankan secara rutin dan menepati waktu. Ini satu peningkatan perkhidmatan daripada JPS. Tetapi saya mendapat aduan daripada ketua-ketua blok di kawasan Sabak Bernam, di Sekinchan mereka telah bekerja kuat menjaga saliran, bendang-bendang dan sebagainya supaya air mencukupi dan sebagainya. Tetapi elauan untuk ketua blok yang RM100 sejak bulan satu hingga sekarang tidak dibayar oleh JPS. Tidak dibayar. Mungkin ada masalah akaun dan sebagainya sampai hari ini tidak dibayar, tetapi mereka telah bekerja kuat. Saya minta pihak Jabatan Pengairan dan Saliran agar ambil perhatian dalam perkara

ini supaya keluhan-keluhan ini dapat diselesaikan secepat mungkin masalah RM100 sebulan ini ya.

Dan seterusnya tentang lambakan / timbunan pasir di Sungai Sekinchan. Sungai Sekinchan merupakan satu kawasan jeti nelayan (kawasan penempatan nelayan) tradisi dan bot pukat tunda, tetapi sungai memasuki Sungai Sekinchan ini muara sungainya sering kali mengalami timbunan-timbunan pasir dan semakin banyak timbunan pasir disebabkan oleh angkara pasang surut air laut secara semula jadi. Maka dengan itu, sering kali nelayan menghadapi masalah kerana bot-bot mereka masuk ke muara sungai tersebut telah sangkut, ada yang tersangkut dan mesin sangkut pun sangkut. Sangkut dan tersangkut, mesin sangkut pun sangkut dan menyebabkan kerosakan pada mesin sangkut. Dan kerugian dihadapi oleh nelayan. Maka dengan itu, saya meminta perhatian daripada JPS agar bot-bot yang terdampar di situ dapat kemalangan seperti ini dapat dielakkan supaya dapat mengadakan peruntukan yang lebih untuk membersihkan longgokan-longgokan pasir timbunan di Sungai Sekinchan yang sering berlaku secara berkala setiap tahun. Ini saya minta perhatian dewan yang mulia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Tuan Pengerusi.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian semua di muka surat 379, kod 1001004 (projek tebatan banjir Sepang). Rasa saya kalau DUN namanya ada sungai berlakulah setiap hujung tahun ini apabila musim hujan, banjir di tempat-tempat DUN yang ada gelaran Sungai Pelek ke, Sungai Besar ke, Sungai Burong ke sungai-sungai inilah.

Jadi, memang Sungai Besar, sungai besar Sepang, sungai kecil Sepang, sungai keruh semua itu, tebatan itu perlu di *upgrade* kan dan selain daripada itu saya ingin cadangkan penyelenggaraan bagi pintu air yang secara automatik itu perlu dijalankan sentiasa oleh pihak JPS kerana apabila hujan lebat dan air sungai pasang, memang banjir di banyak tempat. Jadi, inilah masalah pada hujung tahun ini dah musim hujan ini dan dianggap akan sekarang pun hujan dekat luar dan dianggap akan berterusan sehingga bulan Mac tahun depan.

Selain daripada itu, saya ingin menarik perhatian di muka surat 383, kod 10020 (program menaik taraf sistem saliran), 700, daerah Sepang. Untuk makluman dewan..... petani atau pekebun di sekitar kawasan Bukit Bangkong, Ulu Chuchoh lapis Sungai Pelek dan sekitar kawasan sana tidak dapat masuk ke dalam kebun mereka kerana banjir berlaku di kawasan yang saya sebutkan tadi. Ini kerana selain

daripada sungai air pasang, hujan yang lebat dan air daripada sungai-sungai tu, parit-parit itu tak dapat mengalir ke sungai dan penyelenggaraan perlu dijalankan kerana kebanyakan parit dipenuhi dengan rumputlah dengan apa jugalah. Jadi peruntukan tambahan perlu diadakan untuk penyelenggaraan parit-parit khususnya di kawasan pertanian dan pekebun petani supaya janganlah sehingga sebulan mereka tak boleh masuk untuk memotong kelapa, apa ni sawit mereka tak boleh masuk ke kebun untuk dapatkan ubi kayu mereka dekat sana. Jadi ini sedikit cadangan saya. Terima kasih.

**YB. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**YB. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker, terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada muka surat 380 Kod 10010 Butir 50 – 02 Berkenaan Projek Tebatan Banjir Di Sungai Rawang Fasa 2 yang mana sebenarnya projek Tebatan Fasa I akan dimulakan tidak lama lagi dengan pelebaran Sungai Raja dan naiktaraf ini saya mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha JPS Selangor dan JPS Gombak tetapi masalahnya fasa 2 ini juga yang amat penting yang mana melibatkan Pekan Lama Rawang yang selalu banjir disebabkan oleh sistem saliran yang tidak tersusun dan sistem perparitan yang tidak nampak tidak dapat menampung jumlah air yang begitu banyak dengan pembangunan yang ada sekarang. Jadi saya ingin mohon pihak kerajaan negeri supaya boleh sekali gus menyelesaikan isu masalah banjir dengan program ataupun rancangan tebatan banjir ini dengan fasa 1 pada tahun ini dan fasa 2 sekali pada tahun depan supaya kita boleh kurangkan ataupun menyelesaikan isu banjir di kawasan Rawang ini. Dan saya juga ingin merujuk pada muka surat 382 kod 10020 Butir 200 perkara 01 juga berkenaan dengan Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Di Sungai Raja di Bandar Rawang, Daerah Gombak perkara yang sama juga dan saya ingin menyeru supaya Kerajaan Negeri memperuntukkan lebih banyak lagi peruntukan untuk menaiktaraf atau pun menjaga *Maintain* dengan izin tebing-tebing sungai yang sedia ada dalam kawasan Rawang Daerah Gombak ini. Sebab ini saya nampak sebagai satu naiktaraf atau pun pelaburan jangka panjang yang perlu dijalankan oleh kerajaan negeri bagi mengelakkan kekerapan berlakunya banjir dan mengurangkan kerugian yang akan disebabkan oleh keadaan banjir ini kepada orang ramai dan juga pihak kerajaan negeri juga boleh kurang dari segi kalau perlu setiap tahun kita kena keluarkan peruntukan untuk infrastruktur tapi kalau boleh kita adakan satu perancangan jangka panjang untuk sekali gus selesaikan isu-isu banjir yang berlaku sekarang. Dan akhir sekali saya ingin merujuk kepada muka surat 392 Perkara 10080 Butir-butir 20 Membina Pejabat Baru.

Saya ingin menyeru supaya pihak kerajaan negeri memberi perhatian kepada bangunan ataupun pejabat JPS Daerah Gombak yang mana saya nampak sekarang

keadaan mereka ruang tidak mencukupi untuk menampung bilangan pekerja dan bilangan beban kerja yang mereka ada sekarang. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Terima kasih Tuan Pengurus. Kajang ingin merujuk kepada muka surat 383 iaitu bawah PK 2 Menaiktaraf Sistem Saliran bawah Projek 600 iaitu Daerah Hulu Langat. Kajang mendapati sistem saliran di Kampung Bukit Dukong dan Kampung Sungai Sekamat tidak termasuk dalam Rancangan Menaiktaraf Sistem Saliran di Daerah Hulu Langat dan kedua-dua kampung ini memang menghadapi masalah yang agak tenat bukannya tak ada parit. Parit tanah pun tidak bersambung. Sekerat-sekerat di sani sana menyebabkan tak ada penyambungan dan memang setiap kali hujan sederhana sahaja dah banjir. Jadi Kajang memang mencadang kerajaan dapat mengatasi masalah yang berlarutan ini dengan binaan sistem penyaliran yang berkesan di kedua-dua kampung ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sila, Gombak Setia.

**YB. DATO' DR. HASAN BIN MOHDMED ALI :** Terima kasih Tuan Speaker, sekali lagi terima kasih kepada Sekinchan, terima kasih kepada Sungai Pelek, terima kasih kepada Rawang dan Kajang. Saya juga dapat membahagikan yang pertama sekali projek-projek yang difikirkan boleh dilaksanakan segera dan satu lagi projek-projek yang boleh dimasukkan dalam jangka sederhana.

Projek-projek seperti yang dibangkitkan oleh Sekinchan, banjir di Sungai Panjang, bendang tenggelam dan sebagainya saya merasakan ini dapat dibaiki dalam keadaan dalam masa yang agak dekat kemudian tu untuk Ketua-ketua Blok itu pun saya rasa tidak ada masalah rasanya. YAB pun telah meluluskan banyak tadi atas permintaan daripada teman-teman di sini. Kemudian tu tentang timbunan pasir itu pun saya rasa itu pun dah tidak memerlukan banyak kerja sebenarnya. Saya tak tahu lah tinggi mana timbunan pasirnya berapa banyak bukit kat situ ya tapi itu boleh diselesaikan.

Tentang Sungai Pelek tentang tebatan banjir Sepang, sistem saliran Sepang, Bukit Bangkong, Ulu Chuchoh yang sentiasa banjir perlukan peruntukan tambahan, saya akan bawa kepada JPS untuk melihat perkara ini kalau ada lebih-lebihan itu kemungkinannya kita boleh masukkan untuk dijadikan peruntukan tambahan sebagaimana yang diminta.

Mengenai Rawang pula, projek tebatan banjir Sungai Rawang Fasa 2 misalnya yang melingkungi Pekan Lama yang sering banjir dan Fasa 2 yang berlaku pada tahun hadapan diharapkan dapat dijalankan mengikut jadualnya. Kita akan menentukan sebagaimana yang Fasa 1 sudah pun siap kita akan menentukan supaya Fasa 2 ni disambung dengan kerja-kerja Fasa 1 tadi supaya masalah banjir di tempat-tempat

yang disebutkan tadi dapat ditangani. Kemudian tu naiktaraf tebing-tebing sungai di kawasan Rawang ini pun soal *maintenance* sebenarnya yang perlu dijalankan oleh JPS bukan sahaja di Rawang di kawasan-kawasan yang lain pun saya rasa kerja-kerja *maintenance* untuk membaiki tebing-tebing sungai ini perlu dilakukan mungkin dalam kekerapan yang lebih jika dibandingkan dengan sekarang.

Kemudian tu membina pejabat baru, ini perlu dimasukkan dalam peruntukan untuk pembangunan oleh kerana tidak dimasukkan pada tahun ini rasa saya kemungkinanlah dapat dimasukkan pada tahun-tahun yang berikutnya.

Sementara Kajang untuk menaiktaraf saliran daripada Kampung Bukit Dukung dan Sungai Sekamat itu yang dikatakan tidak termasuk dalam Rancangan Tebatan Banjir Naiktaraf Saliran itu saya akan berbincang dengan JPS supaya kalau misalnya ada ruang-ruang untuk ditambah peruntukan yang sedia ada mungkin dapat dimasukkan apa yang diminta oleh Kajang. Tuan Speaker, terima kasih.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Tuan Pengerusi, soalan tambahan

**TUAN SPEAKER :** Ya. Soalan tambahan. Sila..

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak ucapkan terima kasih kepada JPS Sepang dan saya dimaklumkan oleh JPS Sepang mengatakan bahawa peruntukan pada tahun ini dah habis. Jadi banyak lagi parit yang perlu diselenggarakan waktu sekarang. Jadi boleh tak cadangan saya supaya kerajaan negeri dapat mewujudkan satu tabung khas khususnya untuk hujung-hujung tahun musim hujan ni. Jika dapat eloklah kita buat mana parit yang belum selesai kerana banjir dekat sana. Kalau tak dapat tu peruntukan tambahan untuk tahun depan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHD MED ALI :** Yang ini saya rasa bawa kepada MTES sebab tabung ini bukan hanya terkhusus kepada Sepang sahaja tetapi di kawasan-kawasan lain pun saya rasa perlu untuk kita memikirkan tentang kewujudan tabung seperti itu. Terima kasih atas cadangan itu.

**TUAN SPEAKER :** Jadual B 13 iaitu Wang Sejumlah RM66,046,207.00 untuk Kepala B 13 Jabatan Pengairan Dan Saliran Menjadi Sebahagian Daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Bersetuju Sila Kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat Tidak Bersetuju Sila Kata Tidak. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B 14: Jabatan Agama Islam RM181,806,251.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Kod 10 muka surat 457 Kod 10010 Sekolah-sekolah Agama Butiran

400 Kuala Langat 01. Ma'had Integrasi Tahfiz Sains Dan Teknologi Istana Bandar Bangunan Tambahan Makmal Sains. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang saya kira dengan semangat untuk meneruskan kewujudan Sekolah Menengah Agama di negeri Selangor diuruskan oleh kerajaan negeri dan kita tahu bahawa buat masa ini kita mempunyai seramai 283 orang pelajar yang berada di Tingkatan 1 sehingga Tingkatan IV. Dan pelajar-pelajar ini telah melalui peperiksaan PMR pada tahun lalu dan telah mendapat keputusan yang baik 100% lulus dan mendapat tempat pertama terbaik di Daerah Kuala Langat dan kita juga mendapat tahu bahawa pengambilan pertama adalah 60 orang kemudian diikuti dengan pengambilan kedua 60 orang pada tahun kedua pada tahun ketiga ditambah kepada 120 orang dan pada tahun keempat pada tahun lalu kita tidak dapat menampung jumlah yang begitu besar dan dikurangkan kepada 60 orang semula. Jadi ini adalah pelajar-pelajar yang kita panggil *Cream Of The Green* yang lulus di dalam peperiksaan UPSR 5A dan juga lulus di dalam peperiksaan SRA Mumtaz dan sebahagian besar pula ini adalah pelajar-pelajar yang memang baik dan cemerlang daripada keputusan peperiksaan PMR yang lalu. Dan kita juga maklum bahawa pelajar-pelajar yang berada di Tingkatan IV ini sejumlah 15 orang pelajar telah khatam 30 juzuk Al Quran makna hafal Al Quran hafaz dan dijangka pada sehingga penghujung tahun 2011 ini akan bertambah bilangannya seramai 30 orang. Jadi saya kira ini adalah satu pencapaian yang sangat baik dan kalau kita lihat daripada segi bacaan mereka saya kira di dalam bulan Ramadhan yang lalu disaksikan juga oleh YAB Dato' Menteri Besar apabila Sultan DYMM Sultan Selangor turun ke Istana Bandar ke Masjid Bandar di mana anak-anak ini membawa menjadi Imam di dalam Solat Terawih walaupun mungkin tidak sebaik daripada Guru dia tetapi diakui dan diakui sendiri oleh guru-guru bahawa bacaan mereka lebih baik daripada guru-guru yang ada di situ. Dan saya kira satu yang membanggakan dan saya kira inilah seharusnya diberi perhatian. Saya ucapkan terima kasih kerana adanya pembinaan makmal sains tambahan dengan peruntukan yang telah diuntukkan oleh kerajaan negeri dan anggaran pada tahun depan sejumlah RM4 juta akan diperuntukkan dan saya mendapat maklumat bahawa setakat ini makmal sains ini pun masih belum siap lagi dan pelajar-pelajar ini sudah berada di tahun empat dan apa yang cukup menyediakan Guru-guru Sains Tulin untuk Tingkatan IV masih belum lagi diterima sehingga ke hari ini. Ini menyebabkan proses PMP terganggu ini menyebabkan beberapa orang pelajar Tingkatan IV yang telah pindah dan saya kira ini tidak seharusnya berlaku di dalam keadaan kemajuan negeri Selangor itu sendiri. Saya mengimbas balik 30 tahun yang lepas di mana saya juga pelajar di sekolah luar bandar apabila Guru Besar ingin mewujudkan satu kelas sains yang pertama di sekolah tersebut, pelajar-pelajar yang baik tidak dibenarkan untuk keluar. Dalam keadaan itu saya mempunyai pengalaman ini bagaimana susahnya sebagai pelajar-pelajar apabila Guru Matematik Tambahannya tidak ada, Guru Sainsnya Biologinya juga tidak ada tetapi hari ini, ini juga berlaku selepas 30 tahun. Kalau di zaman saya mungkin boleh

terima tetapi pada di masa ini anak-anak yang kita panggil *Cream Of The Green* yang sudah seharusnya mereka mempunyai kemudahan-kemudahan ini untuk mereka terus menjadi pelajar yang terbaik dan akhirnya kalau impian kita untuk melahirkan generasi yang profesional, yang hebat yang akan menjadi contoh kepada masyarakat kalau mungkin siangnya menjadi *profesor* yang menjadi *profession-profession* yang baik mungkin sebahagian nya akan menjadi pimpinan pada malamnya mengajar di masjid-masjid atau di surau-surau tetapi saya kira kita tidak boleh perjudikan nasib anak-anak kita ini dengan kekangan-kekangan seperti ini. Jadi saya mengharapkan lah saya dimaklumkan kalau tahun depan untuk mengambil enam puluh orang pun sekiranya bangunan- bangunan tambahan yang seharusnya siap tidak dapat dilakukan maka menghadapi masalah. Saya juga ingin bertanya kalau apa juga yang berlaku juga di kita mempunyai apa ni. Maahad tahfiz integrasi juga di Kampung Jawa dan saya juga mendapat maklumat seolah-olah kita akan ada satu Maahad seperti ini di Alam Impian dan juga mungkin saya dengar pula akan berpindah ke Bagan Terap kerana kita mempunyai satu infrastruktur yang agak baik di sana, tetapi apakah keputusan kerajaan kerana pada hari ini ramai daripada ibu-ibu bapa mengharapkan sekolah-sekolah seperti ini. Kalau saya mengimbas kepada keputusan peperiksaan PSRA yang diumumkan pada hari ini dan diumumkan semalam dan hari ini anak-anak kita mendapat keputusan peperiksaan mereka, kalau di Kuala Langat saja keputusan mumtaznya empat ratus orang lebih ya, bertambah sembilan puluh lima orang. Dan kalau tahun lepas keputusannya sekadar 360 orang di DUN Sejangkang kita mempunyai pertambahan yang sebeginu besar 131 pelajar mendapat *mumtaz* dan pelajar terbaik negeri Selangor juga dihasilkan daripada Sijangkang seorang pelajar perempuan markahnya begitu baik 99.2 peratus dan ini menjadi bahan bualan kepada keluarga yang mahu menghantar anak mereka ke sekolah menengah agama. Kalau di Kuala Langat tempat yang boleh kita untukkan hanya 300 orang yang mohon 3,000 3,000 lebih pelajar. Jadi saya kita perkara ini perlu perhatian dan saya mengharapkan supaya Mahad Tahfiz Istana Bandar ini perlu diberi perhatian terutamanya daripada segi tenaga pengajarnya yang saya kira mempunyai kekangan yang cukup menyediakan. Dan saya mendapat maklumat ada pelajar-pelajar sekarang berada di tingkatan empat menduduki peperiksaan PMR sudah bersedia untuk keluar daripada Mahad ini apabila mereka dimasukkan ke tingkatan empat pada tahun hadapan. Jadi saya juga ingin meminta izin kerana pada hari ini saya mendapat maklumat yang mana seolah-olah bantuan, bantuan persekolahan yang diberikan oleh Lembaga Zakat seolah-olah ada satu arahan daripada MAIS supaya pemberian bantuan ini penyerahannya akan dilakukan oleh pihak PPD dan ADUN - ADUN tidak dijemput. Saya kalau boleh saya mahu mendapatkan kebenaran ini daripada EXCO yang menjaga agama. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER : Ya Kajang.**

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Pengurus terima kasih. Kajang ingin merujuk pada muka surat 457 di bawah Sekolah-sekolah Agama 110 Sekolah-sekolah Agama di bawah projek Hulu Langat. Kajang memang nak mengucap terima kasih pada Jabatan JAIS di mana sekolah-sekolah KAFA di Sungai Jelok yang agak daif telah di satukan di bawah satu bumbung dengan adanya sekolah KAFA yang berpusat. Dengan ini Kajang juga mencadang, bercadang kalau boleh di kawasan-kawasan sebegini memang ada diri kenal pastikan tempat satu tapak tanah untuk Sekolah Rendah Agama kerana ia dapat dipantau dengan lebih rapi oleh Pejabat JAIS. Kita nampak KAFA Sekolah KAFA ia tidak terkawal ada yang memang masih dalam keadaan yang begitu tidak memuaskan. Dan berkaitan dengan surau walaupun Kajang sudah cari di bawah JAIS tak ada pun surau ada hanya peruntukan untuk masjid bawah muka surat 461 iaitu bawah Kod 130 bawah masjid. Kajang mendapati memang tiada peruntukan untuk surau ya. Dan memang penduduk-penduduk warga Islam memang tidak, tidak ada peruntukan dan berjumpa dengan ADUN dan juga berjumpa dengan penduduk untuk mengutip derma untuk binaan surau. Memang ada beberapa surau dalam DUN Kajang memang daripada inisiatif penduduk sendiri untuk binaan surau-surau. Dan juga antaranya misalnya ada satu taman yang dalam DUN Kajang di Taman Taming Impian dia suraunya adalah surau di bawah flat. Dan surau untuk taman rumah-rumah teres memang tidak ada tapak surau. Dan oleh kerana tidak ada tapak maka kita pun terdesak untuk mendapatkan ruang ya atau tanah mana yang boleh dirikan surau. Dan ada pula macam di kawasan-kawasan flat surau-surau tapak surau memang terlalu kecil, memang terlalu kecil dia tidak dapat memuat ya, umat-umat datang bersembahyang khasnya waktu maghrib dan isyak dan lebih teruk lagi waktu bulan Ramadhan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, surau tidak berkenaan dengan Sekolah Agama. Mana perginya kepala.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Ia di bawah masjid tapi dia memang dah cari tapi tak ada surau.

**TUAN SPEAKER** : Sepatutnya di bawah, ini pembangunan sebab ini tak ada kena bawa semasa perbahasan dasar ini. Teruskan.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : OK. Baik terima kasih. Memang Kajang meminta penelitian daripada JAIS. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Saya ingin menarik perhatian dewan pada muka surat 4, 5, 6 kod 100010 di bawah butir 200 Gombak, 03 Sekolah Rendah Agama Bandar

*Country Homes.* Saya mohon perhatian pihak kerajaan negeri supaya memperuntukkan sejumlah wang untuk rendah sekolah agama ini memandangkan pembangunan yang pesat di sekitar bandar *Country Homes* ini termasuk dengan pembinaan taman-taman yang baru seperti Desa Mas, seperti Kota *Emerald East West* dan sebagainya. Dan memang ada keperluan yang tinggi dari segi komuniti tempatan keperluan ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah rendah agama untuk melanjutkan pelajaran mereka. Rawang juga ingin merujuk kepada perkara muka surat 461 Kod 100030 di bawah butir-butir 200 untuk 03 dan 04 yang mana Masjid Taman Tun Teja dan Masjid Taman Bukit Rawang Jaya yang mana saya mohon pihak kerajaan Negeri juga untuk memperuntukkan sejumlah wang untuk kalau boleh menaiktarafkan juga masjid yang sedia ada ini disebabkan juga keperluan dan umat pergi ke masjid ini semakin bertambah. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kerajaan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih ya Tuan Speaker, terima kasih Sijangkang, terima kasih Rawang dan terima kasih Kajang. Mengenai metip ini Maahad Tahfiz yang dikendalikan oleh JAIS sebagaimana yang kita ketahui sekarang ini dah ada dua satu di yang sebagaimana yang disebutkan di Hulu Langat, di Kuala Langat dan satu lagi di Kampung Jawa, dan kita sangat sedar tentang masalah yang dihadapi ialah masalah bangunan itu pun sudah ada pembinaannya sudah siap, terutamanya mengenai makmal sains tetapi hanya guru-gurunya sahaja yang belum dapat dihantar lagi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat kita telah pun membawa kepada EXCO dan hanya ada beberapa perkara *details* yang perlu diperhatikan sebelum kita memberikan kelulusannya dan saya mengharapkan bahawa EXCO dapat meluluskannya kerana semasa kita berjumpa dalam rancangan turun ke padang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pun teman-teman dalam majlis dialog pun telah pun membawakan perkara ini dan kita telah pun memberikan insurans kepada mereka bahawa masalah mengenai makmal sains yang ketika itu belum siap lagi tapi sekarang sudah disiapkan hanya guru-guru sahaja yang saya fikir belum dihantarkan lagi dan EXCO telah pun meneliti dan *workout detail* dengan izinnya dengan penempatan guru-guru tersebut. Kemudian itu tentang Mahad Tahfiz yang di Alam Impian itu untuk pengetahuan bahawa tender telah pun dikeluarkan dan oleh kerana tekanan keinginan ibu bapa menghantar pelajar-pelajar begitu tinggi untuk belajar di Maahad Tahfiz dan mereka pun mempunyai *qualification* yang cukup maka kita dapat teman-teman di JAIS sudah memikirkan untuk melihat bangunan-bangunan di Bagan Terap di sana yang di dapat agak sesuai untuk penempatan sementara bagi menampung keperluan kerana Alam Impian itu sekurang-kurangnya akan membawa akan mengambil masa setahun atau dua tahun untuk dibangunkan. Jadi sebab itu saya fikir kalau misalnya kita sudah teroka di Bagan Terap dan di dapat sesuai mungkin Alam Impian pun boleh berjalan di Bagan Terap pun boleh berjalan. Jadi tentang *pressure* dan tekanan daripada ibu

bapa ingin menghantar anak ke sekolah-sekolah agama ini memanglah saya rasa tiap-tiap kali kita mengadakan dialog atau bertemu sama ada dengan guru-guru, sama ada dengan ibu bapa yang membangkitkan sebagaimana Kajang menyebutkan tadi, Rawang juga menyebutkan ialah kekurangan-kekurangan sekolah-sekolah agama atau pun KAFA memang banyak, tapi Kajang betul ya menyebutkan bahawa KAFA ada yang KAFA persendirian dan sebagainya dan KAFA itu tidak sama dengan sekolah agama sekolah agama yang ditaja oleh JAIS. Sebab itu mereka memerlukan yang lebih formal bentuknya yang lebih formal itu ialah sekolah agama itulah yang lebih formal dan ibu bapa biasanya memilih sekolah agama itu lebih daripada sekolah-sekolah berbentuk KAFA dan sebagainya. Saya pun tidak mengatakan KAFA tidak berfungsi atau KAFA lebih, lebih *imperial* jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah agama tersebut, tetapi KAFA telah memainkan peranannya di kawasan-kawasan sesak terutamanya kawasan-kawasan bandar, kawasan-kawasan pinggir bandar, kawasan-kawasan flat dan sebagainya KAFA menjadi pilihan yang baik jika dibandingkan untuk kita mengadakan banyak sekolah-sekolah rendah agama, sekolah-sekolah agama. Apa pun JAIS sedang menyediakan satu *master plan* bersama dengan Selat Kelang kita sedang menyediakan satu *master plan* untuk melihat sebenarnya keperluan-keperluan asasi ini. Untuk ibu bapa orang-orang Islam menghendaki anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah agama dan kita ada SRAI ada 11 SRAI Sekolah Rendah Agama Integrasi tetapi ini sesungguhnya tidak mencukupi. Bahkan di saya di beritahu bahawa di setiap daerah paling tidak ditambahnya tiga SRAI satu daerah tiga, makna sembilan daerah kita memerlukan dua puluh tujuh lagi SRAI untuk menampung keperluan-keperluan tersebut. Jadi kita mengharapkan insya-Allah dengan, dengan apa ni dengan kemurahan hati kerajaan negeri dengan Yang Amat Berhormatnya kita merasakan kemungkinan dapat difikirkan untuk tahun-tahun yang akan datang. Kemudian tentang daripada Rawang iaitu Sekolah Rendah Agama Bandar Country Homes menaiktaraf masjid, ini pun telah termasuk tadi permintaan untuk begitu juga sekolah rendah agama begitu tinggi dan sebab itu kita berasaskan dalam *master plan* itu pun sekolah rendah agama Bandar Country Homes itu akan dimasukkan. Tentang surau yang dibangkitkan oleh Kajang tadi memang mungkin kepala surau tidak dapat dalam kita punya buku anggaran perbelanjaan ini 2012 ini kerana JAIS selama ini tidak memberikan bantuan kepada surau pembinaan surau dan sebagainya. Hanya komuniti-komuniti tempatanlah yang akan membangunkan surau, sebaliknya JAIS membina masjid, JAIS *Maintain* masjid, JAIS mendatangkan pegawai-pegawai masjid, tidak dengan surau-surau. Jadi saya pun lebih suka sebenarnya dengan pendekatan sedemikian. Maknanya komuniti-komuniti tempatan patut mengambil bahagian bersama-sama untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti surau tempat mereka beribadah. Jadi saya rasa kalau masjid itu biasanya empat surau satu masjid, atau lima surau satu masjid, enam surau satu masjid. Jadi kalau JAIS masjid pun JAIS nak buat, surau pun JAIS nak buat saya rasa kemungkinannya tidak tertampunglah

kerajaan negeri dengan permintaan yang sedemikian. Walau apa pun kita akan kepada Kajang nampaknya banyak permintaan untuk minta surau dijadikan tempat sembahyang Jumaat. Itu saya sebagai pengurus Jawatankuasa kariah kita akan memberikan ruang untuk kita memberikan kelulusan kepada permintaan-permintaan yang sedemikian. Tuan Speaker, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Ya, saya ingin mendapat penjelasan berkaitan dengan tadi persoalan saya yang saya timbulkan. Saya mendapat maklumat seolah-olah ada arahan daripada MAIS untuk mengarahkan pegawai pendidikan pelajaran daerah untuk menyampaikan sumbangan, bantuan Lembaga Zakat untuk pendidikan daripada Lembaga Zakat. Saya khuatir ini hanya sekadar cakap-cakap atau pun ada kebenarannya.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Saya tak ada maklumat tentang itu, Insya-Allah saya akan cuba dapatkan maklumatnya.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B14 iaitu wang sejumlah RM181,806,251 untuk Kepala B14 Jabatan Agama Islam menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B15 Jabatan Kebajikan Masyarakat, RM16,435,403.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B15 iaitu wang sejumlah RM16,435,403 untuk Kepala B15 Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, RM7,233,260.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B16 iaitu wang sejumlah RM7,233,260 untuk Kepala B16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM9,514,547.

**TUAN SPEAKER** : Ya Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Pengerusi, Kajang ingin merujuk kepada muka surat 511 bawah Pembangunan Industri Asas Ternak bagi kod 130 Pembangunan Industri Asas Ternak, Kajang mendapati kemudahan-kemudahan, penyediaan untuk penternakan memang ada dan apa yang kekurangan untuk menggalakkan pemasaran dari segi ternakan khasnya dari industri ternak ayam, Kajang mendapati kita ada menyediakan rumah sembelih untuk lembu, ada untuk babi dan yang lain tapi memang tidak ada rumah sembelih untuk ayam. Akibatnya PBT-PBT pasaran di pasar memang merupakan tempat sembelih ayam dan kini PBT telah melarangkan semua sembelih ayam atau itik di pasar. Maka sekarang ni, pengusaha-pengusaha terpaksa menyembelih di tempat masing-masing. Ikut suka mereka dan ini telah menyebabkan pencemaran alam dan juga gangguan kepada jiran-jiran dan juga masalah buangan daripada sisa-sisa dan air daripada sembelihan itu. Maka Kajang mencadangkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyediakan atau bekerjasama dengan PBT untuk mengujudkan sekurang-kurangnya 1 rumah sembelih khasnya untuk ayam dan dapat menyelenggarakan masalah yang bangkit daripada penyembelihan ayam di merata tempat itu sahaja terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya sila.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Terima kasih Kajang atas cadangan supaya dibina rumah sembelih ayam. Saya mengakui memang kekurangan rumah sembelih untuk ayam. PKPS sedang merancang untuk membina sebuah rumah sembelih ayam di pasar borong di Puchong. Usaha-usaha sedang dibuat untuk menguruskan pusat penyembelihan ayam di pasar-pasar borong kenapa di situ supaya dekat dengan pasar. Ada tanah seluas beberapa ekar di belakang tu yang sedang kita usahakan. Jadi inilah penyelesaian kita dan memang pihak PBT tidak memberarkan penyembelihan ayam merata-rata dan kita semua pusat sembelih ini kena dapat kebenaran. Dengan adanya pusat sembelih yang baru kita bina ini, saya rasa boleh menampung sebahagian permintaan ayam untuk dalam pasaran.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih, Tuan Pengerusi, walaupun sudah ada cadangan di Puchong tapi ia tidak meliputi kawasan-kawasan. Ada pengusaha-pengusaha yang jual ayam dia tidak akan pergi ke Puchong tempat yang begitu jauh nak balik ke Sabak Bernam, balik ke Kajang, balik ke tempat-tempat pasar-pasar untuk uruskan jadi dari segi pengangkutan sudah amat mengenakan kos. Jadi adakah cadangan untuk adakan di setiap PBT sekurang-kurangnya.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Cadangan yang ada ialah untuk yang terbesar iaitu di Puchong. Saya rasa pihak PBT telah meletakkan garis panduan yang jelas kepada mereka yang mengusahakan jual ayam ini supaya pusat sembelihnya yang teratur. Sabak Bernam saya rasa ada tempat yang di aturkan cuma mungkin kita

cuba kembangkan ke tempat-tempat lain. Kita tumpukan dulu kawasan-kawasan Petaling, kawasan Klang yang permintaan tinggi untuk tujuan ini.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B17 iaitu wang sejumlah RM9,514,547 untuk Kepala B17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, RM11,386,902.

**TUAN SPEAKER** : Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Pengurus, saya ingin mengucap, saya ingin merujuk ke muka surat 524, maksud bekalan B18 butiran 505000 Pentadbiran dan Kewangan, kod 100000 Emolumen ya, muka surat 524 ok, di bawah Pejabat Tanah dan Daerah Petaling. Ini saya ingin bincangkan apa yang berlaku di Pejabat-pejabat Tanah ni, perkara yang pertama ialah berkenaan dengan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, rasa saya ini ialah sesuatu saya rasa perlu dipertingkatkan di peringkat PTD dan juga memerlukan keputusan, satu keputusan daripada EXCO di mana mesyuarat tindakan daerah ini, walaupun ianya berniat baik tetapi perjalannya semakin tidak begitu cekap kerana mesyuarat ini merangkumi hampir kesemua jabatan-jabatan kerajaan pusat dan negeri yang ada di sesuatu daerah itu. Misalannya Jabatan Bomba, Jabatan Veterinar, Jabatan Pendidikan, Jabatan Polis, Kesihatan kalau PBT ada 3 PBT, 3 PBT hadir dan ini menjadikan banyak isu yang berbeza-beza dibincangkan dalam jawatankuasa ini. Saya rasa ini adalah mengaburi isu utama yang kita hendak bincang. Saya rasa ramai ADUN yang ada satu perasaan bahawa masalah utama apabila kita hendak berjumpa dengan Pegawai Daerah dan juga pegawai-pegawai di Pejabat Daerah ialah kita hendak berbincang masalah tanah, masalah TOL, masalah hak milik dan sebagainya. Masalah-masalah ini mengambil masa yang sangat-sangat lama dan bila kita bawa ke jawatankuasa tindakan daerah ianya tidak dapat diselesaikan dengan lengkap kerana ianya mesyuarat ini dicampuradukkan dengan perkara-perkara yang lain yang mana pada pendapat saya boleh sebenarnya dipisahkan dan dibincangkan dengan PBT ataupun dengan polis secara berasingan tanpa melibatkan pegawai-pegawai di Pejabat Tanah dan Daerah. Jadi oleh itu, saya mencadangkan kepada EXCO supaya cara jawatankuasa tindakan daerah ini ataupun mesyuarat ini dirombak semula di mana ADUN diberi peranan untuk membincang isu-isu tanah sahaja dan pada masa yang sama kalau boleh jawatankuasa teknikal tanah di setiap PTD ini termasuk khususnya di Petaling ini juga melibatkan ADUN bersama-sama kerana kita tidak ada minat untuk mengambil tanah untuk diri kita sendiri. Apa yang ada minat sangat ialah supaya permohonan tanah dan juga hak milik tanah masalah rakyat itu dapat diselesaikan

dalam masa yang paling cepat. Apa yang berlaku sekarang ia melibatkan begitu banyak birokrasi. PTD kena buat kertas kerja ke PTGS, PTGS pula kena buat kertas kerja ke MMKN atau pun MTES untuk kelulusan dan kalau ada apa perkara yang tidak dapat diselesaikan di mana-mana satu peringkat ianya akan sangkut di situ sahaja dan sebelum satu kertas kerja boleh diserahkan ke peringkat yang seterusnya dianya melibatkan begitu banyak jabatan-jabatan luar yang lain sama ada PBT, Jabatan Alam Sekitar, Bomba dan sebagainya jadi ini merupakan satu peringkat ataupun satu proses yang sangat-sangat memakan masa. Oleh itu saya minta supaya rombakan diadakan di PTD supaya mesyuarat tindakan daerah dirombak semula. Kedua, jawatankuasa teknikal tanah di setiap PTD termasuk khususnya di Petaling dirombak juga di mana ADUN dilibatkan bersama-sama dalam perbincangan. Yang kedua ialah tentang permohonan TOL. Saya difahamkan baru tadi oleh Pegawai Daerah bahawa pada masa sekarang semua permohonan TOL perlu mendapat kelulusan daripada MTES. Saya tidak ada masalah jikalau MTES ingin meneliti setiap satu permohonan TOL. Tapi TOL ini hanya bertahan 1 tahun sahaja kalau lah diadakan satu lagi peringkat pemantauan ataupun saringan di peringkat MTES, ianya pasti akan memakan masa. Saya tidak pasti apa sebabnya kita memerlukan satu lagi peringkat di MTES untuk membuat kelulusan terakhir kerana sekarang ini saya di kawasan saya ada satu projek yang boleh dikira sebagai kecemasan tapi tanah ini kita tidak boleh guna untuk membina tempat letak kereta yang susahnya ialah rakyat di rumah pangsa kos rendah kerana pada masa dahulu pemaju sengaja mengurangkan bilangan tempat letak kereta jadi kita memikirkan cara bagaimana untuk menyelesaikannya. Salah satu cara yang paling bagus ialah menggunakan tanah *right of rate* di sebelah rumah pangsa tapi masalahnya sekarang sangkut pasal apa? TOL belum keluar. Tanya Pegawai Daerah kerana belum mendapat kelulusan daripada MTES. Seperti apa yang saya katakan tadi kalau kita memerlukan satu lagi peringkat saringan daripada MTES, silakan tetapi kalau ia melibatkan masa yang lebih panjang, birokrasi yang lebih banyak saya betul-betul meminta supaya usaha ini ataupun keputusan ini diteliti semula kerana kita tidak boleh membiarkan ini berlaku. Setakat ini berlaku di Pejabat Tanah dan Daerah Petaling begitu banyak fail yang ada di situ. Begitu banyak kerja-kerja yang perlu dilakukan dan ia tidak dapat dilakukan kerana adanya perkara-perkara yang seperti ini yang menangguh-nangguhkan jadi saya minta kerajaan untuk memberi perhatian terhadap apa yang dibangkitkan saya tadi ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pihak kerajaan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih. Mengenai tanah ini ia satu pejabat yang memerlukan koordinasi sebab pertama, maklumat tersimpan di beberapa bahagian umpamanya untuk memberikan satu kelulusan yang sepatutnya untuk tanah bukan sahaja pejabat tanah mesti meluluskannya, JPS mesti meluluskannya, Jabatan Parit, Jabatan Perancangan tambahan pula kawasan dekat bukit pihak... mesti pula...

Sebab itu kita dapati kesemuanya itu terpaksa kita gunakan dan ini saya rasa walaupun dalam keadaan ini yang mesti lulus ini sekarang kita ada satu perbincangan daripada pagi tadi sampai tadi kita tengok dalam keadaan ini yang menyebabkan terdapatnya kawasan-kawasan banjir adalah kelulusan yang diberi tidak mengambil kira tempat-tempat banjir. Sekarang Sri Setia sudah tahu dah, tanah dia di bawah...

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Sri Muda.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Ya Seri Muda, Seri Muda di bawah kawasan itu. Jadi kalau sebenarnya pada awalnya dia duduk berlonggok begitu tak diluluskanlah tapi diluluskan dan sekarang sudah dalam keadaan ini. Walaupun ada itu pun masih lagi belum dapat menyelesaikan masalah. Saya tahu masalah tanah inilah. Kedua, adalah masalah fail yang fail-fail yang banyak tu kalau untuk satu jabatan dia kena tunggu fail tu datang kepada dia. Apabila fail ini datang kepada dia..., sebab dalam usaha 3 tahun saya ada di sini saya tengok salah satu yang melambatkan semua kerja ini adalah maklumat itu tak boleh diberi secara serentak kalau dalam segi TV. Kalau ada maklumat dia boleh hantar secara *email* sahaja kepada semua jabatan, bolehlah semua jabatan setuju tak setuju tentang perkara ini. Maklumat semua sudah ada dalam satu *database*. Ini nak tunggu pergi ke Jabatan Perairan, Perairan pula cari maklumat, Jabatan Perairan dah ada maklumat, tanya JKR, JKR pula tak cukup maklumat kemudian pergi pula ke Perancangan jadi ini yang berlaku. Jadi saya tidak nak mengatakan perkara ini kita boleh dapat selesaikan tetapi kita kena cari jalan supaya perkara asas itu kita kena betulkan. Kedua, saya juga telah memberitahu Dato SUK tentang ketua yang menjaga tanah tu adalah Pegawai Daerah yang mempunyai banyak tugas lain lagi -- mengikut Menteri Besar, mengikut Tuanku Sultan, mengikut anu..Jadi kerja bertambah sebab dia ada dalam Undang-undang ialah Pemungut Hasil ataupun *Collector of render vanue* atau pejabat tanah. Sebab itu dia punya kuasa terletak padanya hinggakan Menteri Besar pun kuasa untuk menyelesaikan masalah pemindahan tiap-tiap minggu Menteri Besar mesti menandatangani sekurang-kurangnya 350 fail secara fizikal. Jadi itu pun saya nak selesaikan. Saya bukan anu...takkan Menteri Besar... manalah dia kenal Amat nak tukar pada Arif, Arif nak tukar saya jadi macam robot sain saja. Hah! itu saja. Bukan saya kenal pun. Jadi oleh sebab itu ini yang berlaku dan ini yang juga yang banyak *complaint* yang kita dapati iaitu kelemahan pentadbiran yang tidak dapat menyelesaikan perkara ini. Saya terima itu, sebagai satu cabaran.

Kedua, kita juga mesti cuba memahami masalah TOL. Saya cuba memahami, sebab itu sesetengah daripada perkara itu kita dahulu beri pada Pegawai Daerah apa semua. Kita cuba memahami masalah TOL sebab tanah kerajaan, tanah kerajaan, pertama kerajaan mesti tahu mana tanah dia. Kerajaan mesti tahu mana tanahnya. Sama ada tanahnya ataupun tanah orang lain kalau Kerajaan sendiri tidak tahu di mana tanahnya itu satu perkara yang aneh tetapi benar. Oleh sebab itu kita nak tahu mana tanah kita

dan sebab apa kita kena tahu tanah kita sebab apabila mereka duduk di atas tanah kerajaan mereka disebut peneroka, walaupun tak dapat kebenaran. Walaupun mereka tak duduk sekarang kita bertanggungjawab kepada mereka. Sebab itu tiap orang yang duduk di atas tanah kerajaan sekurang-kurangnya kos kepada kerajaan RM20 ke RM25 ribu. Hah itu, sebab itu saya nak tahu macam mana kita.. jadi kelulusan untuk TOL adalah hanya RM3 tak sampai RM3 ke RM10 tetapi kalau dia dah dapat TOL itu dan kita tidak beritahu betul-betul dia ni duduk sementara, dia ingat dia dah memiliki tanah tersebut walaupun dia bayar ini, sebab kita kena beritahu ini hanya sementara, dan tiap-tiap tahun kita kena lakukan.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Tuan Pengurus dan juga Dato' Menteri Besar. Kita menyambut baik usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor untuk memperbaikkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh kerajaan lama. Kita menyambut baik dan kita mengalau-alukan bahkan kita menyokong apa juga yang dilakukan. Tetapi masalah yang timbul hasil daripada memindahkan kelulusan TOL di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah itu ke peringkat kerajaan negeri telah mengakibatkan banyak mereka-mereka yang dahulu mudah berurusan terpaksa menunggu. Sebagai satu contoh saya hari ini diberikan satu surat daripada syarikat yang berpangkalan di Pelabuhan Klang ya, Pelabuhan Klang ni bukan dalam kawasan saya tapi bila dah datang tu kita bawa juga lah ya di mana syarikat ini sudah bersedia untuk membayar TOL dengan kadar baru yang dikemukakan tetapi kadar yang dikemukakan ini terlalu berbeza, 10 kali ganda kalau dahulu untuk 0.58 ekar dia bayar Cuma RM3,800 sekarang dia kena bayar RM38,000 mengikut harga sudah diputuskan oleh Jabatan Penilaian. Jadi persoalannya dia nak bayar lebih untuk tanah yang 0.58 ekar dengan jumlah RM38,000 setahun satu jumlah yang besar. Dia nak ambil tanah tu tak boleh, jadi sebenarnya tak bolehkah kerajaan beri dalam keadaan kita bersetuju untuk memperbaiki sistem TOL itu. Mereka-mereka yang mohon untuk sambungan ini bagilah setahun dulu ikut kadar yang biasa tetapi diingatkan bahawa mungkin tahun hadapan ia berbeza dan kita bagi kelulusan supaya mereka boleh buat kerja kalau tidak ia tertangguh dan ini sudah masuk daripada bulan September sekarang dah masuk November sudah dua bulan dan dia tak boleh menjadi kerisauan kepada dia kerana dia menjalankan perniagaan hari ini tanpa membayar. Dia nak bayar tetapi terlalu besar. Bila buat rayuan kepada Pejabat Dato' Menteri Besar ada jawapan yang diberikan yang mengatakan bahawa ini adalah jumlah yang sudah pun dipersetujui dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sejak April lepas. Satu garis panduan baru. Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri kalau boleh untuk kes-kes yang tersangkut ini pada tahun ini oleh kerana banyak, ini satu contoh banyak lagi sebenarnya yang datang kepada kita tetapi kita pun paling-paling lebih pun jumpa dengan DO lah ataupun paling tidak pun kita tulis surat kepada Dato' Menteri Besar. Jadi saya minta pertimbangan

kerajaan negeri supaya kes-kes yang macam ni kita *at least* untuk 1 tahun kita bagi dahulu kemudian bagi mereka satu surat peringatan tahun depan mungkin beza dan mereka kena bayar pada harga tetapi tidaklah 10 kali ganda besarnya mungkin boleh diminta rayuan supaya harga itu agak bersesuaian dengan perniagaan yang mereka lakukan. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Kita beri perhatian tentang perkara tersebut. Satu perkara yang jelas ada yang sesetengah tu, dia memang tidak pun kelewatan membayar sewa tidak mestinya mereka terpaksa meninggalkan tempat tersebut. Itu kita jelas, kita tahu sebab ramai yang tak membayar sewa, dia TOL pun yang ramai tu dia tak bayar juga tapi kita tidak mengadakan proses untuk meninggalkan tempat tersebut. Tetapi oleh sebab itu kita biarkan tak perlu bayar pun tak pe tetapi kita kena selesaikan masalah pentadbiran tanah-tanah ini. Itu sebabnya, sebab orang tahu sekarang semua orang tahu bahawa TOL adalah sementara bukan boleh jadi *permanent*. Sebab kita tidak, tidak ada masalah daripada segi meninggalkan tempat tersebut, tak ada tetapi kita nak beritahu ini sementara dahulu tak diberitahu sekarang kita beritahu tiap-tiap mereka sementara kerana sementara sebab kalau kerajaan nak perlu guna kerajaan akan beritahu. Yang sesetengahnya tu dia guna.. kalau macam tu seperti yang dicakapkan tadi dengan RM35,000 kita boleh jual tanah tu kepada dia tak perlu lagi kita minta sewa-sewa. Kita jual tanah tu kepada dia dan ini yang akan kita lakukan ya. Hah jadi lebih senang kepada dia, dia nak bermiaga di atas tanah dia sendiri kenapa kita beri TOL kalau tanah tu memang sesuai untuk perniagaan dia. Itu yang kita nak selesaikan tapi untuk sekarang apa yang berlaku sekarang pejabat daerah tidak mempunyai budaya itu, budaya yang kalau patut dijual, juallah. Tak ada. Belum lagi sebab dalam sifir Kerajaan Negeri tak ada boleh jual tanah hanya beri premium tetapi kita terjemahkan premium boleh dijual macam dijual sama macam harga kalau kita jual harganya RM20.00 premium RM20.00lah. Itu sahaja. Jadi *culture* tu, budaya tu masih belum kita tekankan. Jadi ini yang berlaku. Tauke-tauke yang dapat tanah tu yang menyewakan tanah kepada orang yang kedua sekarang merasakan hah ini yang paling penting sebahagian besar daripada tanah-tanah TOL ini yang mengikut kajian kita bukan dimiliki oleh orang duduk di atas tanah tersebut, bukan. Ada pula orang yang dapat menyewa TOL itu dan disewakan kepada mereka ini. Hah ini yang nak kita selesaikan. Hah itu yang kita nak selesaikan. Saya faham. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat, boleh. Sebenarnya adakah boleh Kerajaan halau dia daripada tanah tersebut? Kalau dia tidak dihalau daripada tanah tersebut maknanya kerajaan membenarkan, tidak ada apa yang disebut *charges for late*. Bayar lambat kerajaan tak pernah tahu fasal *interest rate* yang kalau bayar lambat kena bayar penalti tak ada. Hah itu sebabnya yang berlaku.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Penjelasan sikit Yang Berhormat Tan Seri. Isunya di sini ialah apabila dia tidak memperoleh surat TOL yang baru jadi lesen

perniagaan dia pula mati jadi dia nak *renew*, nak sambung dengan Pihak Berkusa Tempatan itu tak boleh sebab diminta untuk disertakan dengan TOL yang dibenarkan oleh kerajaan yang ada ialah yang sudah tamat tempoh. Jadi inilah kesulitan-kesulitan yang sedikit sebanyak mengganggu urusan mereka dan sebagai sebuah syarikat yang terlibat dalam mengikut kertas ini sebagai syarikat yang terlibat untuk kerja-kerja pemunggahan di depot. Jadi itu dia merupakan takut, takut tergugat akhirnya nanti perniagaan dia rosak. Itu untuk makluman.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Speaker saya ambil, akan ambil *that case* tetapi kita ada perjumpaan tiap-tiap dua minggu dengan pihak-pihak PBT dan kalau ada kes-kes begitu saya akan bangkitkan. Kalau ada kes-kes tersebut yang melibatkan lambat kita menyelesaikan masalah TOL tetapi ia masih ada hubungan dengan PBT kita suruh teruskan supaya sampai kita dapat selesaikan masalah-masalah apa yang melibatkan pentadbiran ini. Dan selepas itu kita boleh serahkan balik kepada Jawatankuasa tanah di daerah-daerah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan, apa pun sekali saya ingin bertanya kepada Tan Sri sama ada kerajaan akan menilai permohonan TOL ini dari segi merit kerana contoh yang saya bagikan dalam ucapan saya itu adalah satu permohonan TOL yang tidak berunsurkan perniagaan ianya semata-mata untuk tujuan sosial iaitu menambah bilangan tempat letak kereta di sebelah rumah pangsa dan tanah itu adalah right of TNB dan di peringkat akar umbi MPPJ, TNB sudah memberi kelulusan yang keluar wang untuk membuat tempat letak kereta itu ialah pemaju. Pemaju sudi keluar wang untuk melakukannya tapi oleh kerana kelulusan ini belum ada lagi jadi tergendala. Jadi tiap-tiap hari penduduk kampung tanya apa berlaku, adakah Pakatan Rakyat menipu mereka tapi saya kata bahawa kerajaan memang akan memberi kelulusan sebab itu TOL tidak ada apa-apa unsur perniagaan dan kita pun tidak akan membina apa-apa bangunan atas tempat itu, jadi saya ingin bertanya sama ada kerajaan negeri boleh mempercepatkan, menimbang permohonan-permohonan ini dari segi merit sebab kalau dari pihak PBT, pihak TNB juga tidak ada masalah, saya tidak melihat apa-apa sebab mengapa ia perlu menunggu berbulan-bulan lamanya kalau boleh saya bagi nombor fail kepada Tan Seri untuk menilai.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Tetapi saya hairan yang itu satu masalah yang kalau tanah tu tak ada kena mengena dengan tanah negeri jadi tak timbul masalah. Jadi itu saya hairan kalau tak ada kena mengena dengan kerajaan negeri. Sebab kalau tanah tu di bawah kelolaan kelolaan Tenaga Nasional, dia boleh beri kelulusan. Tak perlu negeri.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** TOL. Tapi apa pun, dia perlu juga TOL untuk membuat apa-apa aktiviti di atas tanah itu. Tapi saya sedia untuk memberi nombor rujukan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : OK, saya akan kaji apa tu.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B18. Iaitu wang sejumlah RM11,386,902 untuk Kepala B18. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B19. Pejabat Daerah dan Tanah Gombak RM10,188,427.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Terima kasih kepada Tuan Pengurus. Seperti yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar dalam ucapan beliau bahawa

**TUAN SPEAKER** : Kepala mana Yang Berhormat?

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Oh sorry. Minta maaf. Merujuk kepada muka surat 540 Kod 10000 Emolumen. Saya menyambut baik usaha kerajaan negeri yang mereformasi kan sistem pengurusan tanah dengan memperkenalkan konsep dari Pejabat Tanah ke rakyat dengan memindahkan fail-fail tanah ke dalam bentuk elektronik. Tindakan ini adalah penting bagi menjamin ketelusan dan mempercepatkan penyemakan status tanah dan pemprosesan tanah. Namun pihak saya ingin mencadangkan khasnya untuk Pejabat Tanah dan Daerah Gombak ini tentang supaya bilangan Pegawai S.O. atau pun *Surveyor Officer* yang turun ke padang untuk menjalankan siasatan tanah itu dikaji dan supaya ditambahkan bilangannya memandangkan Pejabat Tanah telah menerima permohonan tanah yang begitu banyak dan memang PTD Gombak selama ini begitu aktif dan cepat dan agresif datang dalam menyelesaikan timbunan permohonan tanah yang ada di PTD ini. Ini adalah supaya jumlah kerja pemprosesan geran tanah dapat disokong dengan pasukan pegawai yang mencukupi dan Pejabat Tanah dan Daerah yang besar dan aktif dengan juru urus niaga tanah tinggi seperti Pejabat Tanah ini perlu ditambahkan. Dan saya ingin juga menyeru supaya pihak kerajaan negeri mengkaji semula insentif yang diberi kepada Pejabat Tanah khasnya bagi Pejabat Tanah yang mencapai sasaran kerja dan kutipan cukai tanah supaya berdasarkan jumlah cukai yang dikutip oleh setiap PTD ini termasuk Gombak. Jumlah insentif sebanyak RM100,000 kalau tak salah saya adalah kurang adil untuk PTD yang berbeza saiz dan kategorinya dengan jumlah bebanan kerja dan hasil kerja yang telah diselesaikan oleh mereka. Jadi saya cadangkan supaya kerajaan negeri menetapkan satu kadar peratusan berdasarkan jumlah hasil cukai mereka yang dikutip supaya ini dapat memberi satu motivasi dan saya rasa ini adalah satu anjakan

paradigma daripada kita memberi tetapi kita memberi berdasarkan produktiviti. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ia, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya merujuk kepada muka surat 542, 542 butiran program 525000 iaitu mengenai tanah dengan jumlah emolumen dari kod objek 11000 – 15000 iaitu peningkatan RM90,000 dari RM3.017 juta ke RM3.17 juta. Daripada angka ini menunjukkan kestabilan emolumen ataupun ganjaran kepada penjawat-penjawat yang melaksanakan tugas yang berkaitan dengan tanah di Pejabat Tanah Gombak. Dan sudah pasti pengalaman yang telah digarap pada tahun yang lalu akan dibawa pada tahun yang akan datang iaitu pengurusan pentadbiran tanah yang lebih cekap dan berkesan. Dan sudah pasti akan meningkatkan lagi dengan sistem yang telah ditingkatkan berkenaan dengan pengurusan tanah, cukai tanah dan pembayaran TOL, pemberimilikan tanah dan pajakan-pajakan yang berkaitan dengan TOL. Dan saya menjangkakan bahawa sekiranya diukur dan diatur dengan lebih teratur, maka hasil pendapatan Negeri Selangor akan meningkat di seluruh negeri Selangor sekiranya setiap fokus diberikan kepada permohonan-permohonan tanah rakyat. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang tiga perkara yang berlaku di DUN Hulu Kelang.

Yang pertama, berkenaan dengan permohonan tanah di Batu 8, Hulu Kelang. Batu 8, Hulu Kelang iaitu kisah pemindahan setinggan yang telah selesai dalam pentadbiran Pakatan Rakyat di mana Ahli Parlimen Gombak dan ADUN Hulu Kelang telah dapat berunding dengan pemaju, dengan peneroka bandar untuk bersetuju tentang satu kadar pampasan dan berpindah dan kawasan itu telah dimajukan sebagai unit-unit rumah kedai komersial. Walau bagaimanapun terdapat sebidang tanah di Batu 8 yang tidak termasuk dalam kawasan pemindahan setinggan dalam pentadbiran lama dan kawasan pembangunan rumah kedai komersial. Dan ini melibatkan 10 hingga 12 permohonan untuk pemberian milikan cara bertindih. Sebahagian daripada mereka 6 hingga 8 daripada mereka sedang dan pernah tinggal di situ. Ada yang ada rumah. Mereka telah tinggal di situ sejak tahun 60an, 70an. Dan telah memohon sejak zaman pentadbiran lama 20 tahun, 25 tahun yang lalu. Tetapi tidak ada jawapan. Dalam pentadbiran kita, kita mentadbir secara terbuka dan saya telah mengadakan pertemuan demi pertemuan. Dialog dengan dialog dan saya telah mengajukan sejak tahun 2009, 2010 surat ke Pejabat Daerah, telah menghubungi dan hingga hari ini tidak selesai. Menjadi hasrat dan harapan pemohon-pemohon yang ada rumah di situ. Mereka nak bayar cukai. Mereka rasa tak sedap duduk di tanah kerajaan tak bayar cukai. Mereka hendak sumbangkan kepada hasil pendapatan negeri. Dan salah seorang daripada mereka baru semalam meninggal dunia. Saya sedih kerana hasratnya tak kesampaian. Mereka memohon sejak mereka berusia 40 tahun hingga hari ini mereka berusia 70 tahun. Ada yang baru meninggal semalam iaitu Allahyarham Abdul Manaf bin Mohd.

Samah. Jadi kita hadiahkan Al-Fatihah kepada beliau. Jadi saya memohon pihak Dato' Menteri Besar mengambil perhatian tentang kecekapan yang perlu dipertingkatkan lagi dalam pentadbiran Pejabat Daerah Tanah dan isu ini.

Kedua, yang isu kedua ialah isu yang berkaitan dengan Taman Warisan. Iaitu pada 60an, 70an, kerajaan negeri Selangor telah menggalakkan rakyat Selangor datang ke kawasan yang hari ini berhampiran dengan Permatang Quartz yang telah kita bahaskan dalam sidang Dewan hari ini, baru-baru ini untuk kita jaga khazanah Permatang Quartz. Tempat itu adalah bernama *Ranjau The Boy*. Sangat berhampiran dengan Permatang Quartz. Mereka digalakkan datang untuk meneroka lereng-lereng bukit untuk kawasan pertanian. 112 orang telah memohon disenaraikan pada tahun itu. Pada tahun 60an, 70an. Seorang dibenarkan meneroka satu ekar tanah. Daripada tahun 87 mereka telah mendapat bancian dan didapati 94 orang daripada mereka telah mendapat geran tanah untuk tujuan ladang kontan. Dan walau bagaimanapun 18 orang tak dapat. Di atas sebab itu alasan yang diberikan oleh Pegawai Daerah pada masa itu adalah kerana mereka tidak mengusahakan dan mereka diberi peluang untuk mengusahakan dan membersihkan kawasan mereka dan untuk dibanci pada tahun berikutnya. Walau bagaimanapun pada tahun 88, tidak ada respons, tidak ada tinjauan daripada Pegawai Daerah. Menurut mereka, dan saya sudah tinjau perkara ini dan oleh kerana itu mereka tidak dapat geran hingga hari ini, hingga kemudian pada tahun 2000 apabila mereka bertanya, jawapan yang diberi oleh Pejabat Daerah kawasan itu telah digazet kan sebagai kawasan Taman Warisan. Tapi yang anehnya bagi mereka, yang mereka tak puas hati adalah kerana kalau Taman Warisan kenapa yang kawan yang dapat tu tak Taman Warisan. Yang dia Taman Warisan, yang sebelahnya tak Taman Warisan, yang sebelah yang tak dapat Taman Warisan. Berpetak-petak. Jadi saya sudah mengadakan beberapa pertemuan dengan Pejabat Daerah dan telah mengunjurkan surat permohonan kepada mereka, hingga hari ini belum ada jawapan. Saya memohon demi keadilan untuk rakyat kerana mereka pun sudah warga emas, mereka terkilan dan mereka berusaha untuk sebagaimana rakan-rakan mereka mendapat geran tanah mereka juga mahu geran tanah untuk kawasan ladang pertanian kontan mereka.

Yang ketiganya, Tuan Pengurus, adalah berkenaan dengan kawasan-kawasan tanah Kerajaan yang digunakan oleh rakyat ataupun istilahnya oleh peneroka bandar. Saya ingin merakamkan di dalam Dewan yang mulia ini hari ini di DUN Hulu Kelang terdapat beberapa tapak kawasan yang dijadikan kawasan setinggan iaitu kawasan setinggan Kampung Fajar yang terdapat 60, 70 keluarga tinggal di situ. Kampung setinggan, setinggan Kampung Kemensah terdapat 30 keluarga, setinggan Kampung Hulu Kemensah 30 keluarga, setinggan Kampung Taman Warisan 80 keluarga dan kemudian setinggan Batu 7 ½, 30 keluarga. Yang uniknya setinggan Batu 7 ½ ini mereka ini asalnya adalah pendatang dari Indonesia tetapi anak-anak mereka kerana

sudah lama tinggal di situ lebih 30 tahun, mereka sudah jadi warganegara Malaysia. Apa yang ingin saya syorkan hari ini adalah agar dengan peruntukan kakitangan yang mencukupi di Pejabat Daerah/Tanah Gombak sepatutnya pemetaan yang sebaiknya dilakukan, ukuran dan sukatan yang dilakukan perlu kita lakukan agar kita tahu berapakah nilai kerugian hasil oleh kerana kita tidak mengusahakan tanah itu setiap tahun. Dan saya ingin menyeru kepada Dato' Menteri Besar agar dipertimbangkan, dipercepatkan satu program untuk memajukan Kampung Fajar kerana Kampung Fajar itu adalah boleh jadikan mercu tanda sumbangan kerajaan negeri kerana Kampung Fajar dinamakan sebagai Kampung Fajar oleh Allahyarham Seniman P. Ramlee. Berdekatan dengan Zoo Negara, berdepan dengan FINAS dan tempat itu terlalu daif tetapi kalau kita majukan saya yakin dia akan menjadikan, menjadi satu sumbangan kerajaan negeri Selangor kepada pembangunan kawasan itu kerana Zoo Negara dan FINAS merupakan kawasan pelancongan utama negara ini bagi pelancong-pelancong tempatan dan pelancong luar negara. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pihak kerajaan ada

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Saya menerima komen daripada Rawang dan Hulu Kelang. Gombak saya telah kita bersetuju untuk pemberian hadiah untuk kejayaan bukanlah hanya mengikut peratus yang diterima yang dihasilkan tetapi juga jumlah yang diambil. Jadi umpamanya sebagai contoh Petaling. Saya pernah beri contoh Petaling mengutip lebih RM120 juta tetapi hanya mendapat 85%. Kuala Selangor ini sebagai contoh dapat RM50 juta tetapi kutipan 95% dan dapat hadiah. Jadi itu yang kita tunjukkan berapa perkara dan ini akan kita kaji semula supaya dapat mengambil kira tentang kerja dan hasil. Kedua, sudah tentulah kita juga dapat buat kajian, jumlah pekerja di Petaling, sama ramainya dengan jumlah pekerja di Kuala Selangor. Maknanya itu pun nampak bukan timbang tara yang terbaik. Jadi itu kita ambil kira. Seterusnya, saya rasa kita telah meminta dahulunya, saya nak ceritakan, cerita dahulunya, cara mendapat tanah oleh masyarakat di daerah-daerah adalah mereka akan membuat permohonan secara individu biasanya melalui wakil rakyat ataupun wakil Dewan Negeri. Itu secara individu. Maknanya hanya apabila dia kenal dengan wakil Dewan Negeri, boleh lah fail itu sampai ke Pejabat Daerah untuk ditimbangkan untuk kawasan dia sahaja, dan rumah dia itu dapat geran tanah. Itu yang pernah berlaku. Sebab itu ada kalanya kita tengok satu kawasan itu ada 500 orang duduk di situ, boleh jadi 200 dah dapat. Yang 300 masih mengintai lagi, itu dalam keadaan tersebut. Tapi, saya telah, kita telah bersetuju dalam mesyuarat EXCO, kita tak boleh buat macam itu, kita buat secara berkelompok. Maknanya semua mereka yang ada dalam senarai itu layak diberikan peluang untuk memiliki tanah yang diduduki. Jadi, kita buat selari. Tiap-tiap kampung akan kita pergi secara menyeluruh. Itu yang kita lakukan.

Masalah yang besar yang kita dah hadapi sekarang adalah kekurangan *land survey*, kekurangan *land survey*, maknanya tak cukup untuk mereka yang ramai, untuk menyiapkan petak-petak tanah yang akan kita agihkan. Dan ini yang, kita ada, mengadakan perjumpaan baru-baru ini untuk mencari jalan bagaimana kita boleh menggunakan *private surveyor* satu. Kedua..mencari orang daripada luar, daripada negara luar, *surveyor*, untuk kita masukkan, untuk melakukan *the land survey*, kalau tidak kita tentukan petak-petaknya, esok akan jadi masalah. Itu yang berlaku, sebab itu kalau pergi pun berjuma dengan Pejabat Daerah, dia akan cuba tetapi akhirnya untuk memberi geran-geran tersebut kita mesti tetapkan lot-lot yang.. Seterusnya, kita juga mesti tentukan mana jalan dan mana parit. Dahulunya, apabila kita beri tanah, jalan dan parit kita tidak tentukan. Apabila mereka dah buat rumah, mereka dah bertembung, tak tau mana parit untuk... sebab itu berlaku banjir pula..sebab tak ada.. . jadi kita kena *plan* dahulu. Sudah *plan* baru kita beri kepada mereka. Dan mereka tidak perlu membayar ataupun premium sekarang dah kita turunkan ke RM1000. Jadi, mereka tidak perlu membayar tanah parit dan tanah jalan yang kita peruntukkan. Ha itu yang saya harap kita mula lakukan untuk perkara ini bagi menyelesaikan masalah.

Ini masalah yang berlaku sebelum 2008 dan kita nak selesaikan. Sebab itu saya kata terlalu banyak tugas itu, dan rekodnya pun, kalau asyik nak mencari rekod guna fail pula, nak cari yang ada..nanti..Sebab itu kita kena masukkan semua maklumat tu dalam sistem. Pergi sahaja, tekan kita dah tau dah, ini ada rekod dan itu tak ada rekod. Kalau tidak nak mencari satu ribu fail pun sudah memakan masa, tetapi kalau nak mencari dalam satu juta fail, itu lagi teruk. Sebab itu kita kena selesaikan perkara itu. Jadi, apa tu..Hulu Kelang, pasal kes tanah, kalau Hulu Kelang tanya orang..mereka yang pernah kerja tanah, kes selesai 2 tahun dianggap terlalu cepat. Tetapi, ada setengah kes tu, sampai 15 tahun, tetapi kita tak nak macam kes itu. Saya tak percaya tu..kita sekarang kena percepatkan lagi. Sebab itu sampai turun padang. Maknanya supaya kes itu dapat dicepatkan sehingga 2 – 3 minggu yang pernah dilakukan. Saya tanya untuk beberapa negeri yang mempunyai sistem-sistem ini, paling lama sebulan. Iaitu, saya ambil contoh di Australia, sebab ia mempunyai sistem yang sama dengan kita. Apa yang disebut *Torrens System* ha, dalam masa sebulan, ia boleh selesaikan pemilikan, pertukaran dan penandaan tanah. Itu *target* kita..yang kita mahu..

**TUAN SPEAKER** : Jadual B (19), iaitu wang sejumlah RM 10,188,427 untuk kepala B (19), Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B (20), Pejabat Daerah dan Tanah Klang, RM 10, 606, 565.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B (20), iaitu wang sejumlah RM 10, 606, 565 untuk kepala B (20), Pejabat Daerah dan Tanah Klang menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B (21), Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, RM8,685,368.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B (21), iaitu wang sejumlah RM8, 685, 368 untuk kepala B (21), Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B (22), Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat RM10,390,008.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B (22), iaitu wang sejumlah RM10,390,008 untuk kepala B (22), Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B (23), Pejabat Daerah dan Tanah Sepang RM7,416,101.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B (23), iaitu wang sejumlah RM 7, 416, 101 untuk kepala B (23), Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B (24), Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor RM8,990,620.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B (24), iaitu wang sejumlah RM8,990,620 untuk kepala B (24), Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B (25), Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor RM9,187,039.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B (25), iaitu wang sejumlah RM9,187,039 untuk kepala B (25), Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B (26), Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam RM9,470,046.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B (26), iaitu wang sejumlah RM9,470,046 untuk kepala B (26), Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B (27), Mahkamah Syariah RM9,152,777.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B (27), iaitu wang sejumlah RM9,152,777 untuk kepala B (27), Mahkamah Syariah menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B (29), Perbendaharaan (Perbelanjaan Am) RM69,099,599.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B (29), iaitu wang sejumlah RM69,099,599 untuk kepala B (29), Perbendaharaan (Perbelanjaan Am) menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jumlah perbekalan RM 1,448, 997, 495.

**TUAN SPEAKER** : Jumlah perbekalan RM 1,448, 997, 495 menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal I dan Fasal II.

**TUAN SPEAKER** : Fasal I dan Fasal II menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual.

**TUAN SPEAKER** : Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**. Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Pengurus, Dato' Pengurus, saya mahu mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Pengerasi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah dipersetujui tanpa apa-apa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ke tiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ke tiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata ya, (suara ramai ya), Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. **DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2012/2011).

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bersesuaian dengan usul yang telah pun diluluskan sebentar tadi maka saya menangguhkan Dewan ini sehingga hari esok 17 November 2001, 2011 jam 10:00 pagi. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang )